

Naskhah belum disemak

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 15

Khamis

16 Jun 2016

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 32)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016

(Halaman 38)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Khamis, 16 Jun 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah atas peristiwa yang menimpa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini. Saya turut berasa penuh yakin dengan ketabahan dan kecekalan yang dipamerkan oleh Yang Amat Berhormat di dalam menghadapi perkara ini di samping kebijaksanaan menangani hal ehwal negara kita yang lain. Semoga Tuhan merahmati Yang Amat Berhormat. Sekarang kita alih kepada soalan nombor satu, Yang Berhormat Datuk Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya.

1. **Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, baru-baru ini kerajaan telah menarik balik sekatan pengambilan tenaga pekerja asing. Apa jaminan dan kepastian kepada kerajaan bahawa pengambilan tenaga pekerja asing yang bakal dibawa masuk hanya untuk keperluan yang telah disyaratkan sahaja.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kenyataan yang dikeluarkan secara rasmi oleh Dewan yang mulia ini sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa kerajaan berpendirian dan berpandangan bahawa pengisian sebarang jawatan oleh pekerja asing hanya akan dilakukan setelah kekosongan jawatan gagal diisi oleh pekerja tempatan. Justeru inisiatif dijalankan secara bersama oleh beberapa kementerian terutamanya Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan beberapa buah agensi kawal selia untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja asing diambil bukan oleh kerajaan tetapi oleh syarikat-syarikat dan oleh individu yang mahukan pekerja-pekerja asing ini dibenarkan untuk dibawa masuk.

Saya ingin membetulkan kenyataan bahawa seolah-olah kerajaan yang membawa masuk pekerja asing ini ke negara ini. Kerajaan hanya memberikan kebenaran berdasarkan kepada prinsip-prinsip permintaan oleh pihak majikan, syarikat dan individu.

Untuk itu kerajaan telah melaksanakan pembekuan pengambilan pekerja asing terutamanya yang baru mulai 19 Februari tahun ini dan penangguhan ini berkuat kuasa sehingga kerajaan berpuas hati mengenai keperluan sebenar tenaga asing seperti yang diperlukan oleh industri-industri di negara ini. Ini juga memberi peluang secukupnya kepada rakyat tempatan bekerja di sektor-sektor yang sebelum ini diisi dan didominasi oleh pekerja asing. Keputusan pembekuan permohonan pengambilan pekerja asing baru masih lagi berkuat kuasa sehingga hari ini.

Walaupun begitu, kerajaan menyedari keluhan daripada pihak majikan serta maklum balas pihak industri yang terjejas dan pembekuan ini. Dengan itu kerajaan harus mengimbangi keperluan majikan serta kepentingan ekonomi di samping memastikan peluang pekerjaan warga tempatan tidak terjejas. Kerajaan sedang membuat kajian terperinci bagi mengenal pasti keperluan sebenar serta unjuran pekerja asing dan unjuran mengikut sektor bagi keperluan guna tenaga berkenaan. Kajian ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia, Unit Perancang Ekonomi dan beberapa buah agensi kawal selia yang lain. Hasil kajian ini kelak akan dapat membantu kerajaan untuk membuat keputusan terhadap hala tuju pengurusan pekerja asing di negara.

Selain daripada itu kerajaan masih memberi peluang kepada industri untuk menggaji pekerja asing melalui program *Rehiring*, atau Program Penggajian dan Penempatan Semula yang telah dilaksanakan mulai 15 Februari hingga 30 Jun tahun ini atau akhir bulan ini. Program ini merupakan langkah proaktif kerajaan untuk memberi peluang kepada pendatang asing tanpa izin ataupun PATI yang bekerja secara haram dengan majikan di Malaysia untuk diberikan permit kerja yang sah. Ia juga merupakan salah satu inisiatif bagi membolehkan kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam negara ini bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa serta memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerjaan di sektor pekerjaan yang dibenarkan.

Bagi menjayakan program ini kerajaan juga telah membenarkan majikan menggaji PATI dalam sektor pekerjaan yang dibenarkan termasuk 17 subsektor beku di bawah sektor perkhidmatan. Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat berkaitan dengan penggajian semula ini dan syarat ini harus dipatuhi oleh majikan untuk menyertai program penggajian semula ini dan akan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar pulang ke negara asal mengikut prosedur sedia ada bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam negara ini. Mana-mana majikan yang didapati menggaji PATI tanpa berdaftar di bawah Program *Rehiring* ini akan dikenakan hukuman yang berat mengikut perundangan sedia ada yang melibatkan kesalahan menggaji PATI.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim.

Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jelas daripada jawapan Yang Berhormat Dato' Seri itu bahawa pengambilan kerja tenaga asing ini terhad kepada sektor-sektor tertentu.

■1010

Akan tetapi soalan tambahan saya ialah, kenapa masih didapati tenaga pekerja asing yang berleluasa bekerja di bahagian *front liners* yang mana sepatutnya tidak berlaku dan apakah sebabnya majikan-majikan itu lebih suka mengambil tenaga asing jadi pekerja di *front liners* seperti di kedai-kedai 24 jam. Apa tindakan penguat kuasa tentang hal ini sebab ada di kalangan pekerja itu menggunakan visa pelajar sedangkan tidak menghadiri kolej dan tidak belajar langsung, bekerja sepenuh masa. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan berkenaan yang sangat praktikal untuk dijawab kerana inilah masalah yang sedang berlaku dalam pasaran pekerjaan. Kita tahu bahawa hanya sektor tertentu sahaja yang diizinkan untuk mengambil pekerja asing. Akan tetapi malang sekali kerana majikan ini telah memberikan keutamaan untuk mengambil pekerja tempatan bekerja di tempat mereka sama ada, dengan izin, mereka adalah *front liners* ataupun merupakan tenaga sandaran atau bantuan di belakang tetapi sukar amat untuk rakyat Malaysia mahu bekerja dalam sektor-sektor apa lagi yang dipanggil sebagai *3D* dengan izin, “*dirty, dangerous and difficult.*”

Kita tahu bahawa sekurang-kurangnya tiga buah organisasi NGO yang menampar pendirian pihak kerajaan untuk mengizinkan pekerja asing kerana permintaan industri tanpa mereka mengetahui bahawa usaha telah dilakukan untuk memberikan keutamaan kepada pekerja tempatan. Malangnya dalam sektor *3D* ini atau sektor di luar *3D* sekali pun, daya tahan pekerja tempatan tidak sekuat pekerja asing. Mereka hanya bekerja dua, tiga hari, dua tiga minggu, dua tiga bulan, maka majikan perlu melaksanakan urus niaga bersandarkan kepada guna tenaga yang ada bagi membantu perniagaan atau industri mereka dan ini tidak dapat dipenuhi. Apakah pilihan yang ada kepada majikan?

Pilihannya adalah untuk mencari pekerja asing dan mengikut beberapa kajian secara empirikal yang dilakukan bahawa gaji minimum yang telah ditentukan sama ada untuk pekerja tempatan atau pekerja asing adalah sama. Oleh yang demikian, tentu salah jika dituduh bahawa seolah-olah majikan tempatan mengutamakan pekerja asing. Sebenarnya mereka berusaha untuk memperoleh pekerja asing tetapi oleh sebab daya tahan berkenaan tidak ada, maka majikan terpaksa mengambil pekerja asing.

Keduanya, pihak penguatkuasaan. Pihak penguat kuasa atau, dengan izin, *enforcement agency* tetap menjalankan tindakan dengan melakukan tindakan penguatkuasaan di semua premis yang disyaki ada pekerja asing yang tidak berdokumen. Ertinya pekerja asing yang tidak diizinkan mengikut sektor atau tidak mempunyai dokumen. Tidak ada hari tanpa operasi. Ini *tagline*, dengan izin, slogan yang ada pada pihak penguat kuasa tetapi masih berjalan. Jangan menuing jari kepada pihak kerajaan sebab ini permintaan yang datang daripada pihak industri dan pihak majikan.

Tentunya kerajaan yang prihatin mahu memberikan kemudahan kepada majikan untuk melunaskan pertanggungjawaban mereka bagi melakukan urus niaga kerana urus niaga harus berjalan tetapi tenaga kerja diperlukan. Oleh yang demikian, saya ingin memberitahu Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, bahawa tanggapan bahawa kerajaan yang membawa pekerja asing ini tidak benar. Kerajaan hanya

memberikan kelulusan jika ada justifikasi terhadap permintaan mengikut sektor dan juga mengikut keperluan sektor-sektor tertentu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah pun memberikan satu penjelasan yang cukup bagus dan saya juga ada beberapa perkara kena diutarakan di sini terutamanya daripada segi pandangan Yang Amat Berhormat. Katakan kalau sesuatu sektor itu kalau ada pekerja tempatan ini tidak dapat kerja di sektor itu bolehlah membawakan pekerja-pekerja dari luar negara. Itulah sektor-sektor yang telah pun memberikan kebenaran untuk membawa.

Akan tetapi yang saya lihatlah di sektor perkhidmatan terutamanya kepada restoran-restoran ini, mereka mengalami banyak masalah sekarang ini. Pekerja tempatan ini memang tak suka kerja dengan restoran kerana dia kena kerja 24 jam, satu. Keduanya, yang *3D* ini memang diadakan di situ pasal apa, dia tak suka ambilkan *plate* daripada meja dan dia pelayan, banyak masalah. Mereka tak nak, dia suka kerja dengan *McDonald*, *Kentucky Fried Chicken* yang tempat-tempat macam ini juga diperlukan. So ini akan menyusahkan pengusaha restoran ini untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan. So sekarang ini masalah ini yang kerajaan telah pun singkatkan yang tidak membenarkan sektor perkhidmatan yang boleh membawa pekerja dari luar negara. Ini telah pun membawa satu masalah kepada mereka untuk meneruskan restoran dan dapat lihat yang banyak restoran telah pun tutup sekarang ini kerana tak cukup pekerja.

Keduanya, soalan saya ini yang kita dapat lihat yang mana bila kita bagikan kebenaran kepada ladang, yang mana kita pergi, satu kebenaran yang penuh yang mana ia boleh jadi drebar lori, traktor, dia boleh jadi pekerja awam, dia boleh jadi *carpenter*, dia boleh jadi semua pun. Akan tetapi bila kita bagi untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini, kita hadkan pemasak dan juga orang yang boleh kebersihan. Itu sahaja. So ini akan memberikan lagi satu masalah yang mana kita akan bagi ruang kepada pengusaha restoran yang bawa orang untuk tertentu tetapi dia salah guna untuk kerja-kerja yang lain. Saya fikirkan kena bagi yang *blanket approval* yang mana mereka susun- siapa yang mereka perlu itu, tidak ada sebarang masalah seperti ini akan ditimbulkan.

Saya meminta jasa baik Yang Berhormat untuk meneliti perkara ini dan pasal apa, ada juga banyak pihak kata tak boleh benarkan kepada perkhidmatan di sektor, bila gaji naik pun, roti canai juga disasarkan, teh tarik sahaja disasarkan. Bila pekerja asing pun biasanya digunakan untuk restoran sahaja kena sasaran ini. Saya fikirkan kita kena halusi kerana tahun ini pendapatan dari restoran ini lebih daripada RM7 bilion yang mana dia ada 18,000 buah restoran di seluruh Malaysia ini. *Insya-Allah* saya fikir Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan ambil satu tindakan yang tegas. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ini satu soalan, satu cadangan, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Presiden KIMA ini. Beliau jaguh dan pejuang restoran mamak seluruh Malaysia [*Ketawa*] Benar Tuan Yang di-Pertua, ada 18,000 buah restoran 24 jam ini yang terdiri dari restoran India Muslim. Memang benar mereka kekurangan pekerja. Memang benar pekerja tempatan tidak mahu bekerja dengan mereka. Memang benar mereka ini bekerja lebih daripada 12 jam. Akan tetapi kita akan *check* juga. Kalau 12 jam, kalau lebih 8 jam, tindakan akan dilakukan untuk menguatkuasakan [*Ketawa*]

Walau bagaimanapun, saya amat prihatin terhadap permintaan dalam sektor perkhidmatan ini bukan sahaja dalam sektor perkhidmatan sajian makanan tetapi juga dalam sektor penggunting rambut. Saya juga pernah mendapat surat daripada Tuan Yang di-Pertua, sebelum beliau duduk di *bench* ini meminta supaya pekerja-pekerja gunting rambut dari India dibawa masuk.

Saya telah merujuk perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beliau mencadangkan agar ada latihan diberikan kepada pekerja tempatan untuk memotong rambut dan tidak bergantung setiap masa kepada pekerja asing. Kerja itu tidak dianggap sebagai sukar. Ia merupakan *semi skill* atau separa mahir. Ia harus ada sebuah institusi khas. Mungkin persatuan penggunting-penggunting rambut India dan saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh menjadi jaguh persatuan penggunting rambut ini untuk melawan jaguh restoran Mamak.

■1020

Insya-Allah kita akan sediakan institut latihan perindustrian melalui kerjasama Kementerian Sumber Asli bagi mengadakan latihan. Saya amat bersetuju supaya kebergantungan kita kepada pekerja asing ini harus dinuktahkan untuk sektor-sektor yang boleh dilakukan pekerjaannya oleh rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Dato' Abdul Rahman.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ramai yang nak berebut-rebut nak tanya soalan kepada Yang Amat Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas kemenangan besar pilihan raya negeri Sarawak baru-baru ini [*Tepuk*] Ini adalah tidak mustahil ataupun suatu perkara yang sangat besar jasanya yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat kerana sepanjang pilihan raya itu, Yang Berhormat, siang dan malam bertungkus-lumus bekerja, berkempen di Sarawak di samping orang-orang lain.

Perkara yang keduanya ialah saya sangat kagum kepada Yang Amat Berhormat kerana sehari dua dalam bulan puasa ini juga sentiasa berada di kedua-dua tempat. Sudahlah bulan puasa, ada di kawasan Kuala Kangsar, sekejap di Sungai Besar dan begitulah, pagi ini juga dari Kuala Kangsar. Saya berharap pilihan raya ini juga akan mencapai kecemerlangan [*Tepuk*]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tak sampai soalan lagi ini. Tidak semua yang berkaitan dengan pekerja asing ini mendatangkan keburukan atau negatif kepada rakyat dan negara. Banyak juga

kebaikan dan positifnya seperti mana dalam sektor ekonomi dan pembangunan negara, ada pro dan kontranya. Adakah kerajaan mempunyai statistik atas kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor di negara ini seperti perladangan, pembinaan dan sebagainya? Berapakah kerugian yang ditanggung oleh sektor-sektor ini akibat daripada kekurangan tenaga kerja asing atau tenaga kerja di pasaran tersebut? Saya melihat kaedah ini daripada segi hukumnya, daripada segi pandangan Islamnya juga lebih baik ataupun lebih banyak manfaat daripada mudaratnya. Maka, tenaga kerja ini sangat penting untuk kita membangunkan negara kita ini.

Saya melihat jasa dan peranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang begitu kuat dan komited bekerja, bukan sahaja kuat tetapi sangat kuat dan komited serta setia bekerja melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Saya tidak fikir Yang Amat Berhormat bekerja ini boleh jadi kuat kerana dia makan *supplement* dan sebagainya, jamu dan sebagainya tetapi kerana rasa cinta kepada agama, bangsa dan tanah airnya.

Saya rasa sangat tepatlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak relevan dengan soalan asal [Ketawa] Harap kenyataan yang kedua itu dibetulkan [Ketawa] *Alhamdulillah* kemenangan di Sarawak adalah kerja kuat daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Kita berikan ucapan tahniah kepada dia [Tepuk] Tentu sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya membantu beliau bersama-sama dengan ada Menteri daripada Sarawak yang turut berada di Dewan yang mulia ini. Saya ucapkan tahniah atas kemenangan beliau. Walaupun saya berada di sana siang dan malam tetapi saya tidak berhajat untuk membuka mana-mana cawangan baru dan saya tidak pernah berniat demikian [Ketawa]

Untuk menjawab soalan tadi, saya fikir apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang benar bahawa terdapat beberapa kerugian yang ditanggung oleh sektor-sektor tertentu apabila berlaku kekurangan pekerja-pekerja. Saya ambil contoh dalam sektor perladangan. Apabila tidak ada pekerja asing yang mahu bekerja atau berlaku penamatkan tempoh pekerjaan, maka terdapat kerugian tidak kurang daripada RM2 bilion setiap bulan. Kerugian daripada buah-buah yang tidak dikutip dan ini memberikan satu implikasi ekonomi yang agak negatif, *adverse economic implication*, dengan izin, di mana kita dapati sekurang-kurangnya RM24 bilion pendapatan daripada urus niaga sektor perladangan ini telah kekurangan. Ertinya ini akan berlaku kekurangan untuk pendapatan kerajaan daripada segi cukai.

Begitu juga di dalam industri perabot. Terdapat permintaan daripada persatuan pengilang-pengilang perabot yang berpusat di Muar terutamanya, di mana terdapat sekurang-kurangnya 24 buah kilang pembuatan perabot ini telah ditutup kerana tidak ada pekerja. Tambahan pula pekerja tempatan tidak mahu bekerja atau tidak tahan bekerja di sektor yang berkenaan. Maka, langkah telah diambil bagi memberikan sedikit kelonggaran dalam sektor ini kerana sektor perkilangan perabot hampir 100% adalah

untuk eksport. Ertinya, jika kilang-kilang berkenaan ditutup, maka negara akan kehilangan pendapatan. Maka, sektor ini telah dikecualikan daripada pembekuan. Begitu juga dalam sektor pembinaan.

Kita dapat bahawa daya tahan pekerja-pekerja asing ini melebihi dan mereka sanggup bekerja dalam bidang-bidang yang tidak mahu diceburi oleh pekerja tempatan. Oleh sebab pembekuan telah dilakukan, maka banyak daripada sektor pembinaan, terutamanya dalam sektor pembinaan infrastruktur untuk mempertingkatkan kemudahan awam di Kuala Lumpur khususnya telah terjejas. Oleh yang demikian, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya permintaan dalam sektor pembinaan dalam subsektor tertentu hendaklah dilonggarkan pembekuannya.

Begitu juga kita lihat di dalam beberapa buah subsektor yang lain. Maka, pihak kerajaan dalam usaha melakukan penelitian terhadap keperluan sebenar berdasarkan kepada kajian yang dibuat sebagaimana yang disebutkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang akan membuat *recommendations* kepada Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pekerja asing yang kebetulan saya mempergerusikannya, untuk memperakukan, adakah langkah-langkah selanjutnya yang akan dilakukan dan di sektor mana?

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita telah mula menubuhkan *National Clearinghouse* yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri untuk melihat semua sektor yang memerlukan pekerja asing, terutamanya dalam sektor-sektor kritikal. Saya juga ingin mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk menyebut bahawa langkah kerajaan bagi melakukan penggajian pekerja asing ini telah dapat menggamit permohonan pekerja-pekerja asing yang tidak berdokumen ataupun yang telah melepassi waktunya tempoh pekerjaan mereka. Daripada 15 Februari tahun ini hingga 13 Jun yang lalu, seramai 124,279 orang telah pun mendaftar untuk digaji semula.

■1030

Tentunya tuduhan beberapa buah badan yang mengatakan terdapat seramai 2.5 juta atau lebih *illegal workers*, dengan izin, pekerja tanpa izin adalah tidak benar. Kita lihat dalam tempoh yang sedemikian, itulah jumlah yang telah mendaftar. Saya akan terus mengkoordinasikan Jawatankuasa Kabinet yang saya penguruskan dengan melibatkan beberapa kementerian bagi melihat bukan sahaja, dengan izin, *legal aspect*, aspek-aspek perundangan tetapi aspek-aspek ekonomi dan aspek kemanusiaan. Terutamanya kalau kita lihat pekerja-pekerja asing yang bekerja di sektor pembinaan Tuan Yang di-Pertua, berada di kawasan kumuh. Keadaan kehidupannya terlalu bawah dengan izin, *below human standard*. Ini harus dilihat. Ya, benar kita perlukan pekerja asing tetapi mereka jangan harus dilayan sebagai di bawah substandard taraf kemanusiaan.

Saya sendiri pergi dan saya tahu kehidupan mereka terlalu daif. Pihak Jemaah Menteri telah memutuskan supaya ada *centralized accommodation system*. Ertinya mestilah ada sistem penginapan ataupun tempat kediaman untuk mereka di mana semua kemudahan termasuk kemudahan perubatan dan juga beriadah diberikan kepada mereka. Saya ambil contoh kenapa ada sungutan terhadap pekerja Nepal yang meninggal dengan kadar yang agak ramai. Ia tidak hanya berlaku di Malaysia, ia berlaku di beberapa buah negara Timur Tengah yang menggaji pekerja Nepal ini. Ada faktor-faktor tertentu kerana

mereka, dengan izin, *over-stressed, very stressful job*. Mereka bekerja lebih daripada 12 jam kerana mereka mahu mendapat pendapatan yang lebih dan faktor-faktor ini harus dilihat.

Saya harap pihak yang membangkang tidak hanya melihat daripada segi aspek-aspek pembangkangan ataupun badan-badan bukan kerajaan hanya melihat aspek negatif. Saya berharap kita bersatu hati dengan *Wahdatul Fiqh*, dengan izin, *if you understand that terminology*, dengan izin. Ini supaya kita bersatu pemikiran untuk menentukan. Ya, kita boleh berbeza pendapat tetapi ini masalah nasional, masalah yang sebenar yang harus kita bersatu hati dalam satu pemikiran untuk mengatasi masalahnya, bukan melihat hanya aspek-aspek negatif.

Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang ketiga tetapi Timbalan Tuan Yang di-Pertua dahulu mengizinkan enam soalan. Saya fikir sebagai Tuan Yang di-Pertua, tentu mahu melebihi Timbalan Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana sudi datang pada Dewan ini. Oleh sebab saya telah diberi kebenaran untuk membenarkan Ahli Yang Berhormat bertanya soalan, tetapi soalan itu bukanlah seperti- saya anggap itu sebagai cadangan. Silakan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhubung kait dengan apa yang berlaku di dalam Parlimen saya. Sejak awal saya menghadiri sidang Dewan bermula 7 Oktober 2013 sampai ke saat ini, tidak pernah lekang saya bawa usul ini, saya bawa isu ini iaitu isu pekerja asing di kawasan Pasar Borong Selayang. Di kawasan pasar borong ada tiga, empat buah taman yang didiami oleh masyarakat khususnya orang-orang Melayu. Pertama Kampung Selayang Lama; kedua, Taman Sri Murni; ketiga, Taman Desa Bakti; dan yang keempat, Taman Wilayah Selayang.

Apa yang menjadi masalah kepada kita sejak tahun 2000 ini, kalau tahun-tahun sebelum ini yang mendominasi pekerja bekerja di dalam pasar borong orang-orang Melayu, India dan Cina. Akan tetapi bermula tahun 2000 sampai sekarang dan tahun 2016 ini makin bertambah saya lihat golongan Bangladesh, golongan Myanmar yang sudah tentu ia menjadi punca masalah jenayah sosial di kawasan itu.

Jadi saya mohon kementerian, sejak saya bermula, saya bercakap dengan Timbalan Menteri tindakan saya kurang nampak keberkesanannya di atas apa yang dibuat, malah makin bertambah. Baru-baru ini ada pembunuhan berlaku di antara Myanmar, India dan Bangladesh, ada tembak menembak, sering berlaku di situ. Jadi saya berharap pihak kementerian terutamanya hari ini saya suarakan terus kepada Yang Amat Berhormat sendiri, supaya tindakan-tindakan yang sewajarnya dapat diambil supaya dapat mengurangkan sedikit masalah-masalah sosial di kawasan itu, masalah-masalah pekerja pendatang asing.

Saya hendak beritahu Yang Amat Berhormat, Kampung Selayang Lama bersebelahan, ya Allah! Teruk Yang Amat Berhormat. Sekali polis datang *rush*, atas katil, dalam bilik, atas katil orang pun dia

menyamar, dia tidur atas katil sama-sama hendak lari daripada tangkapan polis. Ini jadi masalah kepada kita. Malah di kawasan Kampung Selayang Lama, rumah-rumah setinggan pun sudah wujud, buat penempatan orang Myanmar, orang Bangladesh. Inilah masalah-masalah yang menimpa di dalam kawasan Parlimen saya. Jadi saya mohon Yang Amat Berhormat ambil perhatian atas perkara ini. Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tidak, sebab pakai songkok hari ini.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, itulah soalan waktu Dhuha nama dia [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana masalah yang berlaku di Batu terutamanya di Pasar Borong Selayang. Saya sendiri turun tiga kali bersama-sama dengan pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen untuk melihat sendiri tentang perkara yang disebutkan itu sebelum dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Terdapat tiga kumpulan yang bekerja di Pasar Borong Selayang itu. Pertama, orang Myanmar. Orang Myanmar ini terbagi kepada dua, satu Rohingya dan satu Myanmar yang sebenar. Berlakunya permasalahan pergaduhan dan sebagainya bukan kerana di Pasar Selayang, tetapi bermula daripada negara asal mereka. Jadi, masalah itu dibawa sampai ke sini. Ketiga, pekerja selain dari Myanmar iaitu termasuk pekerja Bangladesh, pekerja daripada Kemboja dan pekerja dari Indonesia.

Oleh sebab apa yang dipanggil *cultural baggage*, bagasi budaya yang berbeza, maka berlakulah permasalahan yang timbul. Dalam hal ini, kita dapati jenayah yang berlaku kita tidak boleh meletakkan kesalahan itu kepada pekerja asing. Dalam rekod PDRM, kesalahan jenayah yang dilakukan oleh pekerja asing hanya berada kurang daripada 2% daripada seluruh kesalahan jenayah. Akan tetapi kalau penjenayah itu berlaku disebabkan oleh beberapa perbuatan umpamanya pemecahan rumah, bukan terdiri daripada pekerja asing. Mereka yang datang dengan menggunakan pelbagai dokumen termasuk visa pelajar dan juga termasuk sosial visa yang datang daripada beberapa buah negara termasuk daripada Latin Amerika. Ini saya terpaksa sebutkan perkara ini. Masalah jenayah sosial memang berlaku disebabkan oleh beberapa kekangan yang timbul dan kita melakukan pemantauan.

Saya tidak pasti, setakat ini saya tidak ada rekod pekerja asing lari ke rumah orang dan tidur sama di katil. Saya harap ia tidak tidur sama dengan Yang Berhormat untuk mendapatkan perlindungan. Akan tetapi secara seriusnya, saya ingin menyebutkan di sini bahawa operasi dilakukan di mana kita daripada 1 Januari hingga 15 Jun ini, kita telah melakukan sebanyak 5,622 operasi. Kita telah menyemak atau menyaring seramai 91,075 orang pekerja asing. Seramai 27,468 orang pekerja asing yang tidak berdokumen atau telah melanggar syarat ini telah ditahan.

■1040

Kita juga telah mengambil tindakan kepada 662 orang majikan dan kita juga telah menangkap tujuh sindiket yang membawa pekerja asing ini, Yang Berhormat. Kita juga telah mengusir, 32,803 orang pekerja asing yang tidak berdokumen atau *illegal* ini balik ke negara asal. Ertinya pihak penguat kuasa atau agensi yang terlibat dalam menguatkuasakan perundangan ini menjalankan kerja.

Saya ingin berkongsi pengalaman saya di dalam Dewan yang mulia ini kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa saya sendiri turun ketika Ahli-ahli Yang Berhormat semua tidur dan berseronok berpelukan pada waktu sejuk, pukul 3.00 pagi saya turun pergi ke kawasan-kawasan berkenaan. Tanya Timbalan Menteri saya, beliau sendiri pergi dan saya lihat bahawa masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi betul.

Akan tetapi kita tidak melepaskan tangan untuk melakukan tindakan-tindakan penguatkuasaan dan kerajaan serius dalam perkara ini. Berilah kepercayaan kepada kami Kerajaan Barisan Nasional [*Tepuk*] yang akan bertanding mempertahankan kerusi itu di Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Tidak ada hubung kait dengan soalan asal tetapi kita [*Ketawa*] harap kejayaan ini memihak kepada kita, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Amat Berhormat keadaan di pasar borong itu memang serius dan tahniahlah kepada pihak PDRM di bawah kementerian Yang Amat Berhormat. Soalan akhir kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Mohd Salim.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran penyokong kuat MIC Kuala Kangsar, yang memastikan kemenangan Barisan Nasional pada 18 hari bulan [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Langat, Kuala Langat.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Kuala Langat, ya. Maknanya soalan...

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Kalau Kuala Kangsar, Yang Amat Berhormat akan tegur dia orang [*Ketawa*]

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga merangkap Menteri Dalam Negeri. Soalan dan jawapan penuh merasai situasi rakyat yang mana inilah sebenarnya masalah pekerja asing bila mana pekerja asing dibekukan. Saya terlibat secara langsung dalam RISDA contohnya. Begitu juga dengan FELCRA dan FELDA. Kesan bila mana pekerja tidak dapat dibekalkan di ladang, kesannya adalah kepada pekebun kecil, pendapatan pekebun kecil.

Baru-baru ini kerajaan bagi dividen hari raya RM500. Kalau hasil di ladang ini tidak dapat dikeluarkan oleh pekerja-pekerja asing ini sudah pastilah kita tidak dapat menjana pendapatan untuk pekebun-pekebun kecil hasil daripada jualan kelapa sawit dan getah. Jadi yang ini kekurangan amat saya cakap secara langsunglah. Memang hari ini pihak RISDA *expect* memang kurang hampir 1,000 orang pekerja ladang Indonesia. Dia tidak ambil Bangladesh, Indonesia negara sumber Indonesia, daripada Lombok contohnya.

Jadi yang ini kalau pihak Menteri Dalam Negeri tidak membantu ataupun tidak dapat mengeluarkan kelulusan kepada FELCRA dan lain-lain, kita bimbang bonus hari raya pada masa akan datang tidak dapat dibagi kerana mereka ini tidak boleh bekerja. Tanah FELCRA, tanah milik orang kampung. RISDA juga milik pekebun kecil. Tidak mampu dia orang ini dalam umur 70, 80 tahun untuk ambil buah kelapa sawit dan orang kampung ini kebanyakan mereka sudah berhijrah ke bandar. Perkara

yang ini saya minta perhatian dan juga kelulusan secara terus kepada agensi-agensi di bawah agensi kerajaan ini.

Keduanya, saya memohon agar dipertimbangkan semula. Ini ada rungutan daripada pengusaha-pengusaha stesen minyak kerana mereka ini tidak lagi dapat mengajikan pekerja asing kerana mereka yang berada di stesen minyak ini tidak lagi dibenarkan berada dalam barisan hadapan, *front liner* untuk mengisi minyak, buat servis dan sebagainya dan kecuali mereka yang ada dalam pencucian tandas.

Ini mungkin boleh dikaji semula kerana permintaan ini, kadang-kadang tidak ada orang yang hendak bekerja tengah-tengah malam, pukul 1 pagi, pukul 2 pagi. Sudah pastilah mereka yang pekerja asing ini berada di dalam industri stesen minyak ini. Jadi mohon pencerahan kelulusan secara langsung kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat meluluskan permintaan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kerana ini bukan forum yang sebenar untuk memohon pekerja asing [*Ketawa*] Akan tetapi kalau mewakili RISDA dan FELCRA, *insya-Allah*. Tulis surat kepada saya asalkan Yang Berhormat tidak bermaksud untuk menjadi agen pekerja asing [*Ketawa*] saya akan memberikan kelulusan kepada organisasi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama telah memakan masa 45 minit setakat ini dan Timbalan Yang di-Pertua itu memberikan peluang enam soalan...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Walaupun telah 40 minit berjalan, baru lima soalan. Jadi saya harap jangan jatuh standard berbanding dengan Timbalan Yang di-Pertua daripada segi waktu. [*Ketawa*] Kita tidak memprovokasi tetapi saya ingin menyebutkan bahawa tentu sekali pandangan Yang Berhormat tadi memperlihatkan bahawa keperluan pekerja asing ini adalah kritikal.

Ini adalah *practical problem* yang dihadapi oleh mereka, dengan izin, dan sekali lagi saya ingin menyebutkan bukan pihak kerajaan yang mengambil pekerja asing. Siapa yang memohon majikan, yang memohon pemain-pemain di dalam industri dan juga sektor-sektor tertentu. Ini realiti yang harus kita hadapi.

Insya-Allah sebagai kerajaan yang prihatin dengan tidak bertujuan untuk jadikan isu dalam kempen pilihan raya kecil bahawa kerajaan sentiasa prihatin dan tidak janji kosong sebagaimana calon yang bertanding dengan warna yang agak berbeza dia dua-dua tempat ini. Warna itu agak, saya baru balik dari Kuala Kangsar, agak menyakitkan mata saya. Walau bagaimanapun, ini sebuah demokrasi tentunya ketua atau Pengerusi PKR Negeri Perak akan bersama-sama dengan saya untuk membantu kemenangan calon Barisan Nasional [*Tepuk*] [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Yang Amat Berhormat memang hari ini kita ada masa yang panjang untuk soalan tetapi hendak saya melebihi Timbalan saya tidak bolehlah fasal dia lagi tua daripada saya. Saya berharap yang dengan FELCRA dan yang dibangkitkan itu Yang Amat Berhormat telah memberitahu Dewan yang mulia ini dua

bilion buah yang rosak. So, mestilah dia akan buat keputusan yang munasabah. Sekarang kita alih kepada soalan nombor dua Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman

2. Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Cukai Gula atau *Sugar Tax*, seperti yang akan dilaksanakan di Britain memandangkan ia dapat mengurangkan kepenggunaan gula yang semakin meningkat dan menjadi faktor utama kepada 3.3 juta orang rakyat Malaysia yang menghidap penyakit kencing manis dengan kos perubatan menjangkau RM7 bilion.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim. Soalannya adalah berkenaan dengan Cukai Gula ataupun *Sugar Tax*, yang cara untuk mengawal diabetes

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan sememangnya menyedari peningkatan *prevalence* penyakit diabetes di Malaysia dan setakat ini kalau lihat perangkaan yang telah pun dikaji, contohnya *National Health and Morbidity Survey 2011* berbanding dengan 2015 didapati memang meningkat. *Overweight* naik daripada 29.4% kepada 30%. Obesiti naik daripada 15.1% kepada 17.7% dan diabetes naik daripada 15% kepada 17.5%. Salah satu faktor yang menyebabkan kepada masalah ini amalan pengambilan makanan yang tidak sihat.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian telah pun merangka strategi dan aktiviti bagi mengatasi masalah ini dalam Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia yang Ketiga iaitu mulai 2016 sehingga 2025 dan *policy option* untuk menangani masalah obesiti di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak mencadangkan kenaikan cukai gula. Hanya yang akan dicadangkan sebab sekarang harga pun sudah meningkat daripada RM2.50 kepada RM2.84 setelah subsidi dihapuskan.

■1050

Jadi, kementerian cuma mengenakan cukai minuman bergula. Bukan cukai gula tetapi cukai minuman bergula. Maknanya minuman yang diproses di kilang ataupun diimport yang berbagai-bagai jenis pek ini, ini yang akan dikenakan cukai minuman bergula. Maknanya harga gula di pasaran tidak naik tetapi cukai minuman bergula akan naik. Ini juga merupakan salah satu strategi yang telah dikenal pasti di dalam dua buah dokumen tersebut. Strategi ini diharap dapat membantu mengawal *prevalence* penyakit-penyakit tidak berjangkit yang berkaitan dengan pemakanan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, cadangan cukai ini adalah tertakluk kepada persetujuan daripada Kementerian Kewangan, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu.

Soalan tambahan saya ialah dengan bertambahnya bilangan rakyat Malaysia yang menghidap penyakit kencing manis, dalam pandangan Yang Berhormat, adakah kita memberi perkhidmatan yang mencukupi seperti kemudahan dialisis istimewa pula di dalam kawasan luar-luar bandar? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak kementerian ada berbagai-bagai jenis bantuan dan *treatment* tentang masalah diabetes ini.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan memang cukup tinggi tentang diabetes. Kira-kira anggaran- kalau ikut perangkaannya 70.5 peratus, Tuan Yang di-Pertua ialah 3.5 juta orang rakyat Malaysia ada kencing manis. Ikut kiraan yang telah kita buat, tiap-tiap pesakit kencing manis yang bukan *inpatient*, yang *outpatient*, kos setiap tahun ialah RM2,680 seorang untuk yang *outpatient*. Bukan *inpatient*. Maknanya kalau tambah dengan *inpatient* yang masuk kerana *complication*, kena potong kaki dan sebagainya, kosnya akan meningkat. Bermakna kalau RM2,680 seorang, darab 3.5 juta orang pesakit kencing manis, itulah jumlahnya. Bukan *million* tetapi berbilion. Memang daripada segi kalau sudah masuk *inpatient*, memang sudah kita beri rawatan yang secukupnya.

Daripada segi dialisis, Tuan Yang di-Pertua, ini komplikasi daripada kencing manis, *kidney failure*. Dialisis, kita ada berbagai-bagai cara. Satu, melalui pusat kerajaan punya sama ada di hospital-hospital kerajaan ataupun di klinik-klinik kesihatan. Itu yang kerajaan punya tetapi ada juga pusat dialisis diadakan oleh pihak NGO dan syarikat-syarikat tertentu. Dalam hal dialisis yang pusat-pusat kerajaan punya, cuma satu pertiga daripada jumlah keperluan. Yang lain dijalankan oleh pihak swasta yang saya sebutkan tadi dan juga pihak NGO, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita telah lama membincangkan masalah-masalah yang wujud yang timbul daripada pengambilan gula daripada segi harganya bertambah naik dari hari ke hari, obesiti bertambah, penyakit *diabetic* bertambah.

Persoalan saya, apakah kita tidak memikirkan *substitute* kepada pengambilan gula? Contohnya dahulu pernah saya dengar, kita digalakkkan mengambil madu tetapi dikatakan kalau madu asli ini orang perempuan tidak suka. Dikatakan. Tak tahulah betul atau tidak betul. Madu asli. Saya ingin mencadangkan- ini daripada pengalaman saya apabila kita berada di Eropah contohnya, kebanyakan negara Eropah telah memulakan pengambilan satu *substitute* kepada gula yang dipanggil stevia.
[Senyap seketika]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya hendak beri penghormatan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Okey, terima kasih.

Saya katakan tadi, saya ingin mencadangkan satu *substitute* yang telah pun diamalkan di negara Eropah, sejenis bahan yang dipanggil stevia daripada *France* yang didapati dari Paraguay. Stevia ini merupakan 100 peratus pemanis asli semula jadi. Stevia juga merupakan 100 peratus tidak mempunyai kalori. Stevia juga merupakan 200 peratus lebih manis daripada gula. Kalau pihak kerajaan, cadangan saya, dapat melihat perkara ini seperti yang telah diamalkan di Eropah dan di Jepun, *insya-Allah*, dapat tidak banyak sedikit menyelesaikan masalah yang kita hadapi pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani masalah obesiti dan diabetes ini, memang kerajaan sudah 20 tahun dahulu memang kita membuat secara nasihat, *soft*

approach disebut, nasihat supaya orang makan secara berhemah, makan dengan kurangkan gula, kurangkan manis dan sebagainya. Akan tetapi, ya lah, seperti yang saya sebut tadi, perangkaannya menunjukkan bahawa tidak berkurangan obesiti dan kencing manis.

Kita juga telah pun menasihatkan orang ramai supaya menggunakan alternatif seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, alternatif kepada gula iaitu stevia. Stevia memang cukup manis. Cuma, harganya mahal sedikit. Setakat ini mahal.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, stevia ini boleh ditanam dan hidup subur di sini. Saya sudah tanya kilang-kilang ini. Sebenarnya kalau tanam stevia, kita boleh potong, boleh *harvest* dia setahun tiga kali. Akan tetapi malangnya, orang Malaysia tidak tanam tetapi kita import daripada China. China tanam di sana, dia cuma *harvest* setahun sekali tapi kita import ekstrak daripada China untuk diproses di sini. Jadi orang tempatan, petani tempatan dia masih belum mengetahui tentang manfaat stevia dan harga stevia yang mahal. Bolehlah kalau kita galakkan melalui berbagai-bagai kementerian lain supaya mereka menanam stevia dan stevia akhirnya menjadi murah.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sebut bahawa kita juga berkempen secara meluas daripada sekolah sampai ke orang dewasa sehingga ke mana-mana. Melalui KOSPEN kita pun kita buat program bersama dengan rakyat di kampung-kampung dan sekarang ini kita pergi ke bandar pula untuk menerangkan tentang masalah kegemukan dan diabetes. Ini memakan masa.

Satu lagi yang saya hendak sebut ialah bahawa kita juga telah memanggil kilang-kilang yang mengeluarkan minuman bergula ini, kita menasihatkan mereka supaya menukar kepada alternatif lain dan juga termasuk stevia. Kita juga telah menggalakkan mereka supaya membekalkan minuman dengan botol yang lebih kecil ataupun tin yang lebih kecil supaya dia tidak minum sampai 350 cc, dia minum 250 cc sahaja. Ini cara-cara kita hendak menggalakkan pengurangan gula di kalangan masyarakat kita, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mohon KKM untuk menyatakan hasil pemantauan dan ketetapan yang telah diberikan kepada operator-operator makanan yang bertanggungjawab untuk menyediakan makanan seimbang dan berkhasiat terutamanya untuk pelajar-pelajar di sekolah, untuk majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti kerajaan.

Selain daripada itu, kita sedia maklum kerajaan telah melancarkan Program Menu Rakyat 1Malaysia pada tahun 2011. Pada waktu itu banyak restoran yang telah mengambil bahagian. Namun, selepas lima tahun berlalu, kita dapati banyak juga restoran yang telah berhenti untuk menyediakan Menu Rakyat 1Malaysia ini. Apakah statusnya pada masa ini? Ini kerana saya dapati makanan yang disediakan dalam Menu Rakyat 1Malaysia ini tidak menepati ketetapan seimbang ataupun nutrisi. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sebut awal tadi bahawa *soft approach* yang telah pun kita buat di berbagai-bagai peringkat termasuk di sekolah. Di sekolah pun kita ada Program Doktor Muda di kalangan sekolah rendah.

■1100

Hampir 3,000 buah sekolah kita masuk program, kita adakan pasukan Doktor Muda di sekolah-sekolah. Ini kita tekankan tentang pemakanan sihat dan juga lain-lain, kebersihan dan sebagainya. Kemudian di sekolah menengah pula sekarang ini kita sudah masuk. Hampir 100 buah sekolah menengah sudah masuk dan universiti pun sudah ada program PROSTAR dipanggil dan sudah tujuh buah universiti jadi rujukan program di kalangan pelajar-pelajar universiti juga menekankan tentang perkara-perkara kesihatan ini termasuk juga pemakanan sihat.

Di sekolah memang kita ada program menu sihat di sekolah. Katin-katin dilarang menjual bahan-bahan yang terlarang dan yang memudaratkan kesihatan. Sudah ada kawalan, sudah ada senarai yang boleh jual dan ada senarai yang tidak boleh dijual. Di luar sekolah pun 40 meter daripada pagar sekolah pun juga dikawal tentang jualan makanan-makanan yang tidak seimbang Tuan Yang di-Pertua.

Tentang menu, memanglah dahulu ada program menu sihat di kalangan kedai-kedai ini tetapi itulah *the soft approach* ini nampaknya tidak berjalan. Oleh sebab itu kita menggunakan *hard approach* yang saya sebut tadi mengenakan cukai minuman bergula. Bukan cukai gula, cukai minuman bergula. Ini saya harap dapat mengurangkan orang ramai sebab saya yakin apabila dikenakan cukai minuman bergula ini, harga minuman tin dan botol akan naik. Ini juga saya kira boleh mengurangkan minuman botol ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umum mengetahui bahawa diabetes ini penyakit dahulu penyakit orang-orang dewasa dan orang-orang kampung. Saya ucap tahniah kepada kementerian kerana saya tengok banyak artikel berhubung dengan diabetes dan juga program-program di televisyen berhubung dengan pengetahuan mengenai diabetes.

Salah satu program saya melihat ialah pemakanan yang sihat dan juga mengambil seperti mana yang dikatakan oleh profesor tadi stevia atau pun lain-lain alternatif kepada gula secara *direct*. Kalau kita masuk ke kedai-kedai farmasi atau kedai-kedai menjual barang ini, kita dapati bahawa barang-barang alternatif kepada diabetes ini terlalu tinggi harganya. Orang kampung tidak dapat beli, memang tidak dapat beli yang ada tulis *sugar free* ini tidak dapat beli kerana harganya terlalu tinggi. Saya hendak bertanya adakah kementerian membuat kajian supaya diberi *tax incentive* atau pun cara-cara lain supaya harga-harga ini diturunkan supaya pesakit-pesakit diabetes ini dapat membeli dengan harga yang murah dan terlaksana program yang dijalankan oleh kerajaan.

Saya juga melihat restoran-restoran. Adakah kerajaan akan membuat kajian supaya restoran-restoran besar ini menyediakan satu area atau menyediakan sebuah tempat untuk mereka yang menghidap diabetes contohnya *cupcake* yang menggunakan stevia contohnya, supaya orang-orang yang menghidap diabetes ini mereka tidak lagi membeli *cupcake* yang menggunakan *direct sugar* ini, dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Galakan untuk menggunakan stevia dan *alternative sugar*.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang salah satu cadangannya yang saya telah sebut tadi bahawa kita akan mencadangkan, memang sudah ada di peringkat kementerian

mencadangkan supaya produk-produk yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dapat dikurangkan cukai. Macam contoh minuman botol, minuman *mineral water* contohnya tidak dikenakan GST. Ini cadangan yang termasuk dalam cadangan oleh kementerian kepada Kementerian Kewangan di mana kita meneliti perkara ini. Terima kasihlah kerana mengingatkan kementerian dalam hal ini.

Tentang restoran ini itulah kita tidak boleh *impose* perkara ini kepada restoran diasingkan tempat diabetes dengan tempat ini. Akan tetapi *the owners is*, ataupun, dengan izin, *the owners is* pesakit-pesakit itu sendiri, dia sendiri kena menjaga kesihatannya. Makan secara berhemah, makan kurang gula dan sebagainya. Ini tanggungjawab pesakit itu sendiri dan juga keluarganya. Jadi kalau kita hendak *impose* terlalu banyak *restrictions* memang akan jadi masalah kepada restoran pula Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

3. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan pemaju yang tidak mengikut keputusan dan arahan Tribunal Perumahan dan masih belum didakwa di mahkamah. Berapa pemaju dihukum oleh Mahkamah Tinggi kerana enggan mengikut keputusan Tribunal Perumahan dan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan hak-hak pembeli terpelihara.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abdul Rahman Dahlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tribunal Perumahan ditubuhkan berobjektif untuk menyediakan alternatif untuk mendengar dan mengadili tuntutan pembeli rumah yang menuntut ganti rugi ataupun pampasan daripada pemaju perumahan dengan cara yang lebih mudah, murah dan cepat.

Terdapat dua jenis tuntutan yang boleh difailkan di Tribunal Perumahan iaitu tuntutan teknikal dan bukan teknikal. Bagi tuntutan teknikal ia merangkumi kecacatan mutu kerja atau tidak mematuhi spesifikasi sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Perjanjian Jual Beli (S&P). Manakala tuntutan bukan teknikal pula merupakan tuntutan selain daripada tuntutan teknikal, contohnya ganti rugi lewat menyerah milikan kosong, pemulangan deposit, tuntutan faedah dan lain-lain kerugian.

Untuk rekod, jumlah pemfailan kes yang didaftarkan di Tribunal Perumahan dari tahun 2013 sehingga 31 Mei 2016 sebanyak 6,534 kes dan sebanyak 5,851 kes telah diselesaikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tempoh yang sama, sebanyak 1,012 kes aduan ingkar award telah dikemukakan pada Jabatan Perumahan Negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 297 kes ingkar award telah didakwa di mahkamah dan 20 pemaju telah pun dijatuhkan hukuman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap award Tribunal Perumahan yang tidak dipatuhi oleh pemaju perumahan, kementerian melalui tribunal akan mendaftarkan kes ingkar award tersebut di Mahkamah Majistret ataupun Mahkamah Seksyen untuk penguatkuasaan undang-undang di bawah seksyen 16AC dan 16AD Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*].

Seksyen 16AC boleh dikuatkuasakan terhadap penentang dengan memfailkan apa-apa prosiding pelaksanaan yang antara lain termasuk- tetapi tidak terhad kepada saman penghutang penghakiman, writ penyitaan dan penjualan atau prosiding garnisi di mahkamah tersebut.

Selain daripada itu, pemaju perumahan yang ingkar mematuhi award di tribunal juga telah dianggap melakukan suatu kesalahan jenayah dan boleh dituduh di Mahkamah Majistret di bawah seksyen 16AD akta tersebut. Tindakan seksyen 16AD ini akan dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perumahan Negara. Jika disabitkan, pemaju yang ingkar award boleh dikenakan denda yang tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Sebagai tambahan untuk kesalahan yang berulang, pemaju akan dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 bagi tiap-tiap hari yang seterusnya.

Dalam memastikan hak-hak pembeli rumah terus terpelihara, Jabatan Perumahan Negara juga telah menyenaraihitamkan 302 pemaju termasuk 1,255 orang ahli lembaga pengarah syarikat yang terlibat dengan kes ingkar award. Pemaju dan ALP ataupun ahli lembaga pengarah yang disenaraihitamkan oleh Jabatan Perumahan Negara tidak boleh membuat sebarang permohonan yang berkaitan dengan lesen pemajuan perumahan serta permit iklan dan jualan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana jawapan yang diberi agak terperinci dan lengkap. Soalan tambahan saya, apa kekangan yang dihadapi Tribunal Perumahan daripada segi penguatkuasaan kepada ketidakpatuhan pemaju yang seterusnya merugikan pembeli. Sebagai contoh, pihak pemaju tidak mematuhi pelan asal yang telah diluluskan dan dipersetujui oleh pihak kementerian. Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi apabila satu-satu keputusan dibuat tribunal itu, itu adalah muktamad dan tidak boleh di *challenge* atau dicabar oleh mana-mana pihak. Akan tetapi berlaku juga kes-kes yang di mana pemaju perumahan terlibat dalam ingkar award yang tidak menghormati keputusan Tribunal.

Oleh sebab itulah kita telah mengubah, kita mempunyai akta peruntukan dalam akta yang mana pemaju-pemaju perumahan ini boleh didakwa di mahkamah apabila mereka membuat ingkar award ini.

■1110

Seperti mana yang saya katakan tadi, seksyen 16AD, syarikat tersebut boleh dituduh di mahkamah majistret di bawah seksyen 16AD akta yang saya sebutkan tadi iaitu Akta 118 iaitu Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan). Jadi ini cara kita Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, masih ada lagi wujud kalau saya boleh bagi statistik yang saya hendak sebut di sini. Peratus pencapaian penyelesaian kes keseluruhan iaitu tribunal ini sehingga hari ini sebanyak 89.55%. Itu peratus pencapaian penyelesaian kes tribunal sehingga hari ini tetapi peratus ingkar award daripada kes yang diselesaikan juga agak besar iaitu 17.3% ataupun 1,012 kes daripada 5,851 kes yang telah diputuskan oleh mahkamah atau tribunal sebagai ingkar award.

Jadi 17.3%, satu jumlah yang masih lagi besar tetapi kita masih lagi mengambil keputusan kalau perlu disenaraihitamkan, kita senarai hitamkan syarikat tersebut dan juga Ahli-ahli Lembaga Pengarah

tersebut supaya mereka tidak boleh menggunakan syarikat lain untuk meminta lesen pemajuan ataupun permit iklan. Jadi, itu cara kita untuk membantu para pembeli.

Pada masa yang sama, saya juga ingin menyarankan kepada pembeli rumah untuk memastikan bahawa mereka hanya membeli rumah daripada syarikat-syarikat pemaju perumahan yang mempunyai *track record* yang baik. Kebanyakannya yang menjadi masalah ini ialah bila mereka membeli rumah daripada pemaju-pemaju perumahan yang tidak mempunyai pengalaman, tidak mempunyai latar belakang kewangan yang baik ataupun tatacara pengurusan syarikat yang baik.

Oleh sebab itu kekangannya ialah bila mereka mempercayai pemaju perumahan itu tetapi pada masa yang sama juga pemaju mempunyai hak untuk membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi. Dia juga boleh *challenge* kembali apa yang telah disebut di dalam Mahkamah Sesyen atau tribunal ini. Di bawa ke Mahkamah Tinggi dan kos itu kepada pembeli. Kemudian, syarikat itu bankrap. Ini pun satu lagi kekangan kita. Bila kita membuat satu-satu tuntutan, syarikat itu deklarasinya ialah dia bankrap dan ini merumitkan lagi proses untuk membela para pembeli yang telah membeli rumah daripada pemaju perumahan ini tetapi akta ini membenarkan kita membawa kes ini ke mahkamah untuk menyaman pemaju perumahan yang telah ingkar *award* seperti mana yang diputuskan oleh Tribunal Perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Adam.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita di jelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang aspek teknikal dan aspek bukan teknikal. Saya hendak menyentuh aspek teknikal. Saya ingin mendapat penjelasan secara terperinci, kalau seseorang telah membeli rumah kemudian didapati kecacatan atas rumah itu dan dia hendak membawa kepada tribunal, macam mana secara terperinci SOP yang disediakan bagi memastikan bahawa masalah yang dihadapi oleh pembeli benar-benar terbela. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator. Kenapa kita tubuhkan Tribunal Perumahan ini. Sebenarnya tujuan kita ialah untuk memudahkan pembeli untuk membuat aduan dan membawa pemaju perumahan ini kepada keadilan. Salah satu lagi jalannya ialah dengan membawanya ke mahkamah dan menyaman pemaju perumahan dan kita tahu bahawa sistem kehakiman kita sekarang ini agak rumit dan memerlukan kos yang tinggi bila kita terpaksa mencari peguam dan membuka fail kemudian naik turun mahkamah. Ini proses yang begitu panjang, memakan masa dan juga mempunyai kos yang agak tinggi. Sebab itu kita tubuhkan tribunal dan tribunal ini satu cara yang paling murah dengan kos yang begitu murah supaya pembeli rumah tersebut boleh membawa kes ini ke tribunal *specifically* dan mereka akan mendapat keadilan yang sebaiknya.

Saya hendak bagi sedikit *detail* di sini. Adakah tempoh masa untuk memfailkan tuntutan, contohnya. Semua tuntutan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Adam tadi mesti difailkan tidak lewat daripada 12 bulan daripada tarikh pengeluaran perakuan siap dan pematuhan, *12 months* setelah CCC diberikan. Kemudian tarikh tamat tempoh liabiliti kecacatan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli atau tarikh penamatkan penjualan jual beli oleh mana-mana pihak sebelum tarikh pengeluaran CCC yang mana terkemudian.

Adakah prosedur untuk memfailkan tuntutan, ini persoalannya. Pembeli rumah hendaklah memfailkan empat buah salinan pernyataan tuntutan ataupun borang 1 di pejabat pendaftaran TPP ataupun tribunal bersama dengan fi yang ditetapkan hanya sebanyak RM10. Saya rasa kalau kita pergi mahkamah, mencari peguam buka fail pun mungkin beratus atau tidak beribu. Ini dengan RM10 kita bawa borang 1 itu kepada tribunal kemudian butir-butir tuntutan dan amaun hendaklah dinyatakan dalam borang 1 dan hendaklah ditandatangani atau dicap ibu jari oleh pembeli rumah. Dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan dengan borang 1:

- (i) sesalinan Perjanjian Jual-Beli untuk tuntutan teknikal ataupun bukan teknikal, kedua-duanya mesti ada salinan Perjanjian Jual-Beli;
- (ii) satu salinan Surat Penyerahan Milikan Kosong;
- (iii) satu salinan Perakuan Siap dan pematuhan ataupun CCC; dan juga;
- (iv) Sebut Harga Pembaikan oleh kontraktor kalau dia teknikal- kos dan sebagainya.

Kemudian, satu salinan borang satu hendaklah diserahkan kepada pemaju dan hendaklah mendapat akuan penerimaan daripada pemaju sebagai bukti penyerahan. Pemaju hendaklah memfailkan pembelaan dalam empat buah salinan. Dia pun boleh *defend* dalam tribunal ini dan pemaju hendaklah memfailkan pembelaan dalam empat salinan borang dua berserta bayaran fi yang ditetapkan sebanyak RM10 juga dalam tempoh 14 hari selepas borang 1 diserahkan kepadanya dan sesalinan hendaklah diserahkan kepada pembeli rumah.

Jadi, adakah pembeli rumah perlu mendapatkan kebenaran daripada pembiayaan sebelum memfailkan tuntutan di TPP, tidak perlu cuma yang perlu ialah borang 1 diisi *because this process is very simple*, Yang Berhormat. Itu pun tujuan kita, untuk menyenangkan pembeli rumah ini mendapatkan keadilan dan tribunal ini seperti mana yang saya kata apabila dia buat keputusan, keputusannya muktamad dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak sama ada pemaju ataupun tidak. *Of course they can*, bila dia ingkar *award* dan kita boleh saman dia di mahkamah. Terima kasih.

4. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apa usaha dan tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam mengawal kemalangan melibatkan pemandu lori dan bas yang kian meningkat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, analisis yang dijalankan oleh Institusi Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya ataupun MIROS menunjukkan tiga orang penyumbang utama kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan perdagangan adalah memandu secara laju, kelesuan pemandu serta pemanduan yang berisiko. Menyedari hakikat ini, kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai program dan intervensi bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melibatkan kenderaan perdagangan sama ada terhadap pemandu atau operator kenderaan perdagangan yang berkenaan.

Antara inisiatif yang disebut adalah dengan mewajibkan pengusaha kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam mematuhi Tata Amalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Sektor

Pengangkutan 2010 yang dikuatkuasakan melalui syarat bagi mendapatkan permit. Tata amalan ini bertujuan untuk memastikan keselamatan operasi melibatkan pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan serta pengurusan perjalanan dan risiko diuruskan dengan baik dan teratur. Selain itu kerajaan juga menggalakkan pengusaha kenderaan perdagangan untuk menggunakan pakai MS ataupun Malaysian Standard ISO39001, Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu lintas bagi meningkatkan tahap pengurusan syarikat dalam aspek keselamatan jalan raya.

■1120

Bagi menangani isu sikap pemandu kenderaan perdagangan yang tidak mematuhi peraturan lalu lintas, kerajaan bercadang untuk melaksanakan semula penguatkuasaan mata demerit atau KEJARA. Pemandu-pemandu yang telah mencapai mata kumulatif yang ditetapkan, tindakan penggantungan atau pembatalan lesen memandu akan dikenakan. Tindakan ini akan dapat memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan dan sentiasa berhemah semasa berada di jalan raya dengan mengamalkan budaya *safety first*.

Daripada aspek teknikal pula, kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menguatkuasakan peraturan *United Nations UNR89* melibatkan *speed limiter device* terhadap kenderaan perdagangan mulai 1 Januari 2015 bagi model baru dan bagi model kenderaan *in production* pula akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2017.

Selain itu, sebagai langkah untuk meningkatkan tahap kebolehlihatan ataupun *visibility* orang ramai terhadap kenderaan barang, JPJ turut menguatkuasakan peraturan penggunaan *reflector* ataupun pemantul cahaya. Berdasarkan piawaian Malaysian Standard iaitu MS828:2011 *rear and side markings* melalui pemeriksaan awalan di pusat pemeriksaan PUSPAKOM bermula 1 Julai 2014.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Pengangkutan juga melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun membangunkan sistem *profiling* pemegang lesen vokasional yang melibatkan pemandu kenderaan perkhidmatan awam ataupun PSV dan pemandu kenderaan barang ataupun GDL. Sistem ini mengandungi rekod berdasarkan maklumat yang disediakan dalam pangkalan data JPJ dan rekod-rekod kesalahan dan senarai hitam di bawah sistem trafik PDRM. Aplikasi sistem ini adalah dalam bentuk cetakan yang mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- (i) demo grafik pemandu;
- (ii) lesen memandu;
- (iii) penggantungan lesen;
- (iv) senarai hitam memandu; dan
- (v) rekod saman.

Tuan Yang di-Pertua, sistem *profiling* ini dilihat dapat menangani isu pemandu lori dan bas yang bermasalah dan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan lori dan bas memandangkan rekod menunjukkan kelakuan sebenar pemandu yang dapat dicapai melalui sistem ini. Berdasarkan rekod ini, pengusaha lori dan bas dapat menilai dan memilih pemandu yang berhemah dan kompeten untuk berkhidmat dengan syarikat mereka. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi penjelasan yang cukup baik dan saya patut mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian, pihak kerajaan yang telah menyusun strategi yang begitu baik untuk memastikan masalah-masalah ini tidak akan timbul pada masa-masa hadapan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita di jalan raya bahkan hingga ke hari ini saya sendiri berpengalaman melihat bagaimana lori-lori dan bas ini membawa kenderaan mereka seolah-olah mereka di atas *racing track* walaupun di belakang lori mengatakan tidak melebihi misalnya 80 km/j. Kita dapat melihat mereka memecut, memotong. Walaupun saya faham daripada segi polisi kerajaan begitu mantap, adakala orang mempersoalkan ini merupakan persepsi, mungkin. Daripada segi penguatkuasaan ada masalah di situ. Penguatkuasaan di kalangan pegawai-pegawai penguat kuasa sendiri.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita di Eropah kita biasa naik bas di Eropah di mana pemandu bas akan menetapkan had laju yang telah ditetapkan dan tidak akan melebihi kerana tiap-tiap bas di Eropah diwajibkan memasang satu alat pengesan had laju elektronik iaitu dengan mudah pihak penguat kuasa akan dapat mengesan jika mereka melanggar peraturan ini.

Soalan saya, adakah pihak kementerian bercadang ia untuk memulakan penggunaan alat pengesan alat elektronik di bas-bas dan lori di negara kita. Saya juga ingin bertanya pihak kementerian apakah tindakan-tindakan kepada pemandu bas dan lori yang menyebabkan kemalangan kerana melanggar had laju ataupun disebabkan kewangan walaupun saya tahu telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya ingin mencadangkan tindakan yang lebih tegas dan berat lagi agar kemalangan melibatkan lori dan bas dapat dikurangkan. Di samping itu juga, cadangan-cadangan lain termasuklah ingin mencadangkan penguatkuasaan kenderaan-kenderaan berat tidak dibenarkan menggunakan jalan utama pada waktu-waktu puncak. Tidak menggunakan jalan utama pada waktu-waktu puncak.

Terakhir saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian menguatkuasakan peraturan ujian air kencing bagi memastikan tahap alkohol dan dadah bagi setiap pemandu bas dan lori. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ini ada tiga soalan. Satu, dahulu dalam lori-lori itu kita ada pasang lampu kuning. Kedua, dia cakap tindakan ke atas *driver* dan yang ketiga *check* air kencing. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Ibrahim Abu Shah mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan.

Pertama ialah masalah penguatkuasaan. Kita di PJ mempunyai 50 buah stesen penguatkuasaan seluruh negara dan penguatkuasaan ini memang kita berjalan setiap waktu dan oleh sebab negara kita ini mempunyai kawasan yang luas, sebab itu untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan akan melaksanakan semula AES iaitu sistem kamera yang akan membuat penguatkuasaan 24 jam dan tujuh

hari seminggu. Jadi, dengan sistem AES yang akan kita lancarkan kembali ini kita yakin sistem penguatkuasaan akan dapat dipertingkatkan.

Seterusnya, ia juga berkaitan dengan untuk mengesan had laju seperti apa yang disebut tadi untuk mengawal had laju. Sistem AES ini juga akan dapat mengawal masalah kenderaan-kenderaan yang melepassi had laju dan sistem AES ini kita jangka dapat mengawal keseluruhan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Seterusnya, mengenai pemandu-pemandu untuk dibuat *check* ini. Untuk makluman Ahli-ahli Senator, bahawa setiap pemandu kenderaan ini dia kena *renew* lesen PSV ataupun GDL setiap tahun. Jadi, semasa mereka *renew* lesen GDL ataupun PSV ini memang salah satu ialah ujian kesihatan termasuk air kencing. Jadi, kalau mereka tidak lulus dalam ujian kesihatan ini, lesen PSV ataupun GDL ini tidak akan dikeluarkan. Itu automatik tiap-tiap tahun kita buat.

Seterusnya mengenai kenderaan dilarang pada waktu puncak. Ia melibatkan juga penguatkuasaan di peringkat dewan bandar raya dan juga di majlis perbandaran. Untuk waktu-waktu perayaan memang kita laksanakan. Macam pada waktu yang terdekat ini perayaan hari raya puasa kita akan melarang kenderaan-kenderaan berat menggunakan jalan raya bermula 2 hari bulan dan juga selepas hari raya pun kita akan kenakan larangan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

■1130

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi kita telah dengar bahawa kerajaan telah mengambil berbagai-bagai-langkah untuk memastikan kemalangan jalan raya tidak berlaku atau dapat dikurangkan dan begitu juga pihak kementerian dengan bersusah payah dengan usaha yang pelbagai. Namun, tetap juga ia berlaku dalam hidup kita. Satu perkara yang saya hendak sebut Yang Berhormat Menteri, saya juga biasa berjalan malam, terutamanya bila datang ke Parlimen ini. Saya jarang berjumpa penguatkuasaan yang ada malam. Lori-lori berat dan begitu juga bas, mereka banyak yang berjalan malam. Jadi, di sinilah mereka mengambil kesempatan.

Keduanya, tempat AES tadi. Dia tahu tempat itu dia *slow*, lepas itu dia pecutlah. Bayangkan ada kenderaan, ada bas, ia bertolak pukul sembilan di Kuala Lumpur, sampai ke Kota Bharu pukul empat pagi. Tu berhenti tu di R&R dan saya pernah mengguna bas ini. Saya pergi jenguk, habis meter dia tekan. Kita pun berasa risau sebenarnya kerana itulah saya melihat *enforcement* sangat penting dalam perkara ini. Kadang-kadang kalau dekat hari raya pula, ia hendak *reverse* balik. Ia pergi hantar, kalau datang Kuala Lumpur, ia hendak pergi bas itu juga, balik lagi dengan tekanan *driver* nya hanya dua orang yang tidak akan berehat di sini. Datang pagi sampai pagi, balik lagi, terutamanya pada waktu hari raya lah. Jadi, perkara-perkara ini menyumbang di samping jalan dah sesak, *driver* pula tertekan, begitu lah juga kenderaan itu dipandu laju. Ini elemen yang sering berlaku.

Jadi, di sini lah *enforcement* sangat penting kepada kita di samping dalam akta semalam yang kita bincang, saya masih ingin mengharapkan supaya mereka yang terlibat dalam kemalangan dan juga

saman yang beberapa kali ini perlu diberi kaunseling. Supaya mereka beringat kerana bagi saya mereka ini seperti gagal lah begitu apabila memandu kenderaan, terutamanya kenderaan awam yang membawa ramai penumpang ataupun kenderaan pengangkutan yang besar yang melibatkan pengangkutan seperti balak dan sebagainya kerana ia mengancam keselamatan.

Oleh sebab itulah saya melihat kadang-kadang kalau ada orang membawa kenderaan dengan keadaan biasa dia dapat potong lagi walaupun kenderaan berat. Inilah yang saya tengok dalam kehidupan perjalanan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah sedikit, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan hujahan ya, Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tadi alat pengesan elektronik had laju dipasang dalam bas iaitu kalau *limitnya* 80km/h, kalau dia melebihi 80km/h, secara automatik *it will be recorded* dan pihak kementerian akan dapat *detect*. Itu yang saya maksudkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Okey Yang Berhormat, tadi yang fasal alat tu dah jawab. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita akui penguatkuasaan memang agak kurang di waktu malam dan dalam penguatkuasaan ini bukan sahaja JPJ yang melaksanakan penguatkuasaan tetapi juga polis trafik. JPJ kita membuat penguatkuasaan, khususnya dalam kamera AES yang statik tetapi yang *mobile* diurus oleh pihak polis trafik. Seterusnya, dalam konteks ini sebab itu pihak kerajaan akan melaksanakan penguatkuasaan secara menyeluruh dengan akan melaksanakan sistem AES dan mata demerit (KEJARA) kerana dengan sistem mata demerit ini sekiranya kesalahan itu berulang dan mencapai mata yang ditetapkan, maka pemegang lesen tersebut akan digantung. Kita tidak benarkan pemandu-pemandu yang berisiko ini berada di atas jalan raya kerana akan membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Dalam konteks mata demerit ini, pemandu-pemandu kenderaan perdagangan, mata akan dikenakan melebih daripada pemandu persendirian. Jadi maknanya, kerajaan mengambil serius mengenai pemandu-pemandu perdagangan dan pemandu-pemandu pengangkutan awam kerana mereka ini akan melibatkan penumpang-penumpang yang lain. Oleh sebab itu dalam sistem mata demerit ini sekiranya sesuatu kesalahan yang serius, mereka akan mendapat mata melebihi sehingga dua kali ganda daripada kesalahan pemandu kenderaan peribadi.

Seterusnya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim tadi mengenai *device* pengesan. Memang seperti saya katakan tadi, kerajaan telah melaksanakan apa yang dipanggil *speed limiter device*.

[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]

Speed limiter device ini setakat ini memang kita telah mewajibkan kepada kenderaan perdagangan. Saya akan mencadangkan kepada pihak kerajaan agar kepada sistem bas pengangkutan awam juga akan diguna pakai *speed limiter device* ini. Seterusnya, boleh memberi kawalan kepada had laju kenderaan-kenderaan pengangkutan awam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Puan Shahnim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah kementerian sedar bahawa syarikat-syarikat kenderaan berat dan pengusaha bas ini melakukan penipuan terancang apabila menghantar kenderaan mereka ke PUSPAKOM? Saya dapat makluman, apabila hendak periksa oleh PUSPAKOM mereka tukar set tayar yang baharu tetapi apabila lulus ujian ditukar balik tayar celup yang sudah botak. Oleh sebab itu kalau kita tengok di lebuh raya dan jalan-jalan raya, tayar-tayar pecah ini bersepah-sepah. Oleh sebab saya ada pengalaman sendiri terlanggar tayar yang pecah ini tetapi *alhamdulillah* selamat.

Seterusnya, saya amat simpati kepada penunggang-penunggang motosikal. Banyak kes yang mereka telah melanggar lori-lori yang rosak diletak di tepi *highway*. Jadi, saya hendak cadanglah kepada kementerian, ini bukan soalan. Mana-mana syarikat kenderaan lori, pengusaha lori ini, kalau lori rosak, kena ada masa, contohnya kena sehari atau dua hari sahaja letak di *highway*. Kalaulah ada penunggang motosikal yang melanggar lori-lori rosak atau bas rosak, mungkin kita boleh cadangkan syarikat ini kena bayar pampasan kepada mangsa seperti mangsa motosikal yang mati itu RM10,000 atau RM20,000. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penipuan terancang yang dibuat oleh pengusaha-pengusaha syarikat lori dan bas ini memang kita tidak dapat nafikan ia ada berlaku. Walau bagaimanapun, pihak JPJ membuat penguatkuasaan setiap waktu dan kalau didapati tayar atau kenderaan mereka tidak patuhi spesifikasi peraturan, kenderaan-kenderaan ini boleh dikenakan tindakan.

■1140

Mengenai tayar-tayar pecah ini, memang ini merupakan satu kesalahan dalam pengurusan kenderaan kerana kadang-kadang lori-lori ini membawa lebih muatan. Jadi, tayar mereka tidak dapat menampung berat muatan yang berlebihan. Kemudian, kadang-kadang lori ini, tayar ini *pressure* anginnya pun kadang-kadang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam peraturan ataupun kehendak tayar itu sendiri. Ini melibatkan pengurusan kenderaan yang tak dapat diurus oleh syarikat-syarikat tersebut.

Jadi dalam konteks ini, saya mengaitkan mengenai bayaran ataupun pampasan. Biasanya syarikat-syarikat kenderaan ini dicover oleh insurans. Insurans setiap kemalangan memang ada peruntukan untuk *third party claim* kepada kenderaan yang terlibat dalam kemalangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Yang Berhormat yang telah memberikan jawapan yang tepat dan baik. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam sehati

sejwa. Yang Berhormat, saya sambungkan tanggungjawab kami tadi iaitu kita beri kepada soalan nombor 5. Dipersilakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan saya nombor 5.

5. **Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana usaha dan tindakan pihak Lembaga Tabung Haji untuk menangani permohonan mengerjakan haji yang begitu ramai dan terpaksa menunggu masa lama untuk menunaikan haji.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 10 Jun 2016, jumlah pendaftaran haji adalah berjumlah 2.17 juta dan ini telah menjadikan tempoh menunggu yang lama bagi menunaikan ibadat haji. Untuk pengetahuan, tempoh menunggu kini sudah mencapai 87 tahun.

Dalam apa keadaan sekalipun, Lembaga Tabung Haji tertakluk kepada lingkungan kuota yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Isu dan permasalahan ini dihadapi oleh semua negara dan rata-rata mempunyai jumlah bilangan menunggu yang tinggi. Justeru bagi menangani tempoh menunggu lama untuk menunaikan fardu haji, Tabung Haji telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti berikut tetapi ia tertakluk kepada lingkungan kuota yang telah ditetapkan:

- (i) pendaftaran semula bakal haji hanya boleh dilakukan selepas 5 tahun dari tarikh kali terakhir menunaikan fardu haji;
- (ii) tidak menawarkan tempat untuk menunaikan fardu haji kepada kanak-kanak di bawah 15 tahun walaupun mereka telah berdaftar dan telah diberikan tahun giliran mereka;
- (iii) pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada bakal-bakal haji yang berusia 75 tahun ke atas untuk ke tanah suci lebih awal daripada giliran. Namun, keutamaan diberikan kepada bakal jemaah yang belum pernah menunaikan fardu haji serta telah lulus pemeriksaan kesihatan; dan
- (iv) bakal haji untuk kali kedua sebagai mahram, pembantu, pengiring, bakal haji terpilih dikenakan bayaran penuh tanpa tanggungan oleh Tabung Haji.

Namun dalam keadaan-keadaan tertentu jika ada kekosongan disebabkan ada yang menolak tawaran, maka Tabung Haji memberi keutamaan tempat menunaikan haji lebih awal kepada bakal haji antaranya:

- (i) mahram kepada bakal haji wanita di bawah umur 45 tahun yang terpilih pada tahun semasa; dan
- (ii) warga emas yang melebihi umur 75 tahun dan ke atas.

Walau bagaimanapun, usaha untuk memendekkan tempoh menunggu menunaikan haji ia tidak boleh lari daripada keputusan pihak Kerajaan Arab Saudi dalam meluluskan kuota tambahan haji setiap tahun untuk setiap negara termasuk Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kita yang telah memberikan penjelasan yang bagi saya memuaskan kenapa kita tunggu lama, terpaksa bakal haji menunggu lama. Ini kerana lebih daripada 2.17 juta orang rakyat Malaysia yang mendaftar dan kalau tunggu 87 tahun, maknanya kalau seorang itu lahir didaftar mungkin belum tentu dapat pergi. Itu realitilah ya. Walau bagaimanapun, saya dulu mendengar bahawa pihak Kerajaan Arab Saudi memberi alasan antara lain kerana pembesaran Masjidil Haram dan mereka mengatakan bahawa jika sekiranya Masjid al-Haram itu siap nanti, maka bakal haji itu akan ditambah kuota kepada negara-negara seperti kita Malaysia. Saya hendak tahu setakat mana perkara ini perkembangan yang telah berlaku.

Kemudian kepada bakal haji yang 75 tahun yang diberikan keistimewaan. Usia 75 tahun ini ada orang yang larat, ada yang tak larat. Tak bolehkah kalau kita ambil- ini satu pandangan, warga emas mengikut kerajaan. Ini keutamaan. Walaupun dia ramai, akan tetap orang kata sesak juga situ. tetapi kalau 75 tahun itu saya rasa ramai orang yang mungkin ada yang sihat, ada yang tak sihat. Akan tetapi kalau kita kata ambil, kita turunkan sikit lagi usia walaupun saya memahami bahawa 75 tahun pun queuenya panjang. Dalam hubungan ini, saya rasalah terima kasih kepada pihak Tabung Haji yang saya rasa habis usaha sudah dia buat tetapi hendak buat macam mana, ia bergantung dengan pihak-pihak lain. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Oleh sebab itulah saya selalu bergurau pada orang ramai dalam sesi-sesi ceramah saya, saya kata syarat wajib haji sekarang ini telah ditambah. Selain daripada kemampuan daripada segi kesihatan, kemampuan daripada segi harta benda, tetapi syarat wajib juga kena ambil kira kuota. Kalau sihat tubuh badan, kalau cukup wang tetapi tidak masuk dalam kuota pun ia akan terbebas daripada kewajipan menunaikan haji. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari, sebenarnya seperti yang dimaklumkan sebelum ini pun, daripada segi kuota kepada semua negara Islam di bawah OIC ini sudah pun dipersetujui di peringkat persidangan OIC dan oleh Kerajaan Arab Saudi bahawa 0.1% daripada jumlah penduduk Malaysia.

Untuk pengetahuan, kuota haji rasmi bagi negara kita Malaysia sebenarnya 27,900. Akan tetapi disebabkan isu Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi kerana faktor pembesaran dan sedang ditambah baik bukan sahaja di Masjidil Haram tetapi juga di Arafah, harus mengambil kira itu juga, maka sejak tahun 2013, kuota rasmi kita telah dikurangkan 20%. Ini untuk semua negara, sebanyak 5,580. Kuota bagi yang diperuntukkan bagi tahun ini ialah 22,320. Setakat itulah yang saya boleh sebutkan kerana setakat ini Kerajaan Saudi belum lagi memulangkan kuota rasmi yang diberikan kepada semua negara.

Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan umur 75 tahun ke atas. Sebenarnya untuk pengetahuan, dalam senarai menunggu kita pada tahun ini sahaja, senarai yang berumur 75 tahun ke atas adalah berjumlah lebih 24,000 orang. Jadi sebab itulah atas faktor itu selalunya kita akan menaikkan berasaskan tahap-tahap umur. Akan tetapi seperti mana yang saya sebutkan tadi, ia juga bergantung kepada pemeriksaan kesihatan. Saya mengambil kesempatan di sini, saya ingin pengalaman saya tahun lepas kali pertama mengepalai jemaah haji Malaysia. Pujian harus diberikan ke Tabung Haji dan seluruh jenteranya. Ini kerana bagi mereka yang uzur, mereka mempunyai sistem satu orang jaga seorang. Sampai begitu sekalilah perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan Tabung Haji.

Oleh sebab itulah apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. tadi akan dipertimbangkan oleh Tabung Haji. Cumanya senarionya begitu, yang berumur 75 tahun pun sudah melebihi 24,000 orang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekian, terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaiimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya ini peminat Maharaja Lawak dan salah seorang saya minat itu ialah saudara Nabil. Baru-baru ini dalam rancangan RTM telah ditemu duga saudara Nabil dan beliau menyatakan bahawa tahun lepas dia ke Mekah dan tahun ini dia akan pergi lagi.

■1150

Kita dapat makluman juga bahawa Tabung Haji hanya membenarkan berdaftar semula selepas lima tahun. Rancangan ini didengar oleh banyak peminat. Jadi soalan saya adakah pilih kasih di sini kepada orang-orang tertentu sehingga mengumumkan beliau akan pergi sekali lagi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih, saya sendiri pun tidak tengok rancangan tersebut. Saya mengharapkan Maharaja Lawak bukan buat lawaklah dalam hal ini kerana hakikatnya saya tidak tahu asas bagaimana dia mengatakan dengan penuh keyakinan. Oleh sebab itu saya katakan tadi kalau saya mengharapkan ia bukan satu bentuk lawak, kerana sebenarnya tidak ada soal pilih kasih. Ini kerana Tabung Haji, sistem kita, kita sudah ada sistem yang diaudit oleh SPRM pun dan juga Jabatan Audit Negara bahawa setiap mereka yang berdaftar mereka akan diberikan tahun, giliran dan bila akan menunaikan haji.

Prinsip dalam konteks sistem kita, SOP kita, siapa yang mendaftar dulu dia akan dapat giliran terlebih dahulu. Jadi tidak ada sebenarnya kuota-kuota yang dianggap ataupun persepsi yang dimainkan di dalam masyarakat kita Tuan Yang di-Pertua seperti mana hari ini seolah-olah adanya peruntukan kuota istimewa ataupun visa khas haji kepada mereka yang tertentu dan kepada VVIP tertentu.

Akan tetapi apa yang boleh saya katakan memang wujud sesetengah pihak yang mendapat kuota secara terus daripada Kerajaan Saudi ataupun melalui kedutaan. Ini tidak ada kaitan dengan kuota yang diberikan peruntukannya ke Tabung Haji sebagai wakil pemerintah untuk menguruskan jemaah haji kita. Sebanyak yang diperuntukkan secara rasmi 27,900 yang disebutkan tadi setelah ditolak 20%, semenjak tahun 2013 kita ada 22,320.

Sejumlah 22,030 ini telah pun berasaskan kepada mereka yang telah diberikan giliran. Siapa yang mendaftar hari ini 87 tahun akan datang. Siapa yang daftar dulu mungkin yang sepatutnya pergi hari ini tidak siapa pun yang akan ditolak gilirannya kerana hendak diberikan kuota rasmi oleh mereka yang teristimewa ataupun VVIP tertentu.

Oleh sebab itulah saya boleh bagi jaminan bahawa mereka yang telah diberi giliran mereka tidak akan menerima surat mengatakan bahawa tahun ini minta maaf, kuota sudah habis. Tidak boleh. Dia ada sistem itu, sudah pun mengambil kira semua hak dan giliran yang telah diperuntukkan oleh masing-masing. Cuma kalau ada yang menolak, oleh sebab itulah bila ada yang menolak mereka yang diberikan ruang berasaskan kepada keutamaan-keutamaan yang telah saya sebutkan daripada awal tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila seorang.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: *[Bangun]*

Prof. Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam isu penangguhan menunaikan haji kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam. Saya ingin membawa satu pandangan daripada ulama ternama iaitu Sheikh Yusuf al-Qaradawi yang merupakan Ketua Kesatuan Ulama Sedunia dalam mengatasi masalah ramainya orang yang hendak pergi dan hendak pergi itu setiap tahun.

Kecenderungan ada sebahagian ada orang yang berpendapatan tinggi hendak pergi setiap tahun. Kita di Malaysia juga melihat bahawa ada yang pergi setiap tahun sedangkan kita patut dan wajib memberikan perhatian kepada jemaah haji rakyat Malaysia yang beragama Islam yang tidak pernah menunaikan haji. Oleh sebab kita tahu dalam agama Islam menunaikan haji ini apabila hanya ada keperluan yang cukup dan sekali sahaja seumur hidup. Tidak seperti sembahyang yang kena tunaikan lima kali sehari semalam dan juga penunaian zakat fitrah ataupun zakat-zakat yang lain dan puasa.

Saya ingin menyatakan bahawa pandangan Yusuf al-Qaradawi ini penting diberikan perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab kerana kecenderungan di dunia Islam bukan sahaja di Malaysia, umat dalam keadaan yang parah daripada segi ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi, media dan sebagainya. Yusuf al-Qaradawi menyatakan alangkah baiknya orang-orang yang berpendapatan tinggi yang cukup berkeupayaan untuk menunaikan haji supaya hanya sekali sahaja menunaikan haji bahkan boleh menganjurkan supaya tidak menunaikan umrah setiap tahun supaya wang itu dapat dilaburkan untuk pembangunan ummah. Wang itu untuk membangun pendidikan dan sebagainya.

Jadi ini barangkali satu pandangan yang patut diambil kira oleh pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas perkongsian tazkirah Ramadhan pada pagi ini. Saya kira ini satu bentuk pencerahan yang amat baik sekali yang kita perlu mengakarkan pandangan yang disebutkan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya *Fiqh Al-Awlaiyat* yang mana kegagalan umat kita pada hari ini memahami keutamaan dalam

kita menunaikan apa yang wajib, apa yang sunat, yang mana patut didahulukan, yang mana patut dikemudiankan.

Saya amat bersetuju dengan pandangan sedemikian yang saya kira mungkin wacana-wacana seperti ini kita harus kembangkan. *Insya-Allah* saya akan meminta untuk Tabung Haji juga untuk menguar-uarkan idea-idea sebegini. Mungkin daripada Yang Berhormat di sebelah sana dalam hal-hal yang melibatkan kepentingan umat Islam ini kita wajib bersatu dan wajib bersama untuk kita sama-sama memberikan pencerahan kepada umat berkenaan dengan fiqh keutamaan ataupun disebut sebagai Fiqh Al-Awlaiyat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Dibenarkan?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Sila.

Tuan Ramli bin Shariff: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Budi Tuan Yang di-Pertua memang saya kenang. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memantau soal urusan haji ini. Sudah hampir setahun tragedi kren tumbang di Mekah. Kita pun selepas semua Raya Puasa, lepas itu Raya Haji. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan ataupun Tabung Haji memantau tentang perkembangan pembayaran pampasan kepada keluarga mangsa tragedi kren tumbang di Mekah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, jawapan ringkas saya Tuan Yang di-Pertua. Kita Tabung Haji memang sentiasa memantau dan sentiasa menanyakan berkenaan dengan status pembayaran ini daripada Kerajaan Arab Saudi. Setakat yang saya boleh katakan, setakat ini kita belum lagi mendapat apa-apa maklum balas daripada Kerajaan Arab Saudi mengenainya. Ini memang di bawah kuasa dan hak mutlak Kerajaan Saudi untuk membayarnya dan kita hanya membantu mengenai pengurusan sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih dan saya hendak beralih ke soalan nombor 6. Sila.

6. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah Kerajaan mempunyai satu modul berbentuk spiritual dalam mendidik serta merawat penagih dada dari golongan bukan Islam dan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan waran perjawatan serta menggubal dasar program dan aktiviti yang dapat membantu merealisasikan pelaksanaan modul spiritual ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah jawab soalan nombor satu selama 45 minit, jadi saya menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk tidak bertanya soalan tambahan banyak-banyak. Nanti karang kawan-kawan yang lain tidak dapat peluang hendak jawab pula. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat.

Dalam memberikan pendidikan yang spiritual kepada penghuni-penghuni pusat pemulihan dada yang bukan beragama Islam, kerajaan menggunakan modul pendidikan moral yang menekankan aspek-aspek pembangunan kemahiran hidup juga pembangunan sahsiah, akhlak dan seumpamanya. Selain itu

kerajaan memberikan pendidikan spiritual mengikut keperluan agama yang dianuti oleh penghuni-penghuni itu sendiri seperti agama Hindu, Buddha, Kristian dan lain-lain yang diselaraskan oleh Cawangan Agama dan Pembangunan Insan di bahagian Rawatan dan Pemulihan agensi Antidadah Kebangsaan.

Pembelajaran dan pendidikan spiritual berkenaan dilaksanakan dengan bantuan serta kerjasama daripada tenaga pengajar dari beberapa buah pertubuhan agama seperti *Malaysian Care*, Brahma Kumaris Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Persatuan Lion Buddha dan sebagainya. Bantuan-bantuan tenaga pelajar daripada pertubuhan agama tersebut adalah mencukupi untuk melaksana program-program spiritual kepada penghuni-penghuni bukan Islam yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dadah di pusat-pusat pemulihan.

Oleh itu, kerajaan tidak berpandangan buat masa ini untuk mewujudkan perawatan baru bagi tujuan tersebut. Lagipun pegawai yang ada sekarang ini memang tanggungjawab dia adalah untuk membolehkan semua *patient* di bawah pusat ini tanpa mengira agama dan juga bangsa. Terima kasih.

■1200

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Maaf, tadi Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki telah memberikan penerangan yang jelas dan tepat mengenai hal ini. Akan tetapi kita punya Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed kita adalah begitu juga ringkas dan masakarang kita hendak ada usul hendak betulkan apa kita punya rang undang-undang ini. Siapa Ahli Yang Berhormat yang berminat hendak bercakap, bagi saya *you* punya surat-surat apa-apa kah, notalah, saya catitkan. Sekarang saya minta juga tolong yang belum cakap itu, teruslah. Saya beri peluang untuk bercakap sebanyak-banyaknya. Sila.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan mengendalikan kajian penyelidikan dalam bidang pembangunan spiritual untuk agama-agama lain sebagaimana yang dilaksanakan bagi agama Islam dalam konteks menangani isu-isu gejala sosial mahupun isu-isu berkaitan penyalahgunaan dadah? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam hal ini, kerajaan ada modul-modul yang bersifat *evidence based* yang digunakan dalam menilai kejayaan untuk memulihkan *patients* di pusat pemulihan dadah. Apa yang kita perlu pastikan di sini adalah bahawa setiap klien yang ada di pusat pemulihan dadah ini akan mendapat layanan yang sama rata dan tidak ada keistimewaananya.

Modul-modul yang dibentuk dan juga digunakan di pusat-pusat pemulihan ini dikaji semula setiap tahun untuk mengukur keberkesanan modul tersebut. Jadi dalam hal ini, belum lagi ada apa-apa *feedback* atau maklum balas daripada klien-klien yang menjalani rawatan ini mengenai ketidakberkesanan modul yang digunakan untuk memulihkan mereka, dan kementerian akan sentiasa memantau supaya kalau ada apa-apa *complaint* daripada klien tersebut, kita akan ambil tindakan untuk

memastikan bahawa rawatan mereka akan dapat ditingkatkan daripada semasa ke semasa. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan penagihan hari ini, trendnya, penagih semakin lama ada yang semakin muda. Cuma, dari sudut pusat-pusat pemulihan ini, ada atau tidak satu perancangan daripada pihak kementerian agar penagih-penagih muda ini pusat pemulihannya di tempat yang berasingan? Sebab, apabila penagih-penagih muda disekalikan dengan penagih-penagih yang lebih berusia, kadang-kadang mereka ini membawa impak ataupun kesan yang tidak sihat kepada penagih-penagih yang lebih muda ini.

Jadi, satunya, mungkin pusat-pusat pemulihan khusus untuk penagih-penagih muda dan yang keduanya modul-modul yang lebih sesuai dan juga program pemulihan yang lebih sesuai untuk mereka boleh dirancang. Statusnya, adakah benda ini telah ada ataupun macam mana? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam hal ini, cara yang paling berkesan untuk merawat penagih dadah ini adalah untuk mengasingkan mereka daripada *environment* yang boleh menggalakkan mereka supaya mengambil dadah ataupun kembali semula mengambil dadah. Jadi dalam pusat AADK sendiri pun, kita memang mengasingkan di antara mereka yang dianggap sebagai mungkin menghadapi masalah mental, ada penyakit yang berjangkit dan sebagainya, supaya rawatan tersebut akan dapat ditumpukan kepada pesakit yang memerlukan rawatan yang sepatutnya oleh mereka.

Sekarang ini kita sedang memastikan juga bahawa anak-anak muda ini diasingkan daripada keseluruhan pesakit dan diberikan program pemulihan yang juga berkenaan dengan memberikan mereka peluang untuk melanjutkan pelajaran. Kalau yang paling muda itu, kita akan mengasingkan mereka di sekolah-sekolah pemulihan akhlak seperti Sekolah Henry Gurney dan sebagainya.

Jadi, saya akan terima pandangan Yang Berhormat dengan positif dan kita akan pastikan bahawa segala tindakan yang dibuat oleh pihak AADK akan lebih menjurus kepada merawat pesakit-pesakit yang daripada kalangan orang yang muda. Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk soalan tambahan.

Saya dengar pada sesi dahulu, Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi, dia memberitahu bahawa seorang yang mengambil dadah itu dia bukan penyalah, dia itu seorang pesakit. Jadi, saya dengar tadi keterangan daripada Menteri bahawa ada *environments* yang tidak begitu sesuai dan sebab *environment* ini, orang-orang muda ini mengambil dadah. Jadi, daripada kita hendak selesaikan masalah orang muda ini, adakah tindakan kerajaan untuk memastikan *environment* yang tidak bagus ini, yang tidak sesuai ini boleh kita memantau dan kita pastikan sesuatu tindakan kita ambil supaya *environment* kita tidak ada lagi benda-benda seperti itu?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: [Ketawa] Yang Berhormat, soalan ini luar daripada tajuk soalan tetapi saya hendak beri pencerahan sedikit daripada soalan Yang Berhormat sebelum ini bahawa

sebenarnya ada pusat pemulihan untuk penagih muda yang terletak di Kedah dan juga di Kota Bharu di Kelantan. Memang sudah ada ya.

Jadi, untuk menjawab sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, *environment* yang saya sebutkan tadi mengeluarkan mereka daripada persekitaran yang boleh menggalakkan mereka daripada, satu, mendapat dadah, kedua, didorong oleh kawan-kawan untuk mengambil dadah semula, dan ketiga, tempat yang lebih sesuai untuk keluarga sendiri mengambil inisiatif untuk memantau pemulihan pesakit-pesakit ini.

Jadi, masalah sekarang ini yang dihadapi adalah apabila anak-anak muda ini masuk dalam pusat pemulihan, dia respons yang baik kepada rawatan yang diberikan. Akan tetapi bila dia sudah baik, kita lepaskan mereka, mereka kembali semula ke aktiviti lama mereka kerana mereka kembali ke kawasan rumah mereka, berjumpa semula dengan kawan-kawan dan sebagainya.

Jadi, tidak mudah untuk kerajaan untuk hendak memantau kesemua tempat yang berkenaan tetapi ada program NBOS yang diadakan dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan Kementerian Wanita supaya segala *resource* ataupun sumber kementerian-kementerian ini akan dapat ditumpukan untuk memastikan bahawa tempat-tempat persekitaran tadi yang saya sebutkan tadi, *environment* itu dapat dibersihkan daripada unsur-unsur dadah yang boleh mempengaruhi anak-anak muda ini apabila mereka dilepaskan selepas sembah dari pada pemulihan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan yang telah menjawab dengan baik dan tepat. Sekarang kita ada usul yang akan dibacakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Azalina, Menteri kita. Dipersilakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.09 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 20 Jun 2016."

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

■1210

Timbalan Yang di-Pertua: Sila hendak pergi pula kepada soalan nombor 7.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Soalan saya nombor 7.

7. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, kerjasama berterusan dalam mencapai kata sepakat berkenaan pertikaian kawasan perairan sempadan Laut China Selatan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya isu Laut China Selatan ini melibatkan dua aspek. Pertama ialah keperluan untuk mewujudkan keamanan, kestabilan dan kebebasan pelayaran dan juga penerangan ataupun, dengan izin, *freedom of overflight* dan juga *navigation*. Kedua adalah yang berkaitan dengan isu tuntutan bertindih ataupun *overlapping claim* membabitkan lima buah negara. Negara China dengan empat buah negara ASEAN yang lain iaitu Brunei, Filipina, Vietnam dan juga Malaysia. Pendirian Malaysia konsisten tentang isu Laut China Selatan iaitu ia perlu diselesaikan dengan secara aman dengan mengikut instrumen-instrumen dan perundangan antarabangsa terutamanya di bawah *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS).

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklumkan bahawa tuntutan ini membabitkan empat buah negara ASEAN dan China. Untuk makluman, seluruh empat buah negara ASEAN *the claimant state* kita tidak mengiktiraf tuntutan China untuk menggunakan *nine-dash line* sebagai sempadan tuntutan wilayah maritim ataupun *the maritime boundary* untuk China. Kita masih berpegang bahawa ia perlu berdasarkan kepada *strictly* undang-undang antarabangsa iaitu *United Nations Convention on the Law of the Sea* yang mana China adalah juga salah satu daripada *signatory* nya.

Untuk tujuan itu, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani apa yang disebut Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau, dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* pada 4 Februari 2002 untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk menandatangani apa yang dinamakan sebagai *Code of Conduct* (COC) yang akan mengikat secara *binding* ke semua *the claimant state* dan negara-negara lain yang menggunakan *South China Sea*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengendalikan Laut China Selatan, kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan negara sebagai asas utama dalam tindakan yang diambil. Kerajaan juga sentiasa memantau

perkembangan Laut China Selatan supaya kepentingan negara sentiasa terpelihara. Dalam masa yang sama, usaha-usaha di peringkat serantau khususnya ASEAN dan akan terus dilaksanakan dan dipertingkatkan agar rantau Asia Tenggara ini kekal aman dan stabil. Ingin sekali lagi saya tegaskan bahawa isu Laut China Selatan adalah amat kompleks dan ia melibatkan perhubungan antara negara-negara yang terbabit dan negara-negara yang menggunakan Laut China Selatan. Saya juga ingin menegaskan bahawa kerajaan dalam keadaan apa cara sekali pun tidak akan berkompromi dalam perkara yang menjelaskan keutuhan dan wilayah dan kepentingan negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sila.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Isu pertikaian wilayah Laut China Selatan cabaran utama ASEAN dalam memperkuuh kerjasama pertahanan dan keselamatan serantau. Saya berpandangan kita perlu segera menyelesaikan isu ini memandangkan ASEAN kini menjadi tumpuan kuasa besar dunia. Malah baru-baru ini kumpulan tujuh Menteri-menteri Luar ASEAN iaitu G7 menyuarakan keimbangan tentang pertelingkahan maritim di Asia berikutan tindakan pengawalan wilayah dan aktiviti ketenteraan daripada China.

Soalan saya ialah apa pandangan Yang Berhormat Menteri sekiranya rundingan demi rundingan terus gagal dan China berterusan mengenakan kawalan ketenteraan di seluruh Laut China Selatan? Ini kerana dilaporkan Beijing dalam bulan-bulan kebelakangan ini telah membina struktur yang besar termasuk sistem radar dan pangkalan udara di kawasan-kawasan yang dipertikaikan. Apa pandangan kementerian jika isu ini menjadi alasan kukuh untuk Amerika Syarikat terus mengukuhkan pangkalan ketenteraannya di rantau ASEAN. Ini mungkin berisiko kepada perang dingin. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya sebut pada awal tadi sememangnya isu Laut China Selatan isu yang benar-benar kompleks. Kompleks ia bukan kerana ia membabitkan lima buah negara sahaja, empat ASEAN dan juga satu China. Akan tetapi ia sebenarnya membabitkan hampir seluruh dunia. Untuk makluman, Laut China Selatan laut utama, laluan pelayaran utama yang menghubungkan antara timur dan barat. Dagangan yang membabitkan China dengan ASEAN, Amerika dengan ASEAN, Amerika dengan China, Euro dengan China, Euro dengan ASEAN.

Untuk makluman ASEAN rakan dagangan ketiga terbesar kepada China. China rakan dagangan terbesar kepada ASEAN. Amerika Syarikat rakan dagangan kedua terbesar kepada China. Negara China rakan dagangan terbesar kepada Amerika. Demikian juga Euro, Euro rakan dagangan kedua terbesar kepada ASEAN, kedua terbesar kepada China. Kenapakah saya sebut begini? Saya hendak tunjukkan *the magnitude volume of trade that happened* dekat- berlaku di Laut China Selatan. Dianggarkan lima trilion- dagangan berlaku dan jumlah dagangan ataupun *the global trade* adalah pada yang direkodkan oleh WTO pada tahun 2015 - 21 bilion, bererti satu per empat *global trade* berlaku di Laut China Selatan. Maknanya kalau berlaku *unrest situation* di Laut China Selatan, *one-fourth of the global trade will be affected*.

Maka sebab itulah dalam kita hendak capai apa yang kita hasratkan, kita hendak pastikan keamanan dan kestabilan sentiasa berlaku. Kita hendak pastikan UNCLOS yang memberi kebebasan pelayaran, kebebasan *overflight* berlaku. Ini sememangnya benar apa sebagaimana Yang Berhormat sebut ia membabitkan kepentingan-kepentingan kuasa-kuasa besar juga antara China dan juga tidak dapat dinafikan Amerika Syarikat yang mempunyai dagangan yang cukup besar di kawasan rantau ini. Namun paling penting yang saya hendak tekankan, apa yang sentiasa disebut, kita tekankan tentang ASEAN *centrality*, kepusatan ASEAN, kesepaduan ASEAN. Apa-apa berlaku *the reference must go back to ASEAN*. ASEAN become the vocal ataupun *the focal point in making sure* bahawa kawasan ini sentiasa selamat, aman, damai walaupun *overlapping claim has not resolved yet* tetapi situasi itu biar masih lagi berada- supaya tidak ada kesan khususnya kepada negara kita. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah kedudukan terakhir rundingan COC ini antara empat buah negara ASEAN dan China? Begitu juga saya ingin mendapatkan penjelasan, macam mana penerimaan negara-negara ASEAN yang lainnya selain daripada empat buah negara terlibat? Apakah mereka bersama dengan kita menyokong ataupun ada di antara negara tersebut yang memihak kepada China? Terima kasih.

■1220

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih Yang Berhormat kepada soalan tersebut. Saya perlu berhati-hati dalam memberikan jawapan kerana jawapan-jawapan ini membabitkan *international diplomacy* yang kadang-kadang *can be miss construct*. Tidak boleh dinafikan akan ada terkadang-kadang negara-negara yang mempunyai kecenderungan-kecenderungan daripada segi keakraban hubungan antara satu sama lain secara berbeza. Ada yang lebih rapat dengan China, ada yang lebih rapat dengan Amerika Syarikat tetapi saya tekankan tadi walau apa sekalipun, ASEAN kita sudah sepakat bahawa kita memberikan penekanan kepada *centrality of ASEAN*. ASEAN *centrality* menjadi salah satu agenda yang dibawa daripada sekarang sehingga tahun-tahun akan datang sebab ASEAN sekarang ini telah bangun sebagai salah sebuah gagasan yang mungkin pada 20, 30 dikatakan yang ketiga terbesar di dunia.

Sekarang kita punya GDP pun sudah mencatatkan RM2.7 trilion, yang kelima ataupun yang keenam terbesar di dunia. Ia memberi erti bahawa kalau ASEAN berada dalam kesepakatan, kesepaduan dan pemusatkan apa juga yang hendak dibuat berdasarkan kepada *ASEAN way*, maka ASEAN akan mencapai pelaksanaan-pelaksanaan apa yang diinginkan dengan mudah. Akan tetapi kalau ada *fragmentation*, kalau mula ada perpecahan ataupun mengambil tindakan-tindakan yang lebih bersifat unilateral, maka ia akan menyebabkan perpecahan daripada segi *centrality of ASEAN*. So pada waktu ini walaupun ada kecenderungan-kecenderungan, saya hendak tekankan bahawa *centrality of ASEAN is still intact*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan saya nampak bahawa jelas diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican dan satunya pastinya bahawa China merupakan rakan terbesar kita, nombor satu ya. Saya rasa saya hendak beralih kepada soalan nombor lapan.

8. **Tuan Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, sejak kebelakangan ini kawasan hutan simpan dan kawasan Orang Asli menjadi mangsa penerokaan pembalakan menyebabkan sumber bekalan air bersih sering terjejas. Apakah langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini?

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengurusan hutan di Malaysia adalah berpandukan kepada amalan pengurusan hutan secara berkekalan, *sustainable for management*. Pelaksanaan pengurusan ini hanya dilaksanakan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dan diurus sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Keluasan hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia adalah seluas lebih kurang 4.93 juta hektar dan terbahagi kepada dua kategori iaitu hutan pengeluaran dan hutan perlindungan. Aktiviti pembalakan dalam hutan simpan kekal hanya dibenarkan dalam kawasan hutan pengeluaran seluas lebih kurang tiga juta hektar ataupun 61% dari kawasan-kawasan hutan simpan kekal. Aktiviti pembalakan ini dilaksanakan secara sah melalui lesen pengeluarhasilan hutan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembalakan dalam kawasan hutan simpan kekal dilaksanakan mengikut amalan sistem pengurusan memilih atau *Selective Management System* (SMS). Melalui sistem ini pengeluaran pokok dikawal berdasarkan kriteria-kriteria tertentu iaitu penentuan had batas tebang iaitu batas minimum yang boleh dikeluarkan ialah pokok berdiameter 55 sentimeter bagi spesies bukan dipterokarpa dan 65 sentimeter bagi spesies dipterokarpa. Selain itu aktiviti pembalakan dalam kawasan hutan simpan kekal dikawal melalui penetapan catuan tebang tahunan yang diluluskan dan dipandu oleh Majlis Tanah Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kawasan rizab orang asli yang telah diwartakan dalam kawasan hutan simpan kekal. Walau bagaimanapun, memang terdapat kawasan rizab Orang Asli terletak berhampiran dengan kawasan hutan simpan kekal dan mereka menggunakan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan rayau bagi tujuan sosioekonomi mereka. Terdapat juga kawasan hutan simpan kekal yang digunakan sebagai sumber bekalan air kepada penempatan Orang Asli. Pihak jabatan perhutanan mengambil berat bagi memastikan agar tiada aktiviti-aktiviti yang dilakukan memberi kesan negatif sekitar kawasan tersebut.

Di samping itu pihak jabatan perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mewartakan seluas 734,731 hektar kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan tадahan air. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sebenarnya telah menggubal Dasar Sumber Air Negara

bagi menjamin kelestarian sumber air supaya negara mempunyai bekalan air yang mencukupi dan selamat. Pada ketika ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar masih menggubal sumber air negara yang mana kita perlu berbincang dengan pihak kerajaan negeri dan Timbalan Menteri di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar masih berjumpa dengan pihak yang berkuasa negeri bagi membincangkan soal penggubalan undang-undang tersebut.

Langkah-langkah bagi mengatasi isu yang melibatkan masyarakat Orang Asli dan aktiviti pembalakan antaranya ialah:

- (i) pelaksanaan pensijilan pengurusan hutan yang menekankan kepentingan hak masyarakat peribumi dan impak sekitar;
- (ii) menambah baik sistem pengurusan hutan daripada masa ke masa seperti pengawalan pengeluaran isi padu hutan dan peningkatan had batas tebangan minimum;
- (iii) pelaksanaan garis panduan pembinaan jalan hutan; dan
- (iv) dialog bersama dengan masyarakat orang asli.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya seterusnya, adakah pihak kementerian mempunyai unit penguatkuasaan khas ataupun *special taskforce* untuk mengesan penerokaan-penerokaan haram di hutan simpan sebabnya kebanyakannya penerokaan-penerokaan haram ini berlaku pada hujung minggu, cuti-cutii umum dan sebagainya serta berapakah tangkapan atau pendakwaan bagi kes penerokaan hutan-hutan tersebut? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mempunyai unit penguatkuasaan khas untuk menangani masalah penerokaan hutan ataupun kecurian pembalakan haram di seluruh semenanjung tetapi *constraint* yang kita hadapi pada masa sekarang secara hakikatnya perlu diterima bahawa kita belum lagi dapat ke tahap yang mencukupi untuk menguatkuaskan semua hutan di seluruh semenanjung. Jadi dalam keadaan ekonomi yang kita hadapi sekarang keperluan kita untuk mengisi dan menambahkan anggota ini belum lagi mendapat kelulusan daripada kerajaan.

Walau bagaimanapun, kita telah melaksanakan satu dasar yang kita fikir boleh mendatangkan *constraint* ataupun batasan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pencurian hutan iaitu pada beberapa bulan yang lepas Jemaah Menteri telah meluluskan satu dasar supaya tiap-tiap *sawmill* di seluruh negara akan dipindahkan dari tempat yang ada sekarang ini kepada sebuah tempat khusus untuk industri *sawmill* ataupun *timber* sahaja dan dengan itu nanti kita boleh mengawal selia aktiviti-aktiviti mereka dan kemasukan-kemasukan balak masuk ke *sawmill* tersebut. Dengan kawalan sedemikian ini maka hanya kayu didapati daripada pembalakan yang halal sahaja boleh masuk ke tempat *sawmill* dan diguna pakai

dan dibuat industri hiliran. Selain daripadanya itu mungkin tidak berkemampuan untuk mencari tempat mana mereka boleh memproses kayu-kayu balak yang mereka curi atau tebang daripada hutan kita.

■1230

Jadi dengan keadaan tegang ini, kita memberi masa kepada pihak industri supaya pindah selewat-lewatnya pada tahun 2018. Ketegasan ini telah ditetapkan dan dipersetujui oleh pihak Jemaah Menteri dan kita akan laksanakan dalam masa kita menguatkuasakan undang-undang ini, kita juga tidak mahu menjajaskan industri yang memberi sumber ekonomi kepada negara dan juga pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih banyak Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menjawab dengan baik dan tepat dan masa, saya minta maaf ya, masanya tadi, pagi ini kita dapat membincangkan sembilan soalan, pagi ini. Tak dapat sebab masa kita terhad sedikit. Jadi sekarang kita katakan sekarang sesi soal jawab kita berakhir dan sekarang kita hendak minta setiausaha bacakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 2016

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.31 tgh.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua. Kanun Tanah Negara 1965 merupakan satu rang undang-undang yang dibuat di bawah fasal 4 Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan menyeragamkan sistem pemegangan tanah di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Bagi undang-undang utama kepada perundungan dan pentadbiran tanah negara, Kanun Tanah Negara telah melalui pelbagai proses pindaan bagi menyesuaikan dengan kehendak dan perkembangan semasa, khasnya agenda pembangunan negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa keupayaan sesebuah negara untuk berjaya dalam suasana dunia yang berubah dengan pantas bergantung kepada keupayaan sistem pentadbiran tanah bertindak balas dengan perubahan ini. Malaysia pada tahun 2015 pada kedudukan ke-17 dalam kedudukan daya saing dunia mendahului negara-negara seperti Switzerland, Perancis, Belanda, Jepun, China, India dan lain-

lain. Oleh yang demikian, perundangan tanah perlu bergerak selari dengan perubahan zaman. Sebagai usaha berterusan untuk menambah baik kerangka perundangan dalam sistem penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah, satu kajian semakan semula Kanun Tanah Negara telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak perundangan pada tahun 2010.

Berdasarkan kajian ini, terdapat keperluan untuk menyediakan peruntukan yang mendukung penyerahan secara elektronik di pejabat-pejabat tanah. Ini penting untuk memastikan transaksi urusan tanah dapat berjalan dengan rancak dengan persekitaran global. Di samping itu, beberapa prosedur dalam urusan pembangunan tanah perlu ditambah baik selaras dengan persekitaran yang semakin berubah. Di samping itu, pendekatan tentang ‘kutipan hasil yang dibuat oleh kerajaan’ perlu diselaras. Justeru itu, pelbagai saluran pembayaran perlu disediakan untuk memudahkan pemilik tanah membayar cukai tanah kepada kerajaan.

Walaupun kerajaan meneroka peluang baru untuk membolehkan aktiviti perniagaan dan transaksi berkembang, kepentingan negara tidak boleh diabaikan. Oleh itu, pindaan undang-undang yang dibuat perlulah memastikan segala dasar yang disetujui bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri seperti Majlis Tanah Negara diterjemahkan dalam peruntukan undang-undang. Di samping itu, perlindungan sewajarnya perlu diberi kepada penjawat awam yang menjalankan tugas di bawah Kanun Tanah Negara.

Kerajaan berprijhatin dengan isu-isu yang dihadapi oleh rakyat akibat daripada pemusnahan alam dan pengabaian kepada tata kelola yang baik. Isu yang dibangkit daripada pembangunan tanah tinggi di kawasan-kawasan sensitif seperti Cameron Highlands perlu penyelesaian yang tuntas. Hukuman yang ditetapkan di dalam Kanun Tanah Negara pada ketika ini tidak setimbang dengan kesan dan akibat yang melanda negara disebabkan aktiviti haram yang dijalankan. Dengan itu, semua peruntukan tentang penalti dalam Kanun Tanah Negara telah disemak semula dan dicadang untuk dipertingkatkan.

Oleh itu, pindaan ini merupakan satu inisiatif kerajaan ke arah transformasi pentadbiran tanah negara. Susulan daripada itu, cadangan pindaan terhadap Kanun Tanah Negara telah diperhalusi melalui pelbagai sesi perundingan dengan semua pihak berkepentingan termasuk pentadbiran tanah negeri, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, ahli akademik dan pihak awam.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan pindaan kepada 80 seksyen termasuk pengenalan tiga seksyen baru. Cadangan pindaan kepada Kanun Tanah Negara ini turut mengambil kira keperluan untuk menyediakan peruntukan yang berpadanan, dengan izin, *corresponding amendments* dengan pindaan kepada Akta Hak Milik Strata tahun 1985 dan Akta Pengambilan Tanah 1960. Penyelarasan telah pun dibuat dalam cadangan pindaan ini supaya pelaksanaannya dapat berjalan selari dengan pelaksanaan pindaan terhadap kedua-dua akta tersebut. Terdapat lima skop dalam pindaan Kanun Tanah Negara iaitu:

- (i) penguatkuasaan aspek pendaftaran dan penyampaian perkhidmatan;
- (ii) pemantapan prosedur bagi kutipan hasil pelupusan tanah dan pembangunan tanah;

- (iii) memelihara kepentingan negara;
- (iv) memperkasakan aspek penguatkuasaan dan penegasan penalti ke atas kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara; dan
- (v) pengemas kini dan penyelarasaran peruntukan.

Di bawah skop pertama iaitu penguatkuasaan aspek pendaftaran dan penyampaian perkhidmatan, perkara yang terlibat ialah verifikasi dan merekodan diberi perhatian. Bagi melancarkan penyampaian perkhidmatan di pejabat tanah dalam konteks prosedur pendaftaran apa-apa pun urusan urus niaga. Pindaan dalam seksyen 305 memperjelaskan bahawa pendaftar hanya perlu memaklumkan kepada penyerah untuk mengutip dokumen di pejabat tanah dan pejabat pendaftar selepas pendaftaran. Fi sebagaimana ditetapkan di dalam Kaedah Tanah Negeri boleh dikenakan jika kutipan tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan. Pindaan ini dibuat bagi mengatasi masalah di mana terdapat terlalu banyak dokumen yang tidak dikutip di pejabat tanah.

Selain itu, pindaan kepada seksyen 377 membolehkan butiran pihak yang membuat penyerahan merekodan dan membolehkan pengesahan identiti pihak yang melaksanakan surat cara menggunakan apa-apa cara lain yang boleh diguna oleh pendaftar. Contohnya sistem biometrik. Ini merupakan salah satu mekanisme menggalakkan gejala penipuan identiti dan pemalsuan dokumen. Bagi melancarkan penyampaian urusan kaveat persendirian di pejabat tanah, dalam konteks kemasukan dan pemotongan kaveat. Pindaan kepada seksyen 323 dibuat bagi mengehendaki pihak pengkaveat menyatakan alamat terakhir tuan punya tanah dalam permohonannya melalui Borang 19B.

Seksyen 324 pula dipinda membolehkan penyampaian notis kemasukan kaveat sendirian kepada tuan punya tanah dibuat melalui pos biasa.

■1240

Dalam keadaan sekarang, seksyen 431 kanun ini memperuntukkan bahawa walaupun notis perlu disampaikan melalui pos berdaftar, penyampaian itu tidak dikira jika notis itu dikembalikan. Manakala, pindaan kepada seksyen 326 pula membolehkan penyampaian notis untuk memotong kaveat persendirian disampaikan kepada pengkaveat secara faks sekiranya cara penyampaian itu dipersetujui oleh pengkaveat dalam permohonannya untuk dimasukkan kaveat dahulu. Pindaan-pindaan ini dibuat bagi mengatasi masalah yang timbul akibat jumlah permohonan kaveat persendirian yang banyak dan juga kos pos perbelanjaan yang semakin tinggi. Pindaan yang dicadangkan ini akan dapat menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan dan tenaga kerja.

Bagi mempercepatkan proses pengeluaran permit ruang udara, seksyen 75C dipinda bagi membolehkan pegawai yang diberi kuasa mengeluarkan permit ini. Pada ketika ini, hanya pentadbir tanah sahaja boleh mengeluarkan permit ini selepas kelulusan diberikan oleh pihak berkuasa negeri atau pihak lain yang diwakilkan kuasa melalui seksyen 13. Borang 4D juga akan dipinda melalui perintah selepas ini supaya borang ini boleh ditandatangani oleh pentadbir tanah dan pegawai lain yang diberi kuasa. Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran tanah di negara ini telah mengalami perubahan dari sehari ke sehari sejajar dengan perkembangan semasa.

Bagi menambah baik pemakaian sistem pentadbiran tanah elektronik yang menyediakan kerangka perundangan untuk kemudahan pelaksanaan penyerahan secara elektronik (*electronic lodgment*) seksyen baru 292A diperkenalkan. Melalui peruntukan ini, perintah ubahsuaian bagi memakai kanun ini dalam persekitaran elektronik boleh dibuat oleh Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara. Ini bermakna, segala prosedur pada masa ini yang berbentuk manual akan ditangani bagi memastikan perjalanan secara elektronik boleh berjalan dengan lancar, dengan izin, *seamless*. Seksyen 5D juga dipinda supaya prosedur yang melibatkan perjalanan rizab juga boleh ditampung melalui peruntukan dalam Jadual ke-16, perintah Menteri bagi pindaan jadual ini akan dibuat selepas ini.

Tatacara berkaitan proses pelanjutan hak milik bertempoh diperkemas melalui pengenalan seksyen baru 90A. Seksyen ini dimasukkan bagi membolehkan permohonan pelanjutan hak milik tanah bertempoh dibuat pada bila-bila masa sebelum akhirnya tempoh pemilikan. Peruntukan seksyen baru ini juga terpakai apabila hak milik bangunan berbilang tingkat ataupun *strata title* dan permohonan boleh dikemukakan bersama permohonan di bawah peruntukan lain Kanun Tanah Negara. Melalui seksyen baru ini, permohonan tidak perlu lagi membuat permohonan berasingan bagi penyerahan milik dan pemindah milikan semula tanah. Ini membolehkan permohonan perlanjutan hak milik bertempoh dapat dilakukan dengan lebih ringkas, hak sedia ada tuan punya tanah adalah lebih terjamin.

Dalam perkara ini, pihak berkuasa negeri boleh memperuntukkan kadar premium pada bayaran lain dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri yang perlu dipinda oleh pihak berkuasa negeri masing-masing. Borang yang digunakan bagi Notis Tuntutan ialah Borang 5A sedia ada. Borang ini juga akan dipinda melalui perintah oleh Menteri. Bagi menjelaskan kuasa Pendaftar, cadangan dipinda kepada seksyen 15 bertujuan memudahkan Pendaftar mengeluarkan notis meminda dokumen hak milik dikemukakan bagi apa maksud lain yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara. Selain itu, seksyen 378 turut dipinda bagi memudahkan Pendaftar merekodkan apa-apa perubahan butiran diri tuan punya tanah atau pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar yang dicatatkan dalam hak milik. Contohnya, butiran kewarganegaraan, nombor dokumen pengenalan diri dan nombor pasport terkini.

Tuan Yang di-Pertua, skop kedua ialah pemantapan prosedur bagi kutipan hasil, pelupusan tanah dan pembangunan tanah. Bagi memudahkan pelaksanaan kutipan cukai, pindaan kepada seksyen 14 dicadangkan supaya kutipan cukai juga boleh dibuat melalui orang atau badan yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri tanpa perlu ia di peruntuk dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri. Pindaan kepada seksyen 95 pula bertujuan meluaskan tempat dan mekanisme untuk pembayaran cukai. Melalui pindaan ini, pembayaran cukai boleh dibuat di mana-mana tempat dan tidak semestinya di dalam negeri di mana tanah itu terletak. Ia telah pun berjalan, misalnya melalui pembayaran cukai di kaunter pejabat pos.

Di samping itu, satu konsep baru diperkenalkan iaitu cukai petak. Peruntukan terperinci akan dijelaskan dalam pembentangan Rang Undang-undang Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2016 yang akan dibuat selepas ini. Dalam konteks Kanun Tanah Negara, pindaan yang dicadangkan melibatkan seksyen baru 96A bagi membolehkan pengenaan cukai petak kepada setiap pemilik petak masing-masing apabila percukaian ini dikuatkuasakan dalam Akta Hak Milik Strata 1985.

Ini bermakna, peruntukan tentang pengenaan cukai ke atas hak milik induk dan penguatkuasaannya akan terhenti. Ia hanya berkuat kuasa semula sekiranya berlaku penamatkan terhadap skim strata yang berkenaan. Dalam hal ini, seksyen 101 yang memperkatakan tentang semakan cukai turut dipinda untuk menjelaskan bahawa walaupun pengenaan cukai ke atas petak dikuatkuasakan, semakan cukai tanah bagi hak milik induk untuk bangunan di pecah bahagi masih perlu dibuat setiap 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Kanun Tanah Negara juga merangkumi penambahbaikan peruntukan tentang tanah bawah tanah. Pindaan kepada seksyen 92C membolehkan pihak berkuasa negeri mengeluarkan hak milik sementara terlebih dahulu bagi pemberimilikan tanah bawah tanah sebelum hak miliknya dikeluarkan ini tetap, mempercepatkan pengeluaran hak milik kepada pihak yang diluluskan pemberi milikan. Bagi tujuan ini, borang hak milik sementara yang berpadanan dengan hak milik pejabat pendaftaran dengan ini akan diubahsuai melalui Perintah Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara.

Seksyen 92D pula dipinda bagi membolehkan penetapan had kedalaman tanah permukaan tuan punya tanah apabila meluluskan permohonan pemberimilikan berasingan bagi tanah bawah tanah. Ia boleh berlaku dalam keadaan tanah ini asalnya diberi milik tanpa had kedalaman. Ia juga membolehkan pihak berkuasa negeri meluluskan penggunaan bebas dan tak berhubung dengan tanah bawah tanah berbanding kegunaan sah tanah permukaan, dengan izin, *independence of an unrelated to any lawful use of which the surface of the alienated land is being put*. Di endorse dalam bentuk syarat nyata atas hak milik tersebut. Pindaan ini juga menjelaskan dalam kedua-dua keadaan bahawa *endorsement* berhubung kedalaman dalam hak milik boleh turut merujuk kepada pelan yang dikeluarkan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan.

Selaras dengan pindaan kepada Akta Penambahan Tanah 1960 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, seksyen 166 dipinda bagi membolehkan pengeluaran hak milik sambungan akibat pengambilan sebahagian tanah milik yang melibatkan tanah bawah tanah. Hak milik sambungan tersebut juga perlu di *endorse* had kedalaman dalam syarat nyata mengikut subseksyen 92B(2), Kanun Tanah Negara. Selain itu, penambahbaikan peruntukan berkaitan aspek pembangunan tanah turut diambil kira.

Pindaan kepada seksyen 124 dibuat untuk menyekat permohonan tukar syarat bagi hak milik yang telah ditentukan kedalamannya melalui syarat nyata tanah. Pindaan ini juga bagi memastikan endorsan dibuat apabila permohonan tukar syarat diterima. Pindaan kepada seksyen 204B pula menjelaskan bahawa hak milik sementara yang diguna bagi permohonan serah balik dan beri milik semula perlu mempunyai pelan akui kecuali dibenarkan sebaliknya oleh pihak berkuasa negeri.

■1250

Ini dapat memberikan kepastian tentang keluasan dan sempadan sebenar tanah sebelum apa-apa keputusan dibuat oleh pihak berkuasa negeri tentang pemberi milikan semua umpuk-umpukkan berdasarkan pelan yang dikemukakan. Dalam hal ini, tidak terjejas hak pihak berkuasa negeri untuk

memberi milik tanah bersebelahan kepada pemohon misalnya dengan izin, *the pocket land* itu penting untuk memastikan kegunaan tanah dioptimumkan.

Seterusnya, melalui pindaan seksyen 204E, hak milik asal yang dipegang bagi tempoh selama-lamanya dibenar untuk diberi milik semula tanah dalam bentuk hak milik bertempoh sekiranya permohonan oleh tuan punya tanah. Permohonan ini perlu disertakan dengan Surat Akuan Berkanun. Sebagai contoh, pindaan ini akan dapat menampung keperluan tanah Persekutuan yang terlibat dengan projek penswastaan. Kerajaan sedar keputusan mahkamah seperti kes Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan lawan Sri Lempah Enterprise Sdn. Bhd. yang memutuskan tempoh pemilikan yang telah dinyatakan dalam hak milik tidak boleh dikurangkan.

Oleh yang demikian, peruntukan ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya tuan punya itu sendiri yang memohon sedemikian dengan sokongan oleh suatu akuan berkanun yang dibuatkan sendiri bersama-sama borang permohonan dalam Borang 12D. Borang ini juga akan dipinda selepas ini untuk menjelaskan tentang perkara ini.

Sekiranya permohonan untuk penyerahan milik dan pemindahan milikan semula yang melibatkan lebih daripada satu hak milik dan terdapat perbezaan daripada segi tempoh pemilikannya, maka pihak berkuasa negeri boleh menyelaraskan. Apabila pemberi milikan semua sekiranya satu daripada hak milik dipegang selama-lamanya, maka pemilikan semula akan lulus selama-lamanya tertakluk kepada apa-apa premium yang dikenakan. Sekiranya hak milik asal berbentuk pegangan bertempoh, pihak berkuasa negeri boleh meluluskan dalam tempoh yang lebih panjang daripada tempoh pegangan hak milik sekiranya permohonan juga dibuat untuk tempoh dilanjutkan di bawah seksyen baru 90A yang dicadangkan.

Melalui pindaan pada seksyen 204G, dijelaskan bahawa memorial tentang perkembalian tanah kepada negeri dalam dokumen hak milik daftaran hasil daripada peruntukan serah milik dan beri milik semula hanya dibuat selepas bayaran penuh dijelaskan dan dokumen milik dikeluarkan hanya dimusnah selepas itu. Bagi maksud seksyen 204GA, memorial perkembalian hanya boleh dibuat selepas semua gadaian jika ada dilepaskan. Pindaan kepada seksyen 204GA turut dibuat bagi menjelaskan bahawa dalam keadaan hak milik yang masih tertakluk kepada gadaian penerimaan tuan punya tanah terhadap kelulusan yang diberikan oleh pihak berkuasa negeri hendaklah termasuk kebenaran pemegang gadaian terhadap pelepasan gadaian dan bagi gadaian baru dibuat ke atas tanah yang diberi milik semula.

Tuan Yang di-Pertua, bagi skop ketiga iaitu memelihara kepentingan negara. Pindaan Kanun Tanah Negara turut merangkumi aspek perolehan tanah oleh entiti asing. Seksyen 433B, dan seksyen 433E dipinda untuk meluaskan skop sekatan milikan terhadap bukan warganegara atau syarikat asing meliputi tanah kategori perusahaan. Sama seperti sekatan yang dikena atas tanah kategori pertanian dan bangunan yang memerlukan kelulusan pihak berkuasa negeri. Ia selaras dengan garis panduan perolehan harta tanah yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-70. Pindaan ini bertujuan mengukuhkan lagi kuasa pihak berkuasa negeri dalam urusan tanah.

Seksyen 433H turut dipinda bagi menjelaskan bahawa entiti asing dalam bentuk pertubuhan perbadanan yang layak memegang tanah hanyalah yang wujud di bawah undang-undang syarikat. Bagi melindungi pegawai-pegawai melaksana tugas ini di bawah Kanun Tanah Negara, pindaan seksyen 16 dicadangkan untuk menjelaskan bahawa apa-apa tindakan, tuntutan ataupun prosiding berkaitan tanah terhadap pihak berkuasa negeri perlu dibuat terhadap Pengarah Tanah dan Galian atas nama jawatannya tanpa menamakan pegawai tertentu secara khusus. Ini berikutan pegawai-pegawai berkenaan dilantik oleh pihak berkuasa negeri di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara dan mereka tertakluk kepada arahan dan seliaan Pengarah Tanah dan Galian yang bertanggungjawab terus kepada pihak berkuasa negeri.

Pindaan ini berbangkit daripada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes '*Kerajaan Malaysia dan Lain-lain lawan Lay Kee Tee dan Lain-lain*'. Cadangan ini juga bertujuan membatalkan pemakaian keputusan kes tersebut dalam isu tuntutan terhadap kerajaan dalam apa-apa tindakan yang tersebut dalam seksyen 16, Kanun Tanah Negara. Dengan itu, apa-apa tuntutan tidak perlu lagi menamakan mana-mana pegawai secara spesifik. Cadangan pindaan Kanun Tanah Negara juga menambah baik perkara yang berkaitan pengeluaran lesen penduduk sementara dan permit bahan batuan. Pindaan seksyen 14 menjelaskan bahawa peruntukan berhubung pemulangan atau perlucutan apa-apa amaun yang dibayar bagi deposit dibuat dalam kaedah-kaedah tanah negeri.

Selain itu, seksyen 66 juga dipinda untuk menjelaskan bahawa had kuasa pentadbir tanah bagi melulus lesen penduduk sementara turut melibat kawasan yang diwarta oleh pihak berkuasa negeri di bawah seksyen 13. Begitu juga dengan pindaan seksyen 71 bagi menjelaskan bahawa had kuasa pentadbiran tanah bagi meluluskan permit bahan batuan turut melibatkan kawasan yang diwarta oleh pihak berkuasa negeri di bawah seksyen 13. Dalam hal ini, ungkapan *temporary occupation license*, dengan izin, dalam fasal 14C rang undang-undang telah dipersetujui oleh Dewan Rakyat untuk pinda kepada *permit to extract, remove and transport rock materials*. Ini bermaksud kuasa meluluskan lesen dan permit ini dalam mana-mana kawasan sehingga 50 meter dari tebing sungai, tasik dan mata air adalah terletak di bawah pihak berkuasa negeri itu sendiri.

Selain itu, seksyen 68A pula dipinda bagi memperuntukkan bahawa deposit yang boleh dikutip bagi jaminan kepada pematuhan syarat kelulusan lesen sama seperti deposit yang dikutip sebagai jaminan pemulihan tanah selepas tamat tempoh lesen. Pindaan ini memperlihatkan komitmen kerajaan untuk memastikan pentadbiran tanah berjalan secara lestari selaras dengan pembangunan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi skop keempat iaitu pemeriksaan aspek penguatkuasaan dan pengenaan penalti pindaan dibuat pada seksyen 428A untuk memperkuatkan aspek penguatkuasaan. Pada masa ini, tidak sebarang peruntukan yang jelas yang memberi kebenaran kepada pihak berkuasa untuk menjalankan tindakan menahan kenderaan. Oleh yang demikian, cadangan dipinda menjelaskan kuasa pentadbir tanah dan pegawai lain yang dibuat dalam subseksyen 1 untuk menahan dan memeriksa kenderaan yang disyaki membawa bahan batuan tanpa kelulusan sah. Penalti boleh dikenakan atas keengganinan mana-mana pihak memberi kerjasama.

Seksyen 429B pula dipinda bagi menjelaskan bahawa kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan patutlah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri selaras dengan peruntukan Perenggan 14(1)(a) Kanun Tanah Negara. Di samping itu, penalti yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara juga telah disemak memandangkan kadar penalti yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara pada masa ini terlalu rendah dan tidak setimbang dengan kesalahan yang dilakukan. Perbandingan telah dibuat dengan undang-undang seperti Kanun Keseksaan, Enakmen Mineral Negeri, Akta Pengangkutan Awam Darat.

Oleh itu seksyen 13, seksyen dalam Kanun Tanah Negara dipinda untuk meningkatkan kadar penalti mengikut keperluan semasa. Pindaan tersebut melibatkan seksyen 214A, seksyen 400, seksyen 400A, seksyen 403, seksyen 422, seksyen 423, seksyen 424, seksyen 425, seksyen 425A, seksyen 426, seksyen 427, seksyen 428, seksyen 428A, Kanun Tanah Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Lagi panjang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Lagi lima minit boleh?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Minta. Ini ada lagi panjang sebab ada dua itu lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau macam itu, kita sambunglah. Kita sambung ya Yang Berhormat. Ada siapa yang menyokong?.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita sambung nanti. Jadi, saya kata kita sambung lagi. Kita sambung lepas tengah hari nanti dan juga ada perbahasan. Jadi yang lain ini saya hendak beritahu bahawa sepanjang tadi kita bersidang, saya nampak banyak bahasa-bahasa cantik yang digunakan dan tertib kita pun baik nampak gayanya. Itulah, bahasa kita pun indah. Jadi bak kata orang tua tadi.

Cantik sungguh cincin suasa,

Mana letak di atas peti,

Yang indah itu hanya bahasa,

Yang baik itu hanya budi.

Itulah antaranya. Jadi oleh sebab masa kita telah apa, jadi kita sambung nanti. Oleh itu Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang. Sekian, *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

[Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera, salam sehati sejiwa dan ramai yang hadir. Terima kasih banyak ya. Saya minta kita sambung oleh Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan.

2.33 ptg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sambung. Antaranya peruntukan seksyen 214A(10) telah dipinda berhubung kesalahan perolehan kelulusan Lembaga Tanah Ladang secara palsu dengan menaikkan denda daripada RM10 ribu dengan tambahan RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan terus dilakukan kepada tidak kurang daripada RM100 ribu dan tidak lebih daripada RM1 juta dengan tambahan RM5,000 setiap hari kesalahan terus dilakukan. Manakala peruntukan seksyen 214A(10A) pula pindaan yang kesalahan memindah milik tanah ladang tanpa kelulusan Lembaga Tanah Ladang dengan meningkatkan tempoh pemenjaraan tidak lebih daripada tiga tahun kepada tidak lebih daripada lima tahun serta menaikkan denda daripada RM10 ribu kepada tidak kurang daripada RM100 ribu dan tidak lebih daripada RM1 juta.

Pindaan ini juga membolehkan hukuman dijatuhkan sama ada dalam bentuk pemenjaraan atau denda atau kedua-duanya sekali. Peruntukan seksyen 422 pindaan untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan memberi kenyataan palsu bagi maksud urus niaga atau urusan berhubung tanah dengan menaikkan denda daripada RM5,000 kepada RM500 ribu dan meningkatkan tempoh pemenjaraan tidak lebih dari tiga tahun kepada tidak lebih daripada lima tahun. Pindaan ini juga membolehkan hukuman dijatuhkan sama ada dalam bentuk denda dan atau pemenjaraan atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu peruntukan seksyen 425(1) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan penduduk secara tidak sah atas tanah kerajaan, rizab atau tanah lombong dengan menaikkan denda daripada RM10 ribu kepada RM500 ribu dan meningkatkan tempoh pemenjaraan tidak lebih daripada satu tahun kepada tidak lebih daripada lima tahun. Manakala peruntukan seksyen 425(1A) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan bersubahat dalam melakukan kesalahan tersebut dengan menaikkan denda daripada RM10 ribu kepada RM500 ribu dan meningkatkan tempoh pemenjaraan tidak lebih daripada satu tahun kepada tidak lebih daripada lima tahun.

Manakala peruntukan subseksyen 426(1) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan mengalih dan mengangkut bahan batuan secara tidak sah dengan menaikkan denda daripada RM50 ribu kepada RM500 ribu. Manakala peruntukan subseksyen 426(1B) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan bersubahat dalam melakukan kesalahan tersebut dengan menaikkan denda daripada

RM5,000 kepada RM500 ribu. Dengan peruntukan aspek penguatkuasaan serta pengenaan penalti lebih tinggi ini menunjukkan keseriusan kerajaan dalam menangani pelbagai isu yang ditimbulkan oleh rakyat tentang pelanggaran undang-undang dan implikasi kepada pentadbiran tanah negara ini.

Sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan pindaan untuk Kanun Tanah Negara. Pindaan yang berbentuk penyelarasan tidak terperinci dalam pembentangan ini dan penjelasan dalam huriaian ke atas rang undang-undang ini adalah memadai. Ini termasuk peruntukan subseksyen (5) dan (6) dalam seksyen 241 untuk menjelaskan bahawa peruntukan tentang gadaian di bawah Kanun Tanah Negara merangkumi apa-apa transaksi di bawah pembiayaan menurut syariah.

Di samping itu pindaan ini juga memperkenalkan takrif baru *subdivided building* dalam seksyen 5 yang merangkumi dengan izin, *subdivision of building or land* di bawah Akta Hakmilik Strata 1985. Takrifan ini termasuk untuk menjelaskan bahawa dalam konteks pecah bagi bangunan di bawah Akta Hakmilik Strata, ia mengambil pecah bahagian bangunan atau tanah. Selain daripada itu seksyen 170 dipinda untuk menampung pengeluaran dokumen hakmilik keluaran sambungan mengikut borang-borang yang ditetapkan di bawah Akta Hakmilik Strata.

Seksyen ini juga dipinda untuk menjelaskan bahawa sekiranya hakmilik induk terlibat dengan pengeluaran hakmilik sambungan adalah memadai untuk sesuatu endorsan hubung perkara ini dimasukkan ke dalam Borang 2 dan 3 serta Borang 4 atau 4A Akta Hakmilik Strata. Seksyen 175F pula dipinda bagi menjelaskan prosedur pengesahan bagi hakmilik *provisional* akibat daftar hak asal yang rosak dan sebagainya melibatkan hakmilik subsidiari daftar strata di bawah Akta Hakmilik Strata. Seksyen 160B dan 160C dipinda bagi menjelaskan prosedur perlu dipatuhi dalam pewujudan daerah baru melibatkan hakmilik bangunan yang dipecah bagi.

Begitu juga dengan endorsan yang perlu dibuat ke atas hakmilik sebagai hasil daripada pindaan kepada pelan ukur berbangkit daripada apa-apa perubahan sempadan daerah lain di bawah seksyen 396A. Dalam konteks pengambilan tanah kepada kerajaan akibat tuan punya tanah meninggal dunia tanpa waris, peletakan kepada pihak berkuasa yang dinamakan oleh pihak berkuasa negeri bagi bahagian tanah yang tidak dipecahkan, diperluaskan juga kepada hakmilik tetap melalui pindaan seksyen 46A, seksyen 351.

Namun bagi orang Islam, selaras peruntukan subseksyen 351(6) tertakluk kepada undang-undang bertulis tentang baitulmal. Seksyen 432 dan 433 turut dipinda bagi menyelaraskan peruntukan dalam seksyen 432 berhubung penyampaian ganti dengan peruntukan berhubung penyiaran notis atau pemberitahu dalam seksyen 433. Selain dari itu pindaan subseksyen 432(1) dicadangkan untuk membenarkan pentadbir menguruskan penyampaian ganti bagi notis yang melibat hakmilik pejabat pendaftar tanpa perlu merujuk kepada Pendaftar Hakmilik terlebih dahulu sekiranya Kanun Tanah Negara menghendaki notis dimulakan oleh pentadbir tanah sendiri.

■1440

Dalam hal ini, pelaksanaan penyampaian ganti tidak perlu menunggu sehingga perintah dikeluarkan bagi tujuan tersebut.

Pindaan yang terbangkit atau *consequential amendments*, dengan izin, juga tidak dihuraikan secara terperinci di sini. Saya yakin cadangan pindaan yang dikemukakan ini akan dapat memberi jawapan kepada semua isu yang dibangkitkan berkaitan dengan pentadbiran tanah di negara ini. Ia juga merupakan manifestasi kepada hasrat kerajaan untuk mendahulukan rakyat dalam segala urusan.

Memandangkan Kanun Tanah Negara menyentuh urusan negeri, pindaan ke atas tertakluk kepada Perkara 91 Perlumbagaan Persekutuan. Oleh itu, cadangan-cadangan ini adalah dibentang dan diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada 28 April 2016.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan pindaan yang saya bentangkan tadi ia adalah cermin aspirasi dan kehendak rakyat. Oleh itu, sebagaimana yang dinyatakan pada awal pembentangan tadi, prosesnya melibatkan semua *stakeholders*, kementerian dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, ahli akademik dan orang awam. Pendek kata, semua pihak yang berkenaan telah dilibat dalam proses penyediaan pindaan undang-undang ini. Konsultasi yang bersifat *inclusive* ini membolehkan kerajaan menyediakan cadangan pindaan yang mencapai semua aspek pentadbiran tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Nama pertama saya dapat ialah Yang Berhormat Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar. Dipersilakan.

2.42 ptg.

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasaan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meminda Kanun Tanah Negara 1956 yang merupakan undang-undang tanah utama bagi mengawal peruntukan tanah di seluruh Semenanjung Malaysia bagi inisiatif dan langkah untuk negara menjadi pembangunan dan penggunaan tanah dalam negara secara efisien bukan sahaja dari segi penggunaan tanah tetapi juga dari segi kecekapan pentadbiran tanah.

Usaha ini juga saya teliti sebagai keprihatinan kerajaan dalam menjaga dan mengemas kini cara mentadbir pengurusan tanah kepada lebih sistem dan lebih baik dan terkini sejajar dengan keperluan dan kecanggihan teknologi sekarang.

Di dada akhbar *Berita Harian* muka depan, Bandar Malaysia hari ini salah satu yang menarik perhatian saya ialah bandar bawah tanah yang bersepadu terbesar di dunia dan bandar raya dengan

jalinan hubungan terbaik di dunia. Pengurusan yang terbaik dan terkini adalah menjadi keperluan utama untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun, teratur dan terurus dari segi tatacara pengurusannya. Ini memerlukan sistem dan pengurusan yang canggih, cekap dan betul.

Oleh itu, saya merasakan pindaan Kanun Tanah Negara ini di mana ia diselaraskan dengan Akta Pengambilan Tanah dan Akta Hak Milik Strata adalah tepat pada masanya. Pindaan dan seksyen terbaru yang dijadualkan mengikut lima keutamaan iaitu penguatkuasaan, aspek pendaftaran dan pencapaian perkhidmatan; pemantapan bersedia bagi kutipan hasil; pelupusan tanah dan pembangunan tanah; memelihara kepentingan negara; dan memperkasakan aspek penguatkuasaan, pengendalian, penelitian ke atas kesalahan di bawah Akta Tanah Negara.

Melalui aspek utama pindaan tadi jelas menampakkan hasil kajian dan perundangan yang diadakan oleh kementerian sangat teliti. Setiap aspek yang perlu dikemas kini dan diperbaharui selari dengan keperluan pembangunan negara terutamanya berkaitan dengan tanah pentadbiran.

Suka saya mengalu-alukan di sini fasal 15 di mana dimasukkan seksyen terbaru 90A ke dalam Kanun. Pengenalan seksyen terbaru ini adalah bertujuan untuk membolehkan permohonan pemilikan di mana tidak perlu dibuat permohonan berasingan bagi penyerahan balik pemindahan milik semula tanah. Malah, pindaan ini juga membolehkan permohonan berlanjutan hak milik bertempoh dapat dilakukan dengan lebih ringkas. Hak disediakan bagi tuan tanah adalah lebih terjaga dan terjamin.

Seterusnya saya ingin menyentuh pindaan seksyen 433E. Seksyen ini dipadankan bagi menyekat milikan tanah terhadap orang luar, bukan warganegara atau syarikat asing di mana ia meliputi kategori perusahaan. Harta negara perlu dijaga untuk keperluan pembangunan generasi akan datang. Jika sewenang-wenangnya dilepaskan kepada orang luar, tiada diperketatkan pemilikannya terhadap milikan syarikat asing, ia akan menjadi masalah di masa akan datang. Pendekatan bagi membuat pindaan pada seksyen ini adalah dilihat satu inisiatif yang sangat perlu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin sekali lagi saya menarik perhatian kementerian tentang isu pengendalian dan penjagaan tanah oleh pemilik tanah di mana pada pemerhatian saya, banyak tanah bertuan tetapi tidak diuruskan dan dikendalikan dengan baik. Tanah tersebut tidak dijaga dengan baik dan akan menjadi masalah kepada tanah-tanah yang berhampiran. Pengendalian dan penjagaan tanah oleh tuan tanah agar tidak mendatangkan bahaya kepada penduduk di kawasan sekeliling. Contohnya, tanah-tanah yang terbiar tadi, berlaku kebakaran semasa cuaca panas ataupun menjadi tempat takungan air ketika banjir.

Penjagaan tanah tersebut juga penting dari segi untuk menjaga keselamatan dan juga kawasan sekitarnya. Ia tidak dijaga sehingga kawasan tersebut menjadi sarang kepada binatang-binatang berbahaya atau sarang kepada binatang-binatang liar seperti ular, nyamuk, tikus dan sebagainya di mana ia bukan sahaja berbahaya kepada keselamatan malah juga mengancam kepada kesihatan.

Apakah bentuk yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani perkara ini? Adakah penelitian sepertinya wajar ditangani? Bidang kuasa ini adalah di bawah kerajaan negeri tetapi jika ia tidak dibendung dan dijaga, maka akan menjadi masalah kepada negara.

Seterusnya daripada penggunaan bahasa dan perundangan. Penggunaan bahasa dan perundangan, kaedah-kaedah yang digariskan, panduan menggunakan bahasa yang mudah dan difahami dan tidak berbelit-belit agar sukar untuk difahami oleh orang awam ataupun pihak yang berkepentingan yang bukan daripada golongan yang mempunyai perundangan ataupun pengurusan tanah yang menjadi antara kekangan untuk merealisasikan keberkesanan penggunaan akta ini di bidang lapisan masyarakat biasa. Isu ini perlu dibangkitkan sebagai undang-undang yang utama kepada pengawalan perundangan tanah negara.

■1450

Kanun ini juga telah melalui pelbagai proses pindaan bagi menyesuaikan dengan kehendak perkembangan semasa khususnya agenda pembangunan negara. Usaha kerajaan meminda pindaan ini amatlah dialu-alukan tetapi ia perlu diberi pendedahan yang sewajarnya kepada pihak berkepentingan terutamanya masyarakat di bawah sana. Oleh yang demikian, adalah wajar jika terdapat satu bahagian ataupun jawatankuasa umpamanya disediakan memberikan pendedahan yang secara berterusan sekurang-kurangnya di peringkat pejabat tanah bagi memberi penyediaan maklumat atau bantuan kepada pihak berkepentingan yang tidak berapa mahir dalam bidang perundangan atau tanah ini.

Jika kita lihat yang lebih terperinci, golongan yang selalu menghadapi masalah ialah rakyat biasa. Contohnya orang kampung di bawah sana yang cuba untuk mendapatkan perkhidmatan tetapi tidak mampu untuk mengambil perkhidmatan guaman atau membayar kos perkhidmatan yang begitu tinggi kepada pihak yang mahir tentang ilmu tanah. Jadi disebabkan kesukaran ini, mereka mengambil pendekatan untuk tidak meneruskan atau niat untuk membuat pertukaran hak milik atau sebarang urusan berkaitan dengan tanah mereka. Adakah pendekatan pihak kementerian bagi memberi pendedahan pendekatan yang terbaik agar perkhidmatan dan pengurusan tanah ini dapat lebih efisien dan efektif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pindaan ini bukan sahaja akan lebih menjaga berkepentingan pemilik tanah daripada hak mereka malah ia juga akan memperbaiki mutu perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Saya berharap kajian dan penelitian oleh pihak kementerian yang sentiasa berlanjutan untuk masyarakat di bawah sana. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, Terima kasih Yang Berhormat Hajah Norahan Abu Bakar. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah Mohamed. Sila.

2.52 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbahasan saya berkait dengan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini sedikit sahaja, ringkas sahaja iaitu saya fokuskan kepada fasal 2 iaitu berkait dengan pindaan seksyen 5 di mana melalui fasal 2 pindaan seksyen 5 ini secara jelas di dalam itu menyebut tentang takrifan ‘territorial waters’ sebagaimana dalam *Emergency (Essential Powers) Ordinance, No.7, 1969* digantikan dengan takrifan ‘territorial waters’ dalam *The Territorial Sea Act 2012* iaitu Akta 750 atau Akta Laut Wilayah 2012.

Saya kira ianya bersangkut-paut juga dengan Kanun Tanah Negara ini bila mana saya ingin di sini membahaskan sedikit berkait dengan Akta 750 ini. Di mana persempadanan sesebuah negeri bukan sahaja ditentukan di daratan malah juga di lautan. Persempadanan di lautan sebelum ini adalah berdasarkan EPO No.7 1969 namun selepas ia dimansuhkan, kini persempadanan lautan negeri-negeri adalah berdasarkan Akta Wilayah Laut 2012 yang telah diwartakan dan dikuatkuasakan di seluruh Malaysia pada 22 Jun 2012.

Walau bagaimanapun sewaktu penggubalan dan pemakaian Akta 750 ini walaupun ia melibatkan persempadanan negeri, ia tidak dirujuk dan tidak mendapat kebenaran setiap negeri dan Majlis Raja-Raja. Saya kira ini ialah bertentangan dengan Perkara 2B Perlombagaan Persekutuan yang menyebut; “*Undang-undang yang mengubah sempadan suatu negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri itu yang dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan negeri itu dan juga Majlis Raja-Raja*”.

Persoalan saya, mengapakah penggubalan dan pemakaian Akta 750 tidak dirujuk kepada negeri-negeri sedangkan ia melibatkan persempadanan pantai wilayah bagi setiap negeri. Akta ini juga telah menetapkan bahawa bidang kuasa negeri bagi bahagian laut yang berdampingan tidak melebihi 3 batu nautika diukur dari garis air surut yang mana perkara ini tiada ketetapan sedemikian sebelum Akta 750 ini diperkenalkan. Sedangkan penggubalan akta ini membawa kesan yang sangat besar kepada negeri khususnya berkait persempadanan negeri di bahagian laut, hasil-hasil galian di bahagian laut wilayah dan juga kedaulatan negeri-negeri. Itu sahaja perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah. Saya jemput pula sekarang ini Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman Mat Yasin.

2.55 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016.

Kanun Tanah Negara adalah satu undang-undang tanah yang utama di Semenanjung Malaysia, dikuatkuasakan pada 1 Januari 1966 bertujuan untuk meragamkan sistem pemegangan dan urusan tanah yang berbeza di Malaysia terutamanya di Semenanjung. Sejak penguatkuasaan kanun ini pada 1 Januari 1966, tidak termasuk pindaan kecil dan jadual dan sebagainya, akta ini telah dipinda sebanyak 19 kali dan kali ini kali yang ke-20 di mana direkodkan pindaan yang terakhir telah dibuat pada Disember 2007. Melihat kepada kepesatan dan pembangunan negara sejajar dengan kecanggihan teknologi pengkomputeran dan pangkalan data, merancakkan lagi keperluan untuk membuat pindaan kepada akta ini agar menjamin perkhidmatan yang terbaik supaya mampu bertindak balas dengan keperluan pembangunan negara dengan mendahulukan perkhidmatan yang unggul kepada rakyat. Cadangan pindaan Akta Kanun Tanah Negara ini merangkumi pindaan kepada 80 seksyen. Ini adalah termasuk

pengenalan kepada tiga seksyen baru yang difikirkan bersesuaian dengan keperluan pembangunan negara masa kini. Pindaan ini adalah sangat bersesuaian dengan pindaan yang dibuat kepada Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pengambilan Tanah 1990.

Sehubungan dengan itu, rang undang-undang ini bagi membincangkan pindaan-pindaan tersebut dalam bentuk ringkas bagi membangkitkan isu-isu yang boleh diperbaiki dan diperlihatkan ruang-ruang untuk diperbaiki. Tuan Yang di-Pertua, bila saya tengok draf atau rang undang-undang, pertama sekalinya saya sendiri pun tidak faham. Saya sendiri tidak faham dan sehingga saya minta bantuan daripada Bahagian Penyelidikan Parlimen, fahamlah sedikit, adalah sedikit jelas maklumat. Tadi sebelum masa Dewan berehat saya ada peluang bercakap dengan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia ada beri sedikit penerangan dan *alhamdulillah* saya fahamlah setakat yang saya faham.

Akan tetapi yang menjadi masalah kepada kita, saya dapati pegawai-pegawai kerajaan juga saya fikir ramai yang tidak faham tentang undang-undang atau Kanun Tanah Negara. Kalau Hindustan dipanggil '*kanun he*'. Undang-undang Tanah Negara ini ramai daripada pegawai penjawat awam sendiri yang tidak faham melainkan mereka yang terlibat secara langsung di pejabat tanah daerah ataupun di pejabat tanah negeri (PTG).

Mengikut pandangan saya, kalau 80 seksyen pindaan ini adalah suatu *overhaul* yang besar. Kalau sebuah kereta, 80 item kita baiki Tuan Yang di-Pertua, maknanya kereta itu penuh dengan alat-alat elektronik dan sebagainya, sudah jadi sebuah kereta yang betul-betul canggih. Kalau sebuah bangunan ibaratnya macam Parlimen inilah, bangunan Parlimen ini sekarang sedang dalam pembaikan. Mungkin 80 item yang dibaiki itu akan jadi seperti mana Parlimen yang akan siap pada tahun 2018 nanti. *Insya-Allah*, setelah pindaan ini diluluskan oleh Dewan yang mulia pada hari ini.

■1500

Demikianlah Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini apabila diluluskan dengan 80 pindaan ini ianya akan menjadi lebih kemas dan baik. Penambahbaikan yang besar diharap memberi kemudahan dan manfaat kepada rakyat. Inilah yang menjadi harapan utama supaya pindaan-pindaan ini turut sama memperkemaskan lagi kepentingan tanah orang Melayu, tanah rizab Melayu dan juga kepentingan bumiputera termasuklah di Sabah dan Sarawak untuk tetap dilindungi. Saya tengok secara menyeluruh, saya yakin seperti mana yang saya sebutkan tadi, oleh itu saya suka mencadangkan kerajaan wujudkan juga pegawai yang faham tentang tanah ini bagi membantu pelanggan-pelanggan yang berurus di pejabat-pejabat tanah di daerah-daerah ini ialah pegawai-pegawai yang faham tentang tanah ini. Bagi memberi perkhidmatan kepada mereka-mereka yang memerlukan.

Perkara yang saya hendak sebut ialah mengenai satu daripada pindaan ini ialah e-Tanah. e-Tanah ini ialah pendaftaran secara elektronik kepada tanah-tanah sekarang ini. Saya yakin dan saya percaya ini adalah satu daripada pengubahsuaian dan penambahbaikan yang sangat baik mengikut kesesuaian masa dan keadaan sekarang ini. Sebagai contohnya sebuah daerah, baru sahaja diluluskan di negeri Terengganu iaitu melibatkan Daerah Kuala Nerus daripada Daerah Kuala Terengganu.

Sekarang ini dalam proses pindah milikan tanah daripada daerah lama kepada daerah baru yang hampir 100,000 lot tanah-tanah ini akan dipindahkan ke Daerah Kuala Nerus menggunakan e-elektronik ini dan mengambil masa hanya selama dua bulan sahaja Tuan Yang di-Pertua. Bayangkan dekat 100,000 tanah ini kalau dipindahkan secara manual, didaftarkan secara manual berapa lama masa yang perlu diambil, mungkin sampai dua tahun Tuan Yang di-Pertua.

Rakyat Malaysia semakin bertambah dari tahun ke tahun dan dianggarkan bahawa pertumbuhan rakyat Malaysia mampu mencecah sehingga 70 juta berbanding 30 juta pada masa ini. Dengan memahami bahawa tanah yang semakin berkurangan, rakyat semakin bertambah perancangan guna tanah yang diguna pakai perlu dikaji dan dibuat penambahbaikan agar disesuaikan dengan guna tanah yang bertambah ini. Kreativiti dan inovasi diperlukan untuk melaksanakan pembangunan pembaharuan ini dan beberapa perkara perlulah diambil perhatian oleh kerajaan seperti:

- (i) pengurusan penduduk setinggan yang menduduki tanah kerajaan;
- (ii) pengendalian dan penjagaan tanah oleh tuan-tuan tanah;
- (iii) tunggakan kutipan hasil cukai tanah;
- (iv) pengurusan tanah-tanah wakaf yang banyak di seluruh negara; dan
- (v) penggunaan bahasa perundangan perlu juga ditengok.

Sekarang ini saya sendiri seperti saya sebut tadi penuh dengan bahasa undang-undang yang kita pun tidak faham.

Jadi secara rumusannya ialah kepesatan dan keperluan untuk menggunakan sebaik mungkin tanah dalam negara ini adalah perkara yang perlu diambil berat oleh kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Oleh sebab itu kita rasa sangat perlu kerajaan dan rakyat ini saling berkait kerana apa sahaja yang dibuat adalah untuk kepentingan rakyat dan negara ini. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa isu yang perlu dibangkitkan semula bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dalam menguruskan urusan tanah ini. Kerjasama dan perbincangan yang berterusan harus ada di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan-kerajaan negeri.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih,
assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin memberi pandangan yang baik. Saya jemput Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

3.05 ptg.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar kerana beliau sendiri membentang Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016. Terima kasih juga kepada warga kementerian kerana usaha yang gigih bagi memastikan penggubalan akta ini di bentang di Dewan Negara. Terdapat tiga perkara utama dalam persoalan yang bakal saya kemukakan.

Pertama, pindaan seksyen 42 bagi memastikan perundangan statutori perlombongan sama ada dalam enakmen mineral atau enakmen lombong dikuatkuasakan secara tegas dan tanpa kompromi. Mengikut rekod maklum balas kementerian berkaitan aktiviti perlombongan bauksit di Kuantan dan moratorium yang dikenakan, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian. Adakah maksud "*Any written law for the time being in operation relating to mining*" dengan izin, ini akan menyepadukan jabatan-jabatan sama ada di bawah kementerian atau kementerian lain bagi kawal selia operasi perlombongan, pemindahan bahan ataupun tatacara pembungkusan semasa pemindahan dan penempatan sementara di stesen eksport atau pelabuhan.

Dalam pindaan ini beberapa fasal dari 58 hingga 70 diperhalusi semula untuk memastikan firma atau individu yang menjalankan operasi, aktiviti perlombongan dikenakan tindakan penalti denda yang lebih tinggi dan hukuman penjara. Dari pemerhatian saya, semasa beberapa pertanyaan soalan jawab lisan saya kepada Kementerian Pengangkutan didapati denda mengikut Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan 1959 terlalu rendah. Ini menyebabkan masalah sebenar yang berlaku kepada isu bauksit di Kuantan. Ini kerana berani dan mampu membayar saman. Kalau tidak silap samannya hanyalah RM2,000.

Bila soalan saya ditanya kepada Kementerian Sumber Manusia, DOSH yang menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1954, jabatan ini menjawab mereka hanya bertanggungjawab di lombong bauksit sahaja. Bagi kesalahan yang dilakukan di jalan raya kerana proses pemindahan bahan mereka tidak mempunyai kuasa menahan lori-lori itu. Begitu juga dengan Jabatan Alam Sekitar, setakat hendak periksa asap hitam boleh tahan lori-lori ini. Akan tetapi walaupun lori membawa bauksit mereka tidak dapat menahan lori ini.

Jika dilihat kepada kemusnahan persekitaran, pencemaran udara dan risiko kesihatan penduduk setempat, saya merasakan tindakan yang lebih tegas dan lebih ketat diperlukan. Masih belum lagi berupaya memastikan pemindahan bahan galian atau tanah mematuhi semua peraturan bertulis dalam siri perundangan di Malaysia. Oleh itu saya mohon perincian semua siri perundangan yang berkaitan sama ada yang dikuat kuasa oleh kementerian Yang Berhormat Menteri atau agensi lain agar kejadian sama tidak berulang dan ketidakpuasan rakyat tidak akan menjadi beban kerajaan yang memerintah pada masa ini.

Kedua, pindaan fasal 8 bagi seksyen 43 berkaitan urusan diplomatik, kaunselor dan pertubuhan antarabangsa. Perkara utama dalam pertikaian bagi kerja-kerja persempadanan berlaku antara Malaysia, Thailand dan Singapura. Kalau di Singapura, negara berkenaan giat menambak laut terutama sekitar parameter tebing pantai menghadap Pontian, Tanjung Pelepas dan Pengerang. Isu penambakan laut oleh Singapura sehingga menjelaskan perairan maritim Malaysia adalah isu kedaulatan negara.

■1510

Oleh itu saya percaya melalui pindaan ini satu mekanisme dan gerak kerja secara perundangan dan diplomatik perlu dilaksanakan secara berkesan agar sebarang kerja-kerja penambakan laut tidak mengancam maritim, nelayan dan perairan negara. Oleh itu saya memohon perincian dari Yang Berhormat Menteri dalam pindaan ini bagaimanakah perincian-perincian atau ketetapan penerangan,

sama ada ia merujuk kepada siri perundangan antarabangsa atau kebangsaan yang boleh kita gunakan untuk menyelenggara sebarang pertikaian melalui sempadan dengan negara Thailand dan Singapura.

Dalam isu ini juga saya ingin mendapatkan penjelasan terperinci dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan tentang apakah status pemantauan terkini berhubung dengan garis sempadan laut atau maritim Malaysia-Singapura serta garis sempadan darat, sungai atau maritim Malaysia-Thailand. Bagi sempadan Thailand adakah pindaan Kanun Tanah Negara ini mempunyai kaitan dengan beberapa peruntukan Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 dalam membina tembok sempadan di negeri Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis atau apa-apa perusahaan dalam pengekstrak bahan galian atau mineral di kawasan ini. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohamad Yit dan sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

3.11 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca sepotong doa]*
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memanjatkan kesyukuran atas komitmen berterusan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menambah baik peruntukan Kanun Tanah Negara dengan melakukan pindaan-pindaan bagi memperkemaskan tatacara dan tata kelola urusan pentadbiran tanah agar lebih cekap dan berkesan.

Saya mohon maaf atas kesilapan semalam kerana telah berlaku kekhilafan saya semasa perbahasan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah 1960 (Pindaan) 2016 di mana isu-isu mengenai Kanun Tanah Negara telah saya sentuh. Namun saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri untuk memberi saya peluang membentangkan sekali lagi. Saya juga ingin memanjangkan ucapan terima kasih, tahniah kepada semua pegawai kementerian yang diketuai oleh Dato' Dr. Sallehuddin Ishak, Ketua Pengarah Tanah dan Galian kerana usaha serta komitmen Ketua Pengarah serta pegawai dalam menjayakan penggubalan pindaan Kanun Tanah Negara ini. Moga-moga dengan komitmen ini penambahbaikan yang digubal dalam pindaan ini bakal memanfaatkan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, menjurus kepada persoalan perkara yang diperhalusi dalam inti pati pindaan Kanun Tanah Negara, saya ingin mendapatkan perincian dan maklum balas mengenai yang pertamanya, kerja-kerja pengukuran terkini dan pewartaan sempadan negeri-negeri yang melibatkan penggubahan sempadan negeri apabila melibatkan sungai, tasik atau laut sebagaimana kaitan dan perincian takrifan dalam pindaan seksyen 5 dan beberapa peruntukan Akta Ibu.

Kedua, merungkaikan satu perkara di mana adakah satu ketetapan khas secara perundangan di bawah Kanun Tanah Negara bagi seseorang pemilik tanah yang mana kedudukan tanah mereka di tebing-tebing sungai atau laut yang dihakis atau tebing tanah runtuh akibat ombak laut dan arus sungai. Dapatkah mereka mendapatkan kebenaran pentadbir tanah untuk menambak semula tanah mereka.

Perkara ketiga, perincian lebih nyata dan jelas fasal 10 seksyen 66 di mana satu ketetapan dibuat dalam seksyen 66(e)(2) di mana pentadbir tanah tidak dibenarkan memberikan lesen *temporary occupation license* (TOL) bagi jarak lingkungan 50 meter dari tebing mana-mana sungai, mata air dan tasik. Ini kerana dibimbangi menjelaskan industri penternakan ikan akuatik dan pertanian berskala kecil dan sederhana.

Keempat, fasal 12 dengan memperkuatkan kuasa pentadbir tanah agar rujukan pemohon permit mengeluarkan, memindah dan mengangkat bahan galian atau perlombongan tanah dibuat dengan mendapat kebenaran bertulis dan semakan oleh pengarah galian iaitu di Jabatan Mineral dan Geosains agar tatacara dan tata kelola pengendalian dilakukan secara cekap dan memastikan kepentingan awam diutamakan.

Perkara kelima iaitu pindaan pada seksyen 43 Kanun Tanah Negara apabila ia melibatkan perkara-perkara berkaitan dengan pertikaian atau bantahan negara ke atas aktiviti-aktiviti negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia apabila adanya kerja-kerja penambakan ke atas laut atau sungai yang bakal mengubah garis sempadan negara.

Keenam, bagaimanakah kita bertegas agar tidak ada lagi permit eksport pasir atau tanah dikeluarkan bagi pasaran luar seperti Singapura kerana ini merupakan isu kedaulatan negara dan hak rakyat untuk mempertahankan agar sumber utama tanah bagi menambak laut yang mengancam ekosistem laut dan pantai negara Malaysia. Ancaman ini menyebabkan operasi pelabuhan seperti di Tanjung Pelepas akan mengalami impak bagi pelayaran dan kerja-kerja pemaliman.

Tuan Yang di-Pertua, isu atau persoalan yang ingin saya kemukakan adalah berkaitan isu persempadanan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia apabila garis sempadan yang memisahkan dua kerajaan negeri. Persoalannya saya kemukakan ini kerana isu yang paling utama berlaku di negeri saya dan masalah kita bila persempadanan ini melibatkan kerajaan DAP Pulau Pinang yang mana apabila sesuatu pertikaian berlaku, maka lebih banyak pendekatan politik dan provokasi liar Kerajaan Negeri Pulau Pinang walaupun ketetapan secara perundangan telah ada sebelum ini.

Dalam isu persempadanan negeri Kedah dan Pulau Pinang, Akta Kedah dan Pulau Pinang (Penggubahan Sempadan) 1985 telah menjadi satu ketetapan secara perundangan. Sempadan Sungai Muda di antara Pulau Pinang dan Kedah adalah ditentu ukur dengan mewartakan garis tengah aliran sungai tersebut iaitu kelebaran takat akhir maksimum tebing air sungai apabila air surut sebagaimana ketetapan yang dibuat dalam seksyen 2 akta ini. Persoalan saya, apakah dalam Kanun Tanah Negara ini satu peruntukan perundangan boleh dikuatkuasakan agar kerja-kerja penambakan lebih jarak tebing sungai maksimum semasa pewartaan dibuat boleh ditegah.

Selain itu, bagaimana pula jika ada pada bahagian hiliran sungai apabila pasir-pasir yang dibawa arus menyebabkan enap timbus, maka perubahan bentuk dan perluasan sungai akan menyempit. Jika di sebelah Pulau Pinang sahaja yang melakukan penambakan, ianya akan menjelaskan tebing sungai di negeri Kedah lebih-lebih lagi di sebelah kawasan Kuala Muda iaitu di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu saya memohon Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan isu berkaitan ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya dalam soal ketetapan sempadan negeri untuk Kedah dan Pulau Pinang bagi sesuatu sungai, kita telah menjadi satu undang-undang khusus tetapi bagaimanakah sempadan dengan negeri-negeri lain seperti Kelantan-Terengganu di Tok Bali dan Pahang-Johor atau Perak-Kelantan atau Perak dengan Thailand atau Kelantan-Thailand? Perkara ini melibatkan sungai, bagaimana pula jika melibatkan maritim? Umum mengetahui Penang pun sibuk tambak laut, Kedah bantah kerana ia akan menjelaskan nelayan di Kuala Muda atau sempadan yang terlibat kerana impak tanah akan menyebabkan laut dan hidupan laut terancam. Ini akan menyebabkan mata pencarian nelayan di pesisir pantai terjejas teruk.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di dalam Parlimen saya memang kawasan Kuala Muda adalah di dalam Parlimen saya dan kita dapat banyak rungutan daripada nelayan-nelayan sekarang ini bahawa betapa banyaknya kekurangan tangkapan hasil ikan. Jadi nelayan-nelayan ini memang tidak berbaloiyah pergi dengan modal diesel RM400, balik ikan pun tidak ada. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh ambil serius perkara ini.

Oleh itu saya ingin mendapatkan kepastian apakah kerajaan mempunyai warta terkini sempadan laut maritim ini agar sebarang pertikaian tata kelola pentadbiran tanah lebih efisien dan mengurangkan pertikaian ini lebih-lebih lagi pertikaian antara kerajaan negeri berlainan parti.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu hakisan di tebing pantai atau sungai bagi penduduk yang telah membina rumah mereka di atas tanah hak milik mereka sebagaimana kes di Yan, Kedah yang saya maklum kelmarin apabila rumah orang-orang miskin ini dihakis dengan badai dan ombak. Penduduk di Pantai Sabak, Kelantan dan penduduk di Kelantan yang mana tebing runtuh semasa banjir besar 2014. Saya mendapat makluman bahawa tidak ada kebenaran dapat diberikan oleh pentadbir tanah bagi melakukan tambakan semula tanah ke atas tapak tanah yang dihakis oleh laut di pesisir pantai sungai.

■1520

Kesianlah kepada orang kampung, Tuan Yang di-Pertua. Tanah-tanah sendiri, ada geran sendiri tetapi dihakis oleh ombak. Jadi, hendak tambak, pentadbir tanah tidak bagi. Hendak buat rumah baru, hendak beli tanah baru, memang mereka ini miskin, orang kampung. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri sekali lagi untuk memberi komitmen yang serius dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, di dalam peruntukan dalam Kanun Tanah Negara tidak membenarkan penambakan sendiri dibuat. Terdapat banyak kriteria yang akan dibuat mengenai pematuhan teknikal atau pematuhan Jabatan Alam Sekitar. Kalau penghuni rumah ini orang kaya, saya rasa tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi bagaimana rata-rata orang kampung ini, terutama nelayan yang mempunyai tanah di tepi-tepi laut ini, mereka adalah orang miskin. Sekali lagi saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu ketiga, saya ingin mendapatkan kepastian apakah dengan pindaan baru seksyen 66(e)(2) di mana pentadbir tanah tidak dibenarkan memberikan lesen *temporary occupation license* (TOL) bagi jarak lingkungan 50 meter dari tebing mana-mana sungai. Mata air dan

tasik akan menyebabkan permohonan baru membina jeti dan kemudahan perikanan akan terjejas. Dalam kawasan ini terdapat juga usahawan tani menanam jagung atau tanaman kontan sebagai projek agro pertanian. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimana rasional dan langkah kerajaan menetapkan semula pindaan ini dengan memberi halangan kepada seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat ialah mengenai tata kelola apabila sesuatu permit mengeluar, memindah dan mengangkut bahan batuan perlu dirujuk kepada pengarah galian. Dalam isu ini saya ingin mencadangkan agar tambahan dibuat dengan memastikan sebelum sesuatu permit dikeluarkan, ketetapan teknikal oleh Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, JPJ, PBT dan pihak berkuasa pelabuhan diperlukan agar penguatkuasaan ke atas bahan galian ini dibuat secara bersepada. Kalau kita tidak mahu episod kesengsaraan penduduk di Kuantan akibat perlombongan dan pemindahan bauksit menjadi satu kemarahan rakyat, kita kena tengok perkara ini. Justeru, saya mohon dalam pindaan ini, maka mengapakah tidak diperincikan agar setiap pentadbir tanah perlu mendapatkan kebenaran dari jabatan atau agensi teknikal bagi memastikan tata kelola dan tata amalan industri yang tidak mengancam kesejahteraan rakyat dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, isu kelima yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai bagaimanakah Kanun Tanah Negara ini akan melindungi kedaulatan negara apabila melibatkan isu pertikaian sempadan diplomatik negara. Isu ini lebih menjurus kepada kerja-kerja tambak laut Singapura yang mengancam kawasan laut Johor dan menyebabkan Pelabuhan Tanjung Pelepas bermasalah. Justeru, bagaimana pindaan ini dapat memastikan sebarang pertikaian sempadan di antara negara jiran seperti Singapura dan Thailand, bagi sempadan sungai di Kedah-Perlis, Kelantan dan Perak dapat diperhalusi dengan cekap.

Lanjutan daripada isu ini juga saya memohon agar permit eksport tanah diharamkan. Saya ingin mengulangi. Lanjutan dari isu ini juga saya memohon agar permit eksport tanah diharamkan. Ini kerana apabila tanah dibekalkan ke Singapura, mereka menambak laut dan menyebabkan pertikaian diplomatik. Justeru, bagaimana kita hendak mengharamkan aktiviti ini di dalam pindaan Kanun Tanah ini. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua .

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Saya pandang Yang Berhormat atas bawah, dengar ucapannya, nampaknya macam lemah lembut. Gadis lemah lembut. Akan tetapi apabila saya dengar hujah-hujah dia tadi, bernas dan baik. Saya nampak Yang Berhormat Menteri dengar dengan teliti dan saya *realize* bahawa Puan Shahanim ini seorang *fighter*. Seorang *fighter*. *Point* yang bagus. Jadi, saya harap supaya kita dapat ingatkan orang yang berkenaan tadi. Saya panggil dahulu Tan Sri Haji Mohd Ali, kemudian akhirnya kita minta presiden kita pula. Sila, Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam.

3.25 ptg.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya juga untuk membahaskan berkaitan dengan pindaan Rang Undang-

undang Kanun Tanah Negara. Saya menyokong rang undang-undang ini kerana kita mempunyai ramai rakyat dan juga keperluan tanah-tanah ini dipecahkan dengan lebih banyak dan sudah tentu menggunakan tenaga yang lebih banyak dan juga teknologi yang lebih canggih supaya rekod-rekod yang didaftarkan mantap dan tidak berlaku apa-apa kesilapan apabila tanah-tanah ini diurus tadbir oleh pejabat tanah.

Saya mengucapkan tahniah kerana kerajaan telah memperbaiki banyak sistem pengurusan tanah negara seperti yang pernah disebut tadi oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman iaitu e-Tanah. Kemudian juga telah memperbaiki jika berlakunya kesilapan-kesilapan dalam pengurusan dengan menubuhkan e-Selamat dan juga menguruskan tanah pusaka dan sebagainya.

Saya ingin bertanya, berapa *percent* kah pencapaian kecekapan e-Tanah yang telah kita perkenalkan semenjak ditubuhkan. Ini kerana kalau dulu, Tuan Yang di-Pertua, kita guna buku besar. Saya tengok geran dekat pejabat tanah itu. Jadi, kalau nama itu nama saya kemudian saya tukar kepada nama anak, dicatat dengan jelas. Tukar pula kepada cucu, katakan cucu ada sepuluh, ditulis satu per sepuluh. Dapat satu per lapan, ada dapat satu per 200 dan ini telah menimbulkan banyak tenaga kerja. Kemudian kita bina rumah *flat* dan sebagainya dan sistem e-Tanah telah dapat banyak membantu.

Kadang-kadang berlaku juga bila kita hendak bayar cukai, pejabat tanah terpaksa juga hendak kena semak sudah bayar atau belum. Oleh kerana itulah sistem ini telah dapat banyak menguruskan isu-isu pengurusan tanah. Oleh kerana itu saya harap dapat diperjelaskan pencapaian sudah 90% ataupun sudah 100%.

Kedua, bila kita guna e-Selamat, kita kata mencagarkan tanah. Jadi, *lawyer*, dia guna orang tengah ataupun wakil. Akan tetapi wakil ini dia pegang *lawyer* ini pun dia pegang, *lawyer* ini dia pegang, *lawyer* ini dia pegang. Jadi, banyak juga aduan, bila kita semak, katanya pejabat tanah belum bagi. Sebenarnya yang simpan itu ejen itu. Jadi, pejabat tanah sudah kena buat kerja teruk kena cari balik. "*Engkau ejen mengapa engkau tidak bagi?*" Rupanya satu orang itu dia pegang banyak *lawyer*. Jadi, saya hendak tanya, adakah kita benarkan satu ejen ini pegang – berapa had dia jadi ejen? Kepada dua *lawyer* kah, tiga *lawyer* kah ataupun tidak ada had? Oleh kerana ini kalau dapat diperbaiki, saya percaya isu menyalahkan pejabat tanah ini akan dapat dikurangkan lagi.

Satu lagi tanah pusaka. Saya ucapkan tahniah kerana sudah ada enakmen baru ini, di mana tanah bagi masyarakat Islam kalau orang meninggal, tidak ada waris, dimasukkan terus ke Baitulmal. Ini boleh menambahkan harta Baitulmal yang boleh diguna untuk kegunaan orang ramai mengikut hukum syariah. Seksyen 90A ada menyentuh milik yang bertempoh. Kata tanah ini 99 tahun, Kemudian sudah habis tempoh, tinggal lagi 20 tahun. Ikon amalan biasa, kita kena tunggu tuan punya ini habis guna 99 tahun, baru dia boleh mohon balik. Jadi, bila dia mohon balik ini, ramai orang akan mohon kerana ini sudah jadi tanah kerajaan. Ini juga menjadi masalah kepada pemilik asal kerana dia sudah bina rumah dalam bandar yang cantik, tiba-tiba tinggal habis, orang lain pula sudah kena mohon.

■1530

Jadi, tadi diterangkan bahawa pindaan ini membenarkan tuan milik tanah bertempoh ini boleh mohon *anytime*. Saya dahulu di Melaka juga menghadapi perkara ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita benarkan bawa dalam mesyuarat exco supaya apabila sampai 30 tahun, pemilik asal ini boleh mohon. Sama ada kerajaan hendak bagi atau tak nak bagi itu soalan yang kedualah. Mengapa kita gunakan 30 tahun ialah kerana 30 tahun itu *bankable*.

Jadi kalau tanah itu 30, pinjam bank, bank masih boleh bagi pinjaman ataupun tinggal 60 tahun, dia mohon balik nak jadikan 99, jadi bank kata okeylah kerana tempoh ini panjang. Akan tetapi kalau sudah bawah 30 tahun, sudah tidak *bankable* lagi. Jadi tadi *anytime* boleh mohon. Katalah dia sudah 99 tahun sudah pakai 10 tahun, tinggal 90. Dia nak mohon balik, naik lagi 9 tahun itu. Adakah akan dilayani? Akan tetapi dalam konteks negeri Melaka dahulu saya tunggu sampai 30 kecuali ada sebab-sebab tertentu, hendak ada satu pembangunan bercampur yang lain. Kalau tidak nanti pejabat tanah ini habis 9 tahun ini, minta balik 99 tahun. Habis lagi 9 tahun, minta balik jadi 99 tahun. Kita gunakan tempoh *bankable*.

Satu lagi isu yang kita di negeri-negeri, tanah pertanian. Kalau macam di Melaka, satu ekar kita bagi satu geran. Kalau satu ekar setengah tidak boleh. Kalau dua ekar kita boleh pecah dua. Satu ekar satu geran, satu ekar lagi satu geran. Jadi anak yang sulung boleh ambil satu ekar, anak lagi satu boleh ambil lagi seekar. Kalau dia ada lima ekar, boleh pecah lima. Kalau lima setengah ekar, satu, satu, satu, satu dan satu lagi satu setengah. Itu kita benarkan.

Isunya apabila kita nak bina rumah pula. Kita benar satu tanah pertanian boleh bina satu rumah. Saya ada satu ekar tanah pertanian, saya bina rumah saya. Tidak ada tanah lain. Anak saya nak bina sudah tidak boleh sebab tanah pertanian cuma boleh bina satu rumah. Kalau hendak bina banyak rumah, kena tukar jadi syarat perumahan. Syarat perumahan ini pula Tuan Yang di-Pertua, dia mahal. Hendak tukar syarat pun mahal, nak bayar cukai tanah pun mahal. Jadi kita orang kampung tidak boleh.

Jadi dalam pindaan ini bagi tanah-tanah pertanian bagi keluarga petani macam ini, macam mana kerajaan uruskan? Adakah kekal macam ada sekarang ataupun dibenarkan tanah pertanian pun boleh bina tiga rumah ikut bilangan anak? Sekarang ini memang tidak dibenarkanlah kecuali dikeluarkan syarat.

Satu lagi tanah tepi jalan. Saya hadapi macam di Bukit Baru. Dahulu kem orang putih masa tentera New Zealand, Australia ada di Melaka. Sepanjang Bukit Baru itu semua rumah *mat saleh*, askar-askar. Apabila mereka sudah balik, orang tempatan tinggal. Sekarang sudah jadi bandar, rumah itu orang tidak suka tinggal sebab kereta sudah sibuk, bising. Jadi semua hendak jadikan kedai jual *souvenirs* dan sebagainya. Jadi kerajaan negeri masa itu nak bantu orang-orang kampung, kita benarkan walaupun tanah pertanian, benarkan dia meniaga secara pentadbiranlah.

Sepatutnya kalau hendak bermeniaga mesti tukar tanah jadi tanah perniagaan. Kita bagi PBT, bagilah lesen meniaga. Itu memudahkan tetapi daripada segi undang-undang, ini bukan tempat bermeniaga tetapi secara pentadbiran kita benarkan. Jadi Kanun Tanah Negara ini ada ambil kira tak yang ini?

Bermakna kita benarkan macam itu, kira macam benarkan sahajalah. Ini juga isu-isu yang timbul tetapi itulah cara kita atasi supaya meringankan pemilik-pemilik tanah di tempat berkenaan.

Saya nak tanya balik fasal geran bawah tanah ini. Semalam saya ada bangkitkan. Tadi ada sebut beberapa kaki. Jadi, berapa kaki? Tanah saya ini rumah biasa katakanlah 30 kaki. Okey selepas 30 itu, adakah bawah pindaan ini sudah jadi tanah kerajaan selepas 30 kaki secara automatik? Bermakna selepas ini kalau kerajaan ambil tanah saya ini bawah, saya tidak dapat apa-apa kerana enakmen hari ini telah meluluskan kerajaan boleh ambil bawah untuk buat laluan LRT, perparitan dan sebagainya ataupun dengan pindaan ini saya masih ada hak? Selepas sahaja pindaan hari ini kerana dahulu itu tanah saya, apabila kerajaan ambil esok saya dapat pampasan ataupun selepas ini, sudah lulus ini, saya tidak dapat apa-apa kerana hari ini Dewan Negara sudah luluskan? Itu satu.

Kedua, kalau saya dapat pampasan *alhamdulillah*, tidak timbul. Kemudian esok satu hari kerajaan ambil lagi satu kali turun bawah pula 30 kaki. Katakanlah kerajaan ambil buat kereta api laju 30 kaki. Selepas itu kita nak ambil lagi satu kali 30 kaki bawah itu. Kalau yang kali ini saya dapat, yang akan datang itu saya dapat lagi tak pampasan? Itu pun nak tanya juga bawah pindaan undang-undang pada hari ini. Oleh kerana kalau hari ini Tuan Yang di-Pertua, selepas pinda ini saja bawah 30 kaki semua kerajaan punya, 1Malaysiakah? Termasuk tanah kampung, tanah ladang kelapa sawit ataupun hanya dalam kawasan-kawasan pembangunan yang akan digazet atau yang telah digazet? Ini semua saya harap dapat diperjelaskanlah.

Tanah hakis laut macam Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff sebut tadi, saya pun sokong juga kerana di Melaka pun banyak berlaku hakisan pantai. Kita minta JPS buat *break wall* jauh ke laut, tetapi kerajaan kata tidak cukup duit. Jadi, hakisan itu masih berlaku. Kadang-kadang ditambak sedikit, tetapi tahun depan pukul balik. Jadi orang ini sudah tidak ada tanah, tetapi geran ada. Hendak tambak sendiri tidak boleh pasal ada laut. Jadi kalau kerajaan tidak ada dasar nak bagi balik tanah ini, dibenarkan tambak, boleh tak kerajaan bagi tanah ganti? Kata cari tanah darat dan siapa nak bayar ini? Kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan? Termasuk juga tanah-tanah di tepi sungai yang telah terhakis. Kalau kerajaan tak nak benar, orang ini hendak bina rumah dekat mana?

Saya cadangkan kita bagi tanah ganti. Jadi kalau kerajaan ganti, masalahnya siapa nak bayar? Oleh sebab cukai-cukai yang dikutip di negeri kita Tuan Yang di-Pertua, semua pergi Kerajaan Persekutuan termasuk GST. Semua pergi balik Kerajaan Persekutuan. Kita dekat negeri ini dapat cukai tanah, cukai pintu. Adalah cukai lesen meniaga sana sini sedikit-sedikit. Jadi oleh sebab itulah kita tidak ada duit di peringkat negeri hendak cover ini.

Akhirnya berkaitan dengan tanah adat. Kalau ikut pesanan Raja-Raja Melayulah, 50% ini kekal tanah adat Melayu dan tanah adat bumiputera. Jadi apabila kita ambil ini, Kerajaan Persekutuan saya fikir patut juga sama-sama memantau, takut habis tanah adat itu. Macam di Pulau Pinang, ada tanah adat bukan? Akan tetapi tengok cara negeri Pulau Pinang ini lain macam, main ambil sahaja. Ada pula itu dia beli. Dibeli dengan harga mahal. Begitu rakus sekali. Lama-lama esok Balik Pulau pun saya fikir tidak ada lagi Tanah Adat Pulau Pinang, macam Tanah Adat Melaka, bukan.

Kita dekat Melaka ini kita jaga. Apabila kita jual satu, kita tengok. Kita pula ada satu lagi undang-undang kita boleh tambah yang 99 itu boleh jadi tanah adat ataupun tanah *Malacca Customary Land*. Akan tetapi Pulau Pinang ini nampak tidak ada, dia rakus. Dia kalau boleh hendak ambil semua itu. Jadi, Kerajaan Persekutuan nak kena pantau ini. Kalau tidak, saya bimbang Pulau Pinang ini esok habis Tanah Adat Pulau Pinang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Boleh celah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang soal tanah di Pulau Pinang, tanah Melayu itu memang ada dan dibela dengan elok. Akan tetapi kalau kita tengok siapa sebenarnya beli tanah Melayu ini, kita mesti tengok secara yang terperincilah. Cina sebenarnya dihalang beli tanah Melayu. Maka siapa?

Tentang tanah yang lain, tanah wakaf itu ada tetapi yang jadi masalah di Pulau Pinang, tanah wakaf itu bukan dimiliki oleh orang Melayu. Kebanyakannya daripada tanah wakaf di Pulau Pinang itu ialah tanah yang dipegang oleh India Muslim. Maka, ini pun menimbulkan masalah. Tentang pegangan tanah di kalangan orang Melayu ini masih ada di Pulau Pinang walaupun tidak banyak, tetapi ada. Sekarang terpelihara. Kita memang sedar bahawa tanah di Pulau Pinang itu khususnya yang dipegang oleh orang Melayu itu tidak boleh dilepaskan dengan begitu mudah dan dikawal sekarang oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

■1540

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, bunyi cakap macam dia pertahankan tapi apa yang berlaku sekarang ini berbeza. Banyak pengambilan juga dibuat. Kemudian mereka ini ada juga orang yang pergi beli tetapi nama betul bumiputera tapi takutnya dia ejen lah pada kumpulan-kumpulan yang berkepentingan. Jadi esok dia suruh kerajaan *acquire*, jadi dia pun setujulah. Tahun lalu orang kita ini bukan semuanya ikhlas kan, ada yang jadi alat sahaja, jadi boneka. Ini yang kita takut, bimbang berlaku di Pulau Pinang bahkan sedang berlaku. Akan tetapi Yang Berhormat Dr. Ariffin tentulah dia pertahankan pasal dia sekarang ini menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi rakan kongsi dia banyak sudah lari pasal dia nampak Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini dia tak ikhlaslah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Oleh kerana itu saya hendak tengok, hendak tanya, apakah KPTG *monitor* apa yang berlaku di Pulau Pinang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semalam suruh banyak bercakap, ini hari pula macam dah kurang masa pula. *[Ketawa]* Dengan ini saya menyokong. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat berpuasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu tadi pandangan daripada mantan Ketua Menteri. Banyak dia punya poin, banyak yang dia lalui. So terima kasih atas pandangan dan ketulusan hati tadi. Terima kasih Yang Berhormat ya. Jadi sekarang ini semua dah bercakap dah tadi, saya dah dengar dan saya nampak Yang Berhormat Menteri pun dah siap bersedia dan minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

3.41 ptg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat parameter dengan izin, sedikit. Mengikut peraturan Dewan bahawa dalam perbahasan berhubung dengan pindaan rang undang-undang, kita hanya membangkitkan soalan yang dibangkitkan oleh pindaan itu sahaja, tidak terkeluar daripada situ. Bermakna apa-apa soalan yang terkeluar umpamanya soalan bauksit, soalan pemetaan, soalan terbakar masa kering, banjir semasa hujan ataupun hakisan adalah di luar pindaan undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya akan sentuh secara sedikit-sedikit berhubung dengan perkara tersebut apabila saya ada masa nanti.

Berhubung dengan Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff yang membangkitkan berhubung tentang tata kelola apabila sesuatu permit mengeluarkan, memindah dan mengangkut bahan batuan bawah seksyen 71 Kanun Tanah Negara. Mengapakah tidak perincian agar setiap pemindahan tanah perlu mendapat kebenaran daripada jabatan atau agensi teknikal bagi memastikan tata kelola serta amalan industri yang tidak mengancam kesejahteraan rakyat.

Kehendak undang-undang untuk kelulusan permit bagi mengeluarkan, pemindahan atau mengangkut bahan batuan di bawah seksyen 71 melibatkan tanah rizab, tanah lombong dan tanah kerajaan. Bagi tanah rizab pula, ia perlukan dirujuk kepada pegawai-pegawai manakala tanah lombong, ia perlu dirujuk kepada pengarah galian sebagaimana yang dicadangkan dalam pindaan ini. Bagi tanah kerajaan, pentadbiran tanah terikat dengan apa-apa ketetapan yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri.

Dalam hal ini, rujukan kepada jabatan atau teknikal adalah dijelaskan dalam manual yang dikeluarkan untuk panduan pentadbir tanah dalam melaksanakan peruntukan Kanun Tanah Negara. Ini bermakna rujukan kepada jabatan atau agensi teknikal sememangnya merupakan prosedur standard yang diamalkan.

Persoalan adakah pindaan kepada seksyen 66 di mana pentadbir tanah tidak dibenarkan memberikan *temporary occupation license* ataupun TOL bagi jarak lingkungan 50 meter daripada tebing mana-mana sungai, mata air, tasik kerana dibimbangi menjelaskan industri penternakan ikan akuatik dan sebagainya. Tanah yang terletak di dalam jarak lingkungan 50 meter daripada tebing mana-mana sungai, mata air dan tasik masing-masing masih boleh dilupuskan bagi maksud pengeluaran hak milik seperti bagi tujuan pertanian, pengeluaran lesen, pendudukan sementara dan sebagainya. Cuma apa yang dihasratkan dalam pindaan ini adalah meletakkan satu mekanisme kawalan bagi kawasan-kawasan yang sensitif ini seperti sungai, mata air dan tasik.

Bagi kawasan-kawasan sebegini, kuasa meluluskan hak milik lesen dan sebagainya diberikan oleh pihak berkuasa negeri sekiranya kawasan diwartakan di bawah seksyen 13 Kanun Tanah Negara. Jadi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, saya masih merangka satu peraturan ataupun undang-undang, bukan di bawah Kanun Tanah Negara tetapi di bawah peraturan-peraturan lain iaitu mungkin

apabila kita berjaya menggubal undang-undang air negara nanti bahawa tiap-tiap rizab sungai dan sebagainya mesti diwartakan.

Oleh kerana kita telah melihat macam mana anak sungai kita, sungai-sungai kita telah menjadi cetek, telah menjadi kehilangan air dan air ini adalah penting untuk menjamin keselamatan air negara. Kalau kita lihat di Pahang pun sungai yang begitu besar di Semenanjung juga sudah menjadi satu sungai yang mempunyai tадahan ataupun takungan air yang berkurangan kalau dibandingkan dengan zaman-zaman dahulunya Sungai Pahang.

Ini adalah kerana berlakunya *siltation*. Apa bahasa Melayu? [Disampuk] Saya pun tak tahu cakap Melayu dia. Kelodak, ha! Kelodak. Berlakunya kelodak, ‘kelodakan’. Jadi maknanya oleh kerana pembangunan berlaku di kawasan-kawasan tertentu, perladangan, berlakunya pembangunan dan banjir-banjir lumpur masuk ke dalam sungai yang akan menjadi satu *siltation* di dalam sungai tersebut. Jadi ini kita kena lihat secara holistik supaya kita menjaga semua sudut, bukan sahaja soalan tanah tetapi sungai dan sungai adalah sumber air pada negara kita.

Ketiga, kedudukan pindaan takrifan seksyen 5 dalam konteks perubahan sempadan negeri apabila melibatkan sungai, tasik dan laut. Sebenarnya pindaan kepada seksyen 5 Kanun Tanah Negara hanya bertujuan untuk menyelaraskan takrifan *territorial water* dengan undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini iaitu Akta Laut Wilayah 2012, hanya berkaitan dengan isu sempadan perairan laut dan tidak berkaitan dengan sempadan yang melibatkan sungai dan tasik.

Walau bagaimanapun, kebimbangan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim tadi memang ada disebut banyak negeri termasuk baru-baru ini negeri Sarawak juga membangkitkan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, saya telah mengarahkan PUU saya mengkaji hal undang-undang ini, macam mana kita boleh menyelaras berhubung dengan undang-undang ini, *provision* nya. Macam mana dia mengenakan negeri-negeri tertentu sama ada di Semenanjung, Sarawak ataupun di Sabah.

Kerja pengukuran terkini di pewartaan sempadan negeri-negeri yang melibatkan pengubahan sempadan negeri apabila melibatkan sungai, tasik atau laut. Berhubung dengan kerja pengukuran terkini dan pewartaan sempadan negeri-negeri, jajaran sempadan darat di antara negeri adalah berasaskan kepada sungai, legeh, lot-lot milik tanah dan deskripsi yang terkandung di dalam *treaty* perjanjian gazet yang telah dipersetujui oleh kedua-dua negeri.

Terdapat sembilan buah negeri yang sebahagian mengikut sungai dan kesemuanya terletak di Semenanjung Malaysia. Keseluruhannya, sempadan mengikut sungai ini dianggarkan berjarak 551 kilometer daripada jumlah tersebut. Sepanjang 84.1 kilometer telah disiapkan tanda dan tukar iaitu bagi sempadan Johor-Melaka, Negeri Sembilan-Melaka. Sepanjang 18.7 kilometer iaitu bagi sempadan Negeri Sembilan-Selangor sedang diukur dan di tanda manakala baki selebihnya yang belum diukur dan di tanda kerana belum mendapat permohonan ukur dari negeri-negeri berkenaan. Soalan satu lagi, apakah ketetapan dan kaedah sempadan maritim antara negeri.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri-negeri yang mempunyai dokumen rasmi seperti perjanjian triti gazet yang jelas, JUPEM telah mencadangkan jajaran sempadan maritim antara negeri berdasarkan deskripsi yang telah dinyatakan dalam dokumen tersebut. Manakala bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai dokumen rasmi dan berkaitan, JUPEM telah mencadangkan jajaran sempadan antara negeri bagi negeri-negeri tersebut mengikut undang-undang laut antarabangsa iaitu *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* yang diperintahkan penyelesaian yang saksama, *equitable solution* tertakluk kepada batas perairan wilayah negeri itu tiga batu nautika yang telah diperuntukkan dalam Akta Laut Wilayah 2012.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim Mohamad juga bertanya apakah satu ketetapan khas secara perundangan di bawah Kanun Tanah Negara bagi seorang pemilik tanah yang mana kedudukan tanah mereka di tebing sungai atau laut yang terhakis tebing tanah runtuh akibat ombak laut dan arus sungai untuk mendapatkan kebenaran pentadbir tanah untuk menambak semula tanah mereka.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, termaktub dalam seksyen 49 Kanun Tanah Negara. Sebahagian daripada suatu kawasan tanah berimilik akan menjadi tanah kerajaan dan keluar daripada hak milik tuan punya jika tanah itu menjadi dasar laut atau sebahagian daripada sungai. Untuk menjelaskan perkara ini, pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian di bawah Kementerian saya telah mengeluarkan Pekeliling Tatacara Berhubung Dengan Tanah Berimilik Yang Dihakis oleh Laut atau Sungai.

Dari sudut permohonan untuk menambak semula tanah mereka, ia bergantung kepada ketetapan pihak berkuasa negeri masing-masing. Ia perlu memenuhi spesifikasi teknikal ditetapkan oleh jabatan teknikal tersebut. Dalam hal sedemikian, pihak PTG Kedah memaklumkan kerajaan negeri untuk menawarkan tapak rumah di kawasan-kawasan lain.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim Mohamad juga bertanya bagaimanakah kedudukan...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi bahawa di tepi laut itu menjadi rizab kerajaan. Jadi, bagaimana pula dengan peruntukan seksyen 427(2) yang meningkatkan penalti bagi kesalahan membawa binatang untuk meragut secara tidak sah dengan menaikkan denda daripada RM100 ke RM1,000. Adakah binatang-binatang yang pergi makan di tepi laut itu akan ditangkap tuannya dan akan didenda sebanyak yang disebutkan tadi? Ini kerana di tepi-tepi laut di Kedah ini contohnya, di tepi-tepi laut memang tempat ragut kambing-kambing dan juga lembu-lembu ini. Jadi, bagaimana hendak diklasifikasikan mereka ini, Yang Berhormat Menteri?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Dewan Rakyat banyak persoalan. Saya pun baru mendengar perkataan meragut ini, *grazing* bahasa Inggerisnya. Baru belajarlah bahasa Melayu. Meragut rupanya *grazing*.

Hukuman bagi aktiviti meragut rumput tanpa kelulusan atas tanah kerajaan atau tanah rizab. Jadi, banyak dipersoalkan bagaimana hukuman telah dikenakan kepada mereka ini dan soalan Yang Berhormat tadi ialah macam mana pula kambing yang berkeliaran di tepi pantai yang tidak ada rumput itu. Kalau dia tidak meragut, daripada isytihar undang-undang, pada saya tidak ada lah, Yang Berhormat. Dia kena meragut dahulu. Kena *grazing* dahulu. Kalau tidak ada *grazing* itu dia berkeliaran sahaja. Kalau dia berkeliaran, ia di bawah undang-undang lain. Kalau di Sarawak di bawah undang-undang kecil. Kambing itu boleh ditangkap dan disita dan orang itu boleh menawarkan balik dan dikenakan kompaun.

Walau bagaimanapun, kadar penalti bagi kesalahan membawa binatang untuk meragut secara tidak sah di bawah seksyen 427 dinaikkan daripada maksimum RM100 kepada RM1,000. Peningkatan kadar penalti ini dibuat mengikut keperluan semasa. Sebagai perbandingan, denda yang dikenakan terhadap kesalahan membuang sampah merata-rata juga telah dinaikkan kepada maksimum RM1,000. Oleh yang demikian, peningkatan kadar ini adalah setimpal dengan kesalahan dilakukan. Kerajaan juga boleh mengeluarkan permit bagi membenarkan binatang ternakan meragut rumput di atas tanah kerajaan dan saya percaya kerajaan negeri tidak akan mengambil tindakan di bawah seksyen ini tanpa sebarang pertimbangan.

Jadi, inilah sebenarnya jawapan Yang Berhormat. Sebenarnya, kadar-kadar hukuman ini adalah kita telah bandingkan dengan kesalahan-kesalahan yang hampir sama dengan kesalahan ini yang kita letakkan di bawah undang-undang kita pada tahun-tahun yang sama apabila undang-undang itu digubal. Untuk menyelaraskan maksimum dia, kita laksanakan sekarang. Akan tetapi walau bagaimanapun, walaupun garis panduan undang-undang ini diberi RM1,000 sebagai satu maksimum, tidak ada majistret pun meletakkan hukuman itu secara maksimum. Dia akan letakkan mungkin RM100, RM200, RM300 berlandaskan apakah matlamat sebenar.

Kalau seorang pakcik, makcik ataupun saya hanya dua, tiga ekor kambing bawa di sana memang disimpan belakang rumah saya, saya percaya majistret tidak akan menghukum sebesar mana. Akan tetapi kalau lembu komersial dia bawa berpuluhan-puluhan, 50, 60 ekor bawa *grazing* di atas tanah kerajaan, RM1,000 itu kita nampak dia begitu rendah sekali hukumannya dan majistret mungkin akan boleh mengenakan hukuman yang sedemikian. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Puan Shahnim juga bertanya bagaimanakah kedudukan pindaan kepada seksyen 43 Kanun Tanah Negara iaitu isu melibatkan pertikaian atau bantahan negara ke atas aktiviti negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia apabila adanya kerja-kerja penambakan ke atas laut, sungai yang bakal mengubah garis sempadan negara. Sebenarnya pindaan kepada seksyen 43 ini tidak berkaitan dengan isu yang berbangkit. Pindaan ini hanyalah untuk mengemaskinikan rujukan.

Sebenarnya saya ingin menjelaskan sedikit berhubung dengan soalan Singapura ini. Singapura dan Malaysia sebenarnya kita ada mempunyai kerjasama serantau di antara Malaysia dan Singapura, satu jawatankuasa yang mana kita buat mesyuarat tiap-tiap tahun. Kebimbangan sekarang bukan sebenarnya berlandaskan apa yang berlaku pada penambakan di Singapura. Kebimbangan sekarang

ialah *Singapore* bimbang apa yang berlaku di Johor kerana ada 13 pembangunan yang besar-besaran di Johor.

Akan tetapi, ini kita selaraskan menerusi perbincangan diplomasi dan sebagainya. Bahkan sekarang ini pun kita sudah bentangkan ke Jemaah Menteri berhubung dengan apa yang berlaku di sana, bagaimana kita menangani masalah ini dan kita masih mengkaji bagaimana Malaysia membuat tambakan di Johor dan bagaimana Singapura membuat tambakan di Singapura pada zaman-zaman sebelum kita menambak di Johor. Buat perbandingan keadaan semasa pada masa sekarang dan bagaimana boleh kita memberi pandangan kita kepada Singapura sebelum Singapura memberi pandangan kepada kita.

Jadi, soalannya Yang Berhormat, ada mekanisme tertentu untuk kerajaan berbincang dengan pihak Singapura dan Singapura berbincang dengan pihak kita menerusi jawatankuasa bersama yang mana saya sendiri terlibat. Baru-baru ini pada 3 dan 4 hari bulan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Datuk Ir. Hamim ada pergi ke Singapura untuk menghadiri satu mesyuarat berhubung dengan perkara tersebut. Jadi, memang ada mekanisme yang tertentu. *Insya-Allah*, perkara ini boleh diuruskan di antara dua negara.

Adakah kerja-kerja penambakan ke atas laut atau sungai yang dilakukan – ini tadi. Contohnya garis sempadan negara Singapura, Thailand, dan Indonesia. Bagi garis sempadan antarabangsa darat Malaysia-Thailand dan sebagainya, ia dipisahkan menerusi Golok iaitu sejauh anggaran 105 kilometer. Ia telah di tanda dan diukur secara bersama oleh kedua-dua negara dan siap sepenuhnya pada 30 September 2009. Pada masa ini, kedua-dua negara sedang dalam proses memeterai MOU untuk memaktubkan hasil ukuran tersebut. Garis sempadan yang telah diukur tidak akan diubah walaupun terdapat penambakan oleh negara jiran kerana ia berasaskan konsep garis sempadan kekal, *fixed permanent*. Bagi sempadan antarabangsa maritim Malaysia-Thailand pula, ia adalah berasaskan triti Laut Wilayah 1979 yang telah disetujui oleh kedua-dua negara.

Bagi sempadan antarabangsa maritim Malaysia-Indonesia pula, telah ada perjanjian sedia ada di sepanjang Selat Melaka di selatan Laut China Selatan dan bakinya masih dalam proses perundingan di antarabangsa kedua-dua negara.

■1600

Jadi untuk Singapura dan Malaysia juga ada begitu sempadan antara Malaysia-Singapura terdapat perjanjian sempadan di antara dua-dua negara sepanjang Selat Johor sebahagiannya juga masih dalam rundingan antara kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat saya cukup yakin sekarang kalau kita sudah bersetuju dengan garis panduan tersebut, dua-dua negara termasuk *United Nations* mungkin dia akan diberi *the GPS reading* dia yang bermakna kalau ada perubahan pun dia tidak akan berubah, *reading* dia tetap tidak akan berubah.

Ini jurutera boleh tahu, saya tak berapa tahu sangat tapi saya tahu kalau ada *GPS reading* walaupun secara fizikal dia boleh berubah tetapi dia punya *reading* yang kita simpan itu, fakta yang kita simpan akan menentukan di manakah letaknya persempadanan kita dengan negara-negara jiran yang

sedemikian. Jadi jangan bimbang tidak ada kehilangan dua-dua pihak dalam soalan ini. Pengurusan kita dengan negara jiran kita tetap baik dan *insya-Allah* tidak ada masalah negara kita akan kehilangan tanah dan laluan ataupun persempadanan.

Daripada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff juga, bagaimana kedudukan eksport pasir ke tanah jiran seperti Singapura yang menyentuh isu kedaulatan negara dan hak rakyat sumber utama tanah bagi menambak laut, mengancam ekosistem laut dan pantai negara Malaysia serta menyebabkan operasi pelabuhan seperti di Tanjung Pelepas akan mengalami impak bagi pelayaran dan kerja pemaliman. Setaraf dengan keputusan Jemaah Menteri pada 1 April 2016 yang memberi kelonggaran terhadap larangan pengeksportan pasir ke luar negara mengikut kes demi kes. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar boleh mempertimbangkan permohonan permit eksport pasir ke luar negara selepas berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, sesuatu permohonan tersebut hendaklah mengambil kira kepentingan negara demi kesan kepada alam sekitar yang mana kajian penilaian alam sekitar mesti dijalankan dan kelonggaran ini hanya diberi sekiranya ia memberi manfaat kepada negara dan juga bersyarat. Syarat pertama ialah penambakan kepada mana-mana negeri khususnya Singapura tidak boleh menghadapi Malaysia. Kalau dia menambak menghala ke Laut China Selatan, dia boleh tambak. Itu syarat yang amat penting bagi kita supaya tidak mengena apa-apa persempadanan di antara kita dan Singapura.

Berpindah kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, isu penambakan laut Singapura. Apakah kesan ini hampir sama dan sudah dijawab tadi ya. Jadi maknanya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah juga menyatakan perkara yang sama dan jawapan kepada soalan *silent* Malaysia, Singapura dan Indonesia juga bersama telah dijawab tadi.

Akta 750 tidak dirujuk kepada semua negeri. Perbatasan perairan wilayah tiga batu nautika daripada negeri seperti diperuntukkan dalam seksyen 3(3) Akta Laut Wilayah, Akta 750 di bawah daripada peruntukan yang sama dalam subseksyen 4(2) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) No.7/1969 yang juga telah menetapkan tiga batu nautika yang perairan wilayah negeri yang disebut dalam Kanun Tanah Negara.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar bertanya tanah milik tidak dijaga dan diselenggarakan dengan baik. Apakah bentuk tindakan boleh dibenarkan bagi tanah akibat milik terbiar, langkah-langkah kementerian untuk menanganinya. Untuk makluman Yang Berhormat, tanah milik adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Sebagai contoh tanah syarat bangunan perlu dibina rumah dalam tempoh dua tahun dari tarikh pemilikan. Sekiranya tanah tersebut tidak diusahakan dan terbiar, pemilikan tanah telah melanggar syarat yang ditetapkan dan boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 128 Kanun Tanah Negara. Latihan dan pendedahan diabaikan melalui kursus-kursus yang sentiasa ditambah baik yang ditawarkan oleh INSTUN.

Soalan kedua, ini Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, banyak soalan-soalan yang saya amat tertarik bahkan saya tanda dalam nota saya tadi. Ada satu persoalan yang saya anggap amat baik sekali. Adakah benar pemilik tanah untuk memohon lanjutan tempoh sedangkan

masih baki 90 tahun dibenarkan sambungan pajakan walaupun tanah baki 90 tahun pajakan? Seksyen 90A yang baru tidak meletakkan tempoh masa, ia terpulang kepada pihak berkuasa negeri. Maknanya sekarang kita sudah boleh kalau Yang Berhormat hanya disebutkan tadi apabila tuan tanah memohon penambahan geran tetapi saya ingat dia akan dikenakan premiumlah. Kena bayar premium. Ketetapan keadaan tanah permukaan bagi tanah milik sedia ada tidak kedalaman ditetapkan selaras dengan peruntukan seksyen 44 Kanun Tanah Negara. Kedalaman ditetapkan hanya bagi pemilik baru sekiranya pihak berkuasa negeri menetapkan kelulusan peraturan kedalaman minimum terhadap keluaran tanah tersebut.

Sebenarnya Yang Berhormat, konsep tanah ini sebenarnya apabila Yang Berhormat membeli sebidang tanah daripada sesiapa pun ataupun tanah itu diberi daripada – kalau tidak ada syarat-syarat yang telah ditetapkan, konsep tanah kita walaupun turun sebagai *torrent system* daripada British juga ialah daripada udara atas udara sekali sampai ke bawah tanah sekali tak ada batasan. Maknanya *from the sky right down to the bottom, to the core of the earth* sampai ke atas tanah bawah bumi itu. Maknanya itu atas sebenar melainkan mineral sahaja perantaraan itu kepunyaan kerajaan kalau kita hendak meneroka dan mengambilnya. Di sinilah letaknya kebaikan pindaan ini apabila pindaan ini diberi apabila Yang Berhormat mempunyai tanah tidak bersyarat mengatakan tanah Yang Berhormat hanya mempunyai di bawah itu 30 kaki maknanya tanah itu masih Yang Berhormat punya. Maknanya bila kerajaan mengambil tanah itu, dia akan beri *compensation* kepada Yang Berhormat. Itu kebaikannya yang memberi kebaikan kepada tuan tanah yang tidak ada mempunyai syarat kedalaman dia punya tanah, di bawah tanah.

Penguatkuasaan aktiviti perlombongan bauksit agar kejadian yang sama tidak kurang dan *public approach* tidak menjadi beban kepada kerajaan. Ini saya kalau nak baca yang diberi oleh pegawai ini ringkas tetapi kalau saya baca cerita sendiri dia panjang.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, terima kasih jawapan tadi. Jadi tanah itu saya punya sampai balik jumpa sampai habis. Ambil yang pertama itu saya dapat pampasan, kalau kerajaan ambil kali kedua lagi satu *layer* dapat tak pampasan lagi? Atau dah jadi kerajaan punya?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Bagi sekarang Yang Berhormat saya tidak boleh menetapkan macam mana penilaian. Saya sendiri berbincang dengan panjang lebar apabila kerangka undang-undang ini ditaklimatkan kepada saya dan saya ingin mengetahui macam mana cara pengambilan tanah ini dan dari sudut *accounting* dia, dari sudut penilaian dia, penilaian harga tanah ini. Jadi jawapannya sama juga macam penilaian tanah-tanah biasa. Kalau tanah Yang Berhormat telah diambil pada peringkat yang pertama dalam dia, besar dia diambil dekat bawah dan makna dia mungkin tanah Yang Berhormat itu menjadi tanah yang ada nilai oleh sebab pembangunan telah berlaku. Jadi kalau ada kerja mengambil lagi di bawah lagi tanah itu, dia akan – mungkin nilai itu tidak akan hilang walaupun jauh di bawah.

Satu lagi persoalan yang mungkin tidak ditanya di sini tetapi ditanya di Dewan Rakyat, macam mana pula pengambilan. Adakah mengambil kira apa benda yang dekat atas itu? Apa nilai kat atas itu? Jadi jawapan yang kita beri ialah kajian teknikal perlu dibuat dahulu sebelum memberi penilaian dan mengambil tanah tersebut supaya nilai tanah di atas tidak akan berkurangan oleh kerana pengambilan daripada kerajaan yang perlu untuk *public purposes* yang di bawah tanah itu.

Jadi maknanya syarat pengambilan nilai kos tanah itu pengambilan itu belum lagi dipastikan oleh sebab perkara ini adalah perkara yang baharu tetapi *insya-Allah* Yang Berhormat ia adalah jauh lebih baik daripada perundangan yang belum lulus ini ataupun undang-undang sekarang dan selepas lulus Yang Berhormat nanti, *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua dia jadi lebih bernilai lagi. Tanah kita lebih bernilai lagi bila orang ambil. Sekarang kerajaan boleh *bulldoze* dekat bawah, mana kita tahu.

■1610

Tanah kita terowong sudah ada, laluan elektrik sudah ada, laluan api sudah ada dan macam-macam laluan sudah ada dekat bawah sana tetapi sekarang kalau kerajaan hendak buat itu, kerajaan kena ambil secara rasmi dan kena bayar pampasan secara nilai yang ditetapkan nanti.

Penguatkuasaan aktiviti perlombongan bauksit merujuk kepada cadangan pindaan yang dibuat ke atas seksyen 426A Kanun Tanah Negara ini. Kuasa penguatkuasaan telah diperluaskan dengan memasukkan kuasa untuk menahan dan memeriksa kenderaan bagi tujuan pemantapan penguatkuasaan di bawah seksyen 426 berhubung pencabutan atau pemindahan bahan batuan secara tidak sah. Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas *unlawful occupation* bagi aktiviti perlombongan seperti bauksit dengan penambahan kuasa ini. Jadi saya hanya menjawab berlandaskan apa yang kita pinda sahaja. Soalan bauksit itu sendiri kalau Yang Berhormat memang berminat, saya boleh aturkan satu majlis untuk saya beri taklimat secara menyeluruh apa yang kita lakukan di Kuantan khususnya dan macam mana mekanisme kita melaksanakan perkara ini, menangani masalah ini di bawah kementerian kita dengan persetujuan Jemaah Menteri khususnya apabila kita membekukan AP untuk pengekspортan bauksit ke luar negara.

Isu tanah wakaf di Pulau Pinang yang dipegang oleh Indian Muslim apakah Jabatan Ketua Tanah dan Galian *monitor* perkara ini. Perkara ini dikawal selia oleh Majlis Agama Islam Negeri selaras dengan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Wakaf Negeri.

Status pencapaian e-Tanah yang lama diperkenalkan. Sebenarnya Yang Berhormat e-Tanah ini memang kita akan teruskan programnya itulah kenapa undang-undang ini kita pinda. Ini yang saya bangkit persoalan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali tadi bahawa kita melaksanakan secara eksperimental mula-mulanya di Pulau Pinang, di Melaka dan di Negeri Sembilan. Selepas kita melaksanakan itu, kita dapati bahawa kesannya adalah baik kepada kita khususnya di negeri-negeri yang telah melaksanakan e-Tanah ini. Walau bagaimanapun oleh sebab ada sedikit perkara-perkara yang kita lihat adalah tidak wajar bagi kementerian untuk melaksanakan ke seluruh negara, makanya kerajaan telah membuat keputusan apabila dipinta oleh kementerian supaya program e-Tanah ini akan diluaskan

ke seluruh negara secara *privatization*. Jadi syarikat akan mengendalikannya dengan program yang sama dan walaupun negeri Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan itu masih di bawah kementerian.

Walaupun saya telah mencadangkan apabila syarikat ini telah berjaya mengambil alih semua e-Tanah di seluruh negeri-negeri yang lain itu nanti melaksanakannya dan saya juga meminta supaya syarikat memikirkan bagaimana boleh mengambil alih pentadbiran pengurusan e-Tanah di negeri Melaka, Negeri Sembilan dan juga Pulau Pinang. Sebabnya Yang Berhormat, bagi Dewan ini saya beri penjelasan sebenar. Apabila kita melaksanakan eksperimental ini dulu, tujuan kita ialah untuk memperkenalkan program e-Tanah ini kepada tiga negeri yang tertentu. Selepas itu apabila mereka telah diberi program ini dan dilatih dalam program ini mereka akan mengambil alih semuanya, pentadbirannya, pengurusannya dan semua sekali, maknanya latihan kepada pegawai-pegawainya.

Akan tetapi apabila ini berlaku di tiap-tiap negeri Pulau Pinang kah, Melaka kah, Negeri Sembilan beranggapan bahawa kerajaan iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan berterusan menjagakan tiga negeri ini. Ini menjadi satu bebanan kepada kementerian. Jadi itulah kenapa kita tidak laksanakan seluruh negara. Kalau tidak, kita jadi pengurus tanah untuk negeri-negeri seluruh Malaysia. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita melihat program e-Tanah secara *privatization* ini jauh lebih baik daripada diserahkan kepada pihak kementerian. Memang ada pertanyaan...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Penjelasan sikit Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya e-Tanah ini juga Yang Berhormat Menteri akan mengeluarkan geran-geran bagi tiap-tiap individu ataupun geran yang dipohon? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Program e-Tanah ini pengurusan sahaja Yang Berhormat, pendaftaran data maklumat itu sahaja. Pengeluaran tanah itu masih pihak berkuasa negeri. Kuasa-kuasa negeri, kuasa-kuasa persekutuan itu tidak akan terhakis, tidak akan diambil alih oleh mana-mana pihak. Ia hanya kuasa mendaftar sahaja untuk mempercepatkan proses mendaftar. Sebagaimana Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam sebut tadi kalau kita ada satu proses pengeluaran ataupun pendaftaran tanah itu makan masa yang panjang. Kalau 1,000, ataupun 10,000 ia makan masa yang jauh lebih panjang. Jadi kita tidak jauh lebih kompetitif.

Dengan adanya pengenalan e-Tanah ini, negara kita menjadi lebih kompetitif dan kita lebih berjaya melaksanakan e-Tanah seluruh negara, negara kita mungkin akan meningkat bukan lagi di tahap 17 mungkin ke tingkat tahap jauh lebih tinggi lagi dalam pengurusan tanah. Ini kerana kita menarik pelaburan, mereka hendak pentadbiran pengurusan dan pelaksanaan permohonan mereka adalah dibuat dengan secara baik. Sebabnya bila kerajaan negeri sudah lulus, ia serah kepada Jabatan Tanah mentadbirkannya.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Jadi Tuan Yang di-Pertua mengapa kita hendak swastakan. Kenapa tidak kerajaan tubuh satu jabatan lagi, kerjanya untuk urusan e-Tanah tadi ataupun GLC. Ini kerana tanah ini amat serius kerana kalau tersilap tuan punya akan menghadapi masalah. Jadi nanti kesilapan swasta telah menjadi macam kesilapan kerajaan. Kita tak hendak jadi macam tol kan bila

sudah pegang lama, jadi minyak turun harga pun, tol masih sama. Jadi ini isu besar sekarang tanah ini melibatkan setiap orang, setiap rakyat. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang pun kita bimbang anggota Kerajaan Persekutuan sekarang telah mencecah 1.6 juta anggota. Jadi kalau kita hendak tubuh lagi satu jabatan, ini akan menambah lagi anggota-anggota yang kita perlu. Jadi soalan e-Tanah ini ia hanya soalan pentadbiran, pemungutan hasil, pemprosesan kebenaran untuk urus niaga, permohonan pecah bahagi penggunaan, pelupusan, pembangunan, pengambilan tanah, penguatkuasaan dan lelong. Jadi pengurusan sahaja yang dibuat tetapi keputusan itu masih dibuat oleh pihak berkuasa tanah negeri.

Pindah saya kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noraini. Ada saya catat yang Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali punya tadi. Kenapa saya tertarik itu mungkin saya minat. Tanah bawah tanah itu saya sudah sebut tadi. Maksud...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Bersabit dengan geran yang saya tanya tadi itu, di mana agaknya kalau saya hendak propose. Kalau kita tengok geran dulu Yang Berhormat, dalam geran tanah kita ini ada bapa kita, ada tok wan kita, ada tok nek kita, kita tahu sejarah geran. Sekarang ini bila ada elektronik ini terus masuk nama kita. Jadi kita tak tahu sejarah tanah itu. Bolehkah tak kita minta supaya kerajaan masukkan balik seperti dulu? Geran dulu memang cantik, kita tahu saudara kita dan sebagainya. Kadang-kadang kita tak tahu bila kita masuk ke dalam hutan itu kita jumpa adik-beradik kita baru dia bagi tahu ini bapa kau punya dulu, tok wan kau punya dulu. Geran dulu memang cantik Yang Berhormat sebab itu saya bertanya tadi itu siapa yang mengeluarkan geran ini. Kita hendak mencadangkan supaya geran ini balik kepada style lama supaya kita dapat melihat sejarah-sejarah pemilikan tanah itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan yang baik kita akan ambil perhatian. Memang saya kalau geran tanah saya pun saya lihat dia punya sejarah tanah itu siapa punya. Kalau Yang Berhormat pergi ke rumah saya, sejarah tanah rumah kediaman saya itu tidak disangka-sangka rupanya mak saudara isteri saya yang punya. Tak tahu pun saya.

■1620

Jadi pada zaman 60-an dulu bila saya beli tahun 1990, tanah itu rupanya kepunyaan mak sedara isteri saya. Jadi daripada mak sedara, dia jual dengan beberapa orang, balik pada saya. Jadi memang betullah sejarah pemilikan tanah dalam hak milik ia boleh diketahui melalui permohonan carian. Jadi butiran ini akan kita masukkan dalam butiran. Ia ada dalam carian Yang Berhormat. Di mana butiran-butiran ini akan di *key-in* juga untuk berlandaskan sejarah dia, sejarah siapa yang punya tanah itu sejarah dia.

Maksud ini, *written law* sama ada akan menyatupadukan jabatan kementerian-kementerian dan lain kawal selia operasi perlombongan, pemindahan bahan atau tatacara semasa pemindahan dan penetapan sementara di stesen eksport atau pelabuhan. Ini *written law*, yang dirujuk adalah Akta

Pembangunan Mineral 1994. Memandangkan pembangunan mineral digubal oleh Kerajaan Persekutuan selaras dengan Jadual Kesembilan dalam Perlembagaan Persekutuan, akta ini berada di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi sebarang kawalan selia berkaitan dengan sebarang aktiviti perlombongan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan bahasa dan perundangan yang mudah difahami, bagaimana boleh akses untuk dapat nasihat. Jadi Yang Berhormat sebenarnya perkataan undang-undang ini memang banyak menjadi satu persoalan kepada orang. Ini kerana perkataan undang-undang ini berlainan daripada perkataan-perkataan dan istilah-istilah cara kerangka dia, penulisannya daripada perkara-perkara lain. Jadi dia kadang-kadang memang mendatangkan kekeliruan kepada banyak masyarakat. Walau bagaimanapun kita telah meminta supaya peraturan-peraturan di bawah rang undang-undang itu nanti kita buat dengan secara bahasa yang lebih mudah.

Akan tetapi malangnya sekali kadang-kadang kalau kita lihat perkataan ‘endorsan’ tadi, kita kena belajar bahasa Inggeris dahulu *endorsement* itu baru kita mengetahui apa endorsan. Saya sendiri terkejut juga endorsan itu. Itulah sebabnya macam *confrontation* dulu diterjemah oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kepada konfrontasi. Patutnya kita cari bahasa Melayu. Jadi itu menjadi satu masalah. Kena tahu bahasa Inggeris dahulu sebelum mengetahui bahasa Melayu. Bagaimanapun boleh akses untuk dapatkan nasihat. Jadi untuk maklumat Yang Berhormat, Ketua Pengarah Tanah dan Galian sekarang sebenarnya banyak berbincang, sedang berbincang dan terus berbincang dengan pihak penguasa tanah negeri untuk menjelaskan perundangan ini supaya masyarakat-masyarakat mengetahui menerusi pejabat tanah negeri.

Kedua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan juga bertanya apakah tindakan kerajaan bagi melahirkan pentadbiran tanah yang lebih efektif. Pihak kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memperkenalkan sistem penarafan bintang sebagai salah satu mekanisme penilaian dan pengukuran prestasi budaya cemerlang dalam pentadbiran tanah. Penerapan lima bintang diberikan kepada pejabat tanah yang menunjukkan kecemerlangan dalam urusan-urusan yang bernilai tinggi.

Nombor dua, ini soalan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali. Adakah ejen dibenarkan untuk mewakili banyak syarikat atau firma guaman? Kita boleh tetapkan dalam ketetapan melalui rekod pihak yang membuat urusan di pejabat tanah melalui pindaan kepada seksyen 337 Kanun Tanah Negara. Jadi makna dia, peraturan boleh dibuat Yang Berhormat berlandaskan perkara ini.

Saya juga sebagai pengamal undang-undang kita memang mengalami perkara ini. Kadang-kadang ada ejen kita yang pergi pejabat tanah itu dia pun pandai juga main. [Ketawa] Saya pun tidak tahu main apa. Jadi mengaburi mata pihak-pihak. Banyak pihak, bukan sorang sahaja, termasuk peguam itu sendiri. Dikaburinya pendaftaran dia dulu, mana satu yang didahulukan, mana satu yang dikemudiankan. Jadi ini kadang-kadang melambatkan proses.

Kita mengambil kira perkara ini. Ini adalah satu perkara yang penting perkara yang ada kena mengena dengan matlamat kerajaan itu sendiri. Kalau seseorang walau bagaimana baik undang-

undangnya dan peraturan yang kita kenalkan, kalau pengurusan manusia terlibat dalam perkara ini dan tidak dalam keadaan yang baik, dia akan menjelaskan juga sistem yang kita perkenalkan.

Ditanya tadi tanah adat atau *customary land* merujuk tanah adat di Melaka dan Negeri Sembilan diperuntukkan dalam Akta Kanun Tanah Negara dan *Customary Tenure Enactment Negeri Sembilan*, peratusan tanah rizab Melayu seperti dilampirkan. Adakah kelulusan tanah rizab Melayu semakin berkurangan? Berdasarkan rekod kementerian yang diperoleh daripada pihak pentadbiran tanah negeri, kelulusan tanah rizab Melayu di Semenanjung Malaysia didapati meningkat sebanyak 1,933,796.48 hektar pada tahun 2014 berbanding kepada tahun 1947. Maknanya, ada peningkatan tanah rizab.

Pada tahun 1947 tanah rizab Melayu dianggarkan sejumlah 2,422,720 hektar iaitu 18% daripada jumlah keluasan keseluruhan tanah Semenanjung tidak termasuk Pulau Pinang dan Melaka. Sekarang kita mempunyai lebihan hampir dua juta lagi tanah rizab Melayu. Maknanya tiada berkekurangan tanah rizab Melayu di Semenanjung.

Manakala pada tahun 2004 keluasan tanah rizab Melayu dianggarkan berjumlah 4,362,469.549 hektar meliputi 33.79% peningkatan kalau di banding dengan tahun 1947. Jadi keimbangan Yang Berhormat adalah tidak ada. Oleh kerana nampaknya bahawa peningkatan tanah rizab Melayu meningkat.

Kementerian ini tidak mempunyai data secara menyeluruh memandang masalah hakisan dan tambakan pantai sentiasa berlaku di Semenanjung persisiran tanah Malaysia. Jumlah penambakan yang telah dilaksanakan untuk pengawal hakisan pantai seluruh negara adalah sepanjang 34 kilometer ialah melibatkan negeri Terengganu, Negeri Sembilan, Kelantan, Wilayah Persekutuan Labuan, Pahang, Melaka dan Sarawak. Penambakan pantai merupakan kaedah bukan faktor yang dilaksanakan bagi mengawal hakisan pantai pelancongan atau rekreasi.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kita mengalami satu malapetaka yang besar iaitu berhubung dengan hakisan laut. Oleh kerana keadaan cuaca ada hubung kait dengan perubahan iklim pada masa sekarang ini, maka ombak memukul tepian pantai kita dan banyak pantai yang berhadapan dengan Laut China Selatan itu mengalami hakisan. Ada yang dalam keadaan yang kritikal, ada juga keadaan yang terkena sahaja. Kalau dilihat di Sarawak hampir satu pertiga daripada permukaan laut berhadapan dengan Laut China Selatan dianggap kawasan yang terkena hakisan walaupun sedikit sahaja dianggap kritikal. Kerajaan kalau hendak menangani masalah ini memang mempunyai kos yang amat tinggi sekali.

Jadi dalam keadaan sebegini perkara yang dipandang oleh kerana perkara di luar kebolehan kita untuk menghalangnya, maka kerajaan tidak boleh memberi jaminan bahawa kita boleh menambak semula tepian laut yang telah terhakis oleh gelombang ini supaya diukur semula. Hanya bagi sebagai pilihan ialah pihak kerajaan negeri mengambil tindakan yang sebaik mungkin untuk mereka mengenal pasti mereka yang mempunyai tanah yang telah terhakis oleh kerana ombak di tepian laut dan diberi gantian tanah yang di pedalaman jauh daripada tepian pantai.

■1630

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya. Mana yang tidak dijawab, saya mohon jawab bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi yang telah memberi penjelasan yang paling baik, terang dan difahami. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 82 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri] dan diluluskan]

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja saya hendak tanya. Mengapa kita guna perkataan ‘masalah’? Kita tidak ada masalah. Sepatutnya ‘perkara’. Hendak tanya Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi, ayat Inggeris ‘problem’ kah ataupun apa dia yang sebenar. Mengapa sebut “Masalahnya”? Kita bukan hendak ada masalah. Kita hendak bentangkan rang undang-undang.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri penjelasan atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: Itu dalam Aturan Peraturan Mesyuarat. Perkataannya masalah.

[Ketawa]

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, hendak minta Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi, dia pakar bahasa, terangkan betulkah masalah itu? Ataupun tidak betul?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Baiklah Yang Berhormat. Sebenarnya semenjak Dewan ini ditubuhkan pada bulan September 1959, perkataan ‘masalah’ ini telah diguna pakai dalam Dewan. Jadi, Parlimen sebenarnya berlandaskan *convention* dan *usage*, dengan izin. Jadi, oleh sebab *convention* dan *usage* ini telah berlarutan semenjak tahun 1959, bulan September sehingga sekarang ini, melainkan usul Dewan ini sendiri bersetuju supaya perkataan itu diubah kepada perkataan lain, kita akan berterusan menggunakan perkataan ‘masalah’. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Selain daripada itu, dalam bahasa Inggeris apa dia? Dalam bahasa Inggeris. Adakah ‘problem’?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Memang kalau dalam bahasa Inggeris, dia gunakan ‘problem’. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Terima kasih pandangan ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersama dari pagi hingga petang. Saya nampak, termasuk pegawai kita berjuang habis-habisan dari pagi sampai petang. Ada hadir. Bak kata pantun orang Melayu:

Burung merbuk, burung cenderawasih,

Mari hinggap di atas batang,

Saya ucapkan terima kasih,

Kerana Ahli Yang Berhormat sanggup hadir pagi dan petang. [Tepuk]

Pokok serai bunga selasih,

Tanggungjawab saya selesai dan terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 20 Jun 2016. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.36 petang]